

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Mukadimah**

Kajian ini akan membincangkan kerangka utama dalam bahagian pendahuluan, merangkumi latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan, rangka penulisan, dan penutup.

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Kejadian alam yang diciptakan oleh Allah S.W.T mempunyai jutaan rahsia yang belum disingkap manusia. Di dalam al-Qur'an, proses penciptaan langit dan bumi memberi implikasi bahawa wujudnya pencipta yang Maha Esa. Hanya Allah S.W.T yang Maha Esa yang layak disembah dan tiada satu yang mampu menangani kekuasaan-Nya.

Konsep kejadian yang dicatatkan di dalam pelbagai karya khususnya karya klasik yang ditulis oleh para ulama di Nusantara secara amnya di Aceh memperlihatkan satu ketika dahulu corak pemikiran berkaitan dengan alam semesta yakni bulan, bintang, tanah, angin, api dan air memberi tunjuk ajar dalam bidang perubatan berdasarkan pengetahuan astronomi dan ilmu falak.<sup>1</sup> Hal ini bukan sahaja membuka ruang pola pemikiran dan ideologi di kalangan masyarakat Melayu lama malah masih menjadi

---

<sup>1</sup> Syamsul Bahri, **Sejarah Ulama Aceh Di Mesir**, ed. ke-51. Modus Aceh Press, April 14, 2010, h.12.

pegangan dan kepercayaan oleh masyarakat moden masa kini.<sup>2</sup> Antara pemikiran tentang alam terawal difahami manusia ialah kewujudan cakerawala di langit seperti bintang-bintang, planet-planet, bulan dan matahari dengan gambaran buruj yang pelbagai. Hampir semua tamadun awal manusia mempunyai pemikiran yang sama mengenai unsur-unsur tersebut. Pemikiran ini boleh dilihat melalui konsep sains rakyat yakni *folk science*, termasuk melalui mitos, cerita rakyat dan budaya yang dipraktikkan.<sup>3</sup>

Di Alam Melayu, kosmologi Hindu-Jawa mengisi pemikiran awal manusia tentang alam. Beberapa model alam zaman klasik Jawa-Melayu dipersembahkan bermula pada abad ke-7 Masihi sehingga abad ke-16 Masihi.<sup>4</sup> Keadaan ini menunjukkan berlaku pengubahsuaian istilah-istilah daripada Hindu-Buddha ke Islam. Unsur-unsur kosmologi dalam naskhah-naskhah terawal Alam Melayu selepas pengaruh Islam sebagaimana terdapat dalam *Bahr al-Lāhūt* karangan oleh ‘Abdullāh ‘Arif yakni kurun ke 13M/ 7H dan *Buṣṭān al-Salāṭīn* yang dikarang oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī pada abad ke 17M/ 11H.<sup>5</sup>

Penumpuan kajian melalui konsep kejadian alam yang tercatat di dalam al-Qur’ān dan al-Sunah bagi menilai fasal-fasal dalam kitab dapat diuraikan lebih kompleks dan mudah difahami masyarakat. Sementara itu, penelitian melalui hadith yang ditulis dalam

<sup>2</sup> Asmah Omar, *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

<sup>3</sup> Shaharir M.Z., *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

<sup>4</sup> Shaharir M.Z., *ibid*.

<sup>5</sup> Baharrudin bin Zainal, “Konsep Alam Geopusatan Dalam Naskhah *Buṣṭān al-Salāṭīn*” dlm. Makalah *Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu*. Universiti Darul Iman Malaysia, Julai, 2009.

kitab tersebut seharusnya tidak bercanggah dengan perspektif Islam dan bebas daripada unsur *Isrāiliyyāt* sama sekali oleh kerana terdapat 29 fasal di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* yang membincangkan bab penciptaan langit dan bumi.<sup>6</sup>

Perihal kejadian tujuh petala langit dan alam bermula daripada Nūr Muḥammad turut terkandung di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Penerangan mengenai Nūr Muḥammad, disebut melalui perihal yang diutarakan di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* yakni hadith qudsi yang terkenal yang bermaksud:

*"Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka Aku kasih bahawa Aku dikenali, maka Aku jadikan makhluk, maka dengannya mereka mengenaliKu".<sup>7</sup>*

Juga dinukilkannya hadith bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah menjadikan rūh nabi daripada dhat-Nya dan Ia menjadikan alam semuanya dari rūh Muḥammad s.‘a.w.’".<sup>8</sup>*

Kajian ini menerangkan bahawa Allah S.W.T menjadikan *rūh* nabi daripada tidak ada kepada ada dari sisi-Nya, bukannya bermakna bahawa sebahagian daripada Tuhan dijadikan *rūh* nabi.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Abu Bazli Abdul Kadir B. Che Kob, *Aqidah Dan Keimanan*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur, 1989.

<sup>7</sup> Syeikh Nūr al-Dīn Muḥammad Jilani al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Dicetak di tepi Haji Ismail Aceh, *Tāj al-Mūlūk*. Thailand: Maktabah wa Maṭba'āh Muḥammad al-Nahdi wā Āwlādīh, .t.t., h.10.

<sup>8</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, h.10.

Penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arḍ* berlatarkan konsep kejadian yang bermula dari rahsia kekuasaan Tuhan yang belum dikupas setiap fasal isi kandungan di dalamnya. Namun begitu konsep kosmologi yang dibawa kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arḍ* memberi gambaran kesinambungan setiap penciptaan berkait rapat antara satu sama lain.<sup>10</sup> Dalil al-Qur'an juga boleh dirujuk sebagai hujah bahawa alam ini mempunyai kesinambungan melalui sesuatu fenomena. Firman Allah S.W.T di dalam al-Qur'an:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ  
يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَيْثِنَا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِإِمْرِهِ أَلَا لَهُ  
الْحُكْمُ وَالْأُمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ (٤٤)

*Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah S.W.T yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu ia bersemayam di atas 'Arasy; ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan pantas yakni silih berganti dan Ia pula yang menciptakan matahari dan bulan serta bintang-bintang, semuanya tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah S.W.T jualah urusan menciptakan sekalian makhluk dan urusan pemerintahan. Maha suci Allah S.W.T yang Maha mencipta dan mentadbirkan sekalian alam".*<sup>11</sup>

<sup>9</sup> Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2001, h.10-22.

<sup>10</sup> Ahmad Daudy, N.A, *Allah dan Manusia dalam KONSEPSI Syeikh Nururddin al-Rānīrī*. Jakarta, 1983. Lihat juga Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur, 1969, h.29-30.

<sup>11</sup> Al-Qur'an, Surah al-A'rāf 7:54

Tuntasnya, kajian ini sangat signifikan untuk dilaksanakan bagi menganalisis secara tersirat isi kandungan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* disebabkan pembahagian fasal sebanyak 29 fasal disenaraikan. Penceritaan perihal kejadian alam yang bermula dari tujuh petala langit dan berakhir dengan kejadian *aklim*. Konsep hubungan manusia dengan alam memberikan kajian ini lebih menarik untuk diperbincangkan serta masih perlu kepada kajian lanjutan oleh para sarjana sama ada dalam bidang pengajian Islam mahupun bidang sejarah dan sastera. Sementara itu, metode yang digunakan dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* lebih mirip kepada penggunaan metode dokumentasi berdasarkan teks jawi lama dan gaya bahasa dalam menerangkan sesuatu perihal.

## 1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Kajian tentang konsep Nūr Muḥammad telah banyak dilakukan khususnya dalam ilmu tasawuf, sama ada berbentuk hasil-hasil penulisan buku, metode, jurnal, kertas kerja atau lainnya. Antaranya termasuklah kajian yang melibatkan persoalan penciptaan awal alam yang bermula dengan Nūr Muḥammad yang dipetik dari karya al-Rānīrī berjudul *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.

Bagaimana pun, kajian tentang konsep kejadian awal alam menurut pemikiran Islam kurang mendapat sambutan di kalangan sarjana kontemporari untuk dinilai dan diperhalusi melalui kitab-kitab jawi lama. Hal ini menarik minat pengkaji untuk melakukan kajian dan analisis terhadap khazanah ilmu yang terdapat di dalam kitab jawi yang menekankan ilmu kosmologi bermula dengan penciptaan Nūr Muḥammad. Di

samping itu, kajian kitab jawi berjudul *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq* mempunyai inti sari yang amat istimewa dan perlu dimanfaatkan khususnya oleh generasi umat Islam masa kini.

Sejarah kedatangan Islam ke tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya perubahan yang besar dari sudut transformasi pendidikan masyarakat Melayu. Penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam telah mengukuhkan lagi sistem Islam yang merupakan teras dalam memperkuatkan akidah dan menjadikan Islam itu sebagai pelengkap kehidupan.

Pada abad ke-17, masyarakat Melayu Nusantara amnya mendapat pendidikan melalui pengajian agama di pondok-pondok. Menerusi pengajian pondok merupakan satu wasilah bagi meneruskan kesinambuangan penyampaian ilmu daripada guru kepada pelajar. Kemudian masyarakat kampung menghadirkan diri ke surau, madrasah dan masjid bagi mengikuti pengajian agama yang disampaikan oleh para ulama yang fakih dalam ilmu agama seperti ilmu tauhid, kosmologi, fiqah, tasawuf dan akidah.

Kemunculan lapangan ilmu agama dan ulama sewaktu itu seperti Hamzah Fansuri, Nūr al-Dīn al-Rānīrī, Mohd Dā'ūd al-Faṭānī dan 'Abd. al-Rā'uf Singkel membawa kepada ribuan penulisan kitab jawi dalam pelbagai bidang. Namun begitu, hasil penulisan kitab jawi yang ditulis mereka mempunyai khilaf antara satu sama lain terutamanya dalam ilmu mengenal Tuhan. Hal ini menyebabkan kemunculan ajaran *wujūdiyyah* oleh Hamzah Fansuri dan ditentang oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī.

Kitab jawi berjudul *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* yang dikarang al-Rānīrī merupakan salah satu kitab yang menolak aliran ajaran *wujūdiyyah*. Kitab ini banyak membincangkan fenomena alam *sughrā* dan alam *kubrā* seperti penciptaan langit dan bumi, manusia, jin dan syaitan, alam akhirat, syurga dan neraka, *Sidrah al-Muntahā* dan *'Arasy*.

Isi kandungan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* begitu istimewa untuk dikaji dan telah menarik perhatian pengkaji untuk menganalisis kitab tersebut. Oleh kerana peranan kitab jawi yang begitu besar manfaatnya dalam membentuk kefahaman sebenar dalam mengenali Maha Pencipta agar tidak luntur ditelan zaman, maka pengkaji menganalisis beberapa fasal yang boleh diberi perhatian secara serius dan dimanfaatkan kepada pengkaji manuskrip jawi. Justeru, adalah wajar kajian dibuat khusus tentang pemikiran al-Rānīrī sewaktu beliau mengarang berdasarkan penggunaan bahasa, gambaran, petikan hadith untuk disampaikan kepada masyarakat.

Pada penelitian pengkaji, kajian mengenai konsep penciptaan awal alam semesta telah memberi impak amali yang cukup besar dalam kehidupan berakidah di kalangan masyarakat sebagai seorang muslim sejati yang sentiasa berpegang teguh dengan agamanya. Di samping itu kitab jawi ini menjadi rujukan masyarakat sewaktu pemerintahan Sultan Iskandar Thānī yang merupakan Sultan Aceh ke-2 malahan, merupakan salah satu kitab yang digunakan untuk menolak fahaman *wujūdiyyah* yang dipegang oleh Hamzah Fansuri.

Menyedari hakikat inilah, pengkaji memilih kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* sebagai bahan kajian penyelidikan yang bertujuan memantapkan lagi kefahaman asal usul alam ini dan seterusnya memperkasakan akidah umat Islam bagi menghadapi ancaman dan cabaran pemikiran baru yang boleh mengugat kebenaran ajaran Islam dan menentang logik akal manusia.

Kajian ini hanya memfokuskan skop kajian terhadap beberapa fasal yang perlu dianalisis di dalam kitab jawi ini dan dibahagikan kepada dua bahagian penciptaan alam iaitu penciptaan alam *kubrā* merangkumi kejadian tujuh petala langit dan bumi, *Lūh Mahfūz*, *Qalam*, *'Arasy*, *Kursi*, *Sidrah al-Muntaha*, syurga dan neraka, manakala penciptaan alam *sughrā* merangkumi kejadian matahari, bulan dan bintang, awan, air sejuk dan beku, kilat halilintar dan guruh, kerak bumi, laut dan sungai.

Justeru, tajuk penyelidikan ini jarang sekali dikaji secara terperinci dan mendalam. Kajian ini merupakan satu langkah awal untuk mendapatkan suatu pemikiran dan pemahaman yang sahih dan tepat mengenai konsep kejadian alam menurut al-Rānīrī berdasarkan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Selain itu, kajian ini juga memaparkan sejarah hidup penulis dan guru yang membimbing beliau dalam bidang agama sehingga menjadi seorang tokoh ulama yang terkenal di Aceh merangkap penasihat agama kepada Sultan Aceh ke-2.

Oleh itu adalah jelas ulama silam nusantara seperti al-Rānīrī memberi kesan yang besar kepada kerajaan Aceh ketika itu dan perkembangan Islam di nusantara. Sumbangan para ilmuwan dan intelektual yang banyak berjasa kepada perkembangan

ilmu dan pemikiran umat Islam tidak terhitung apabila ribuan naskhah jawi lama yang tersusun dan belum dikaji kesemuanya sehingga hari ni. Harapan pengkaji agar kajian kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* dapat memberi kesan dan dorongan generasi yang akan datang untuk terus merungkai manuskrip tokoh-tokoh ulama nusantara yang semakin ditelan zaman.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Apakah isi kandungan tersirat yang ingin disampaikan di dalam penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* dan biografi penulis?
2. Bagaimanakah yang dikatakan dengan konsep kejadian alam berdasarkan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* ?
3. Apakah yang dijelaskan berdasarkan konsep kejadian alam yang terkandung dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* menurut pemikiran Islam ?

### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengkaji biografi al-Rānīrī dan penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.
2. Menganalisis corak pemikiran al-Rānīrī yang terdapat di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* berdasarkan konsep penciptaan awal alam.
3. Menganalisis konsep kejadian alam berdasarkan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* menurut pemikiran Islam.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memperkenalkan seorang lagi tokoh ulama tasawuf yang berada dalam rantaian jaringan tokoh ulama di Nusantara. Riwayat penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* oleh al-Rānīrī yang merupakan ulama terkenal di Aceh<sup>12</sup> akan dikaji dan dikumpul serta disusun berdasarkan penemuan-penemuan dari kajian yang akan dijalankan.

Selain itu, kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* yang merupakan sisipan kitab *Tāj al-Mulk* ini yang membahaskan konsep kejadian alam melalui 29 perihal fasil penerangan yang ditulis oleh Nūr al-Dīn Bin 'Alī Janjī Al-Rānī Al-Shāfi'i berfahaman mazhab Shafī'i.<sup>13</sup> Oleh itu, hasil analisis yang dilakukan terhadap tulisan al-Rānīrī dapat menjelaskan bahawa konsep kejadian alam selari dengan al-Qur'an dan as-Sunah.

Justeru itu, kajian yang dilaksanakan merupakan penambahan dan perkembangan terhadap khazanah ilmu Islam di Nusantara khususnya. Kajian ini memberi tumpuan kepada manuskrip lama yang tidak popular dalam kalangan para akademik tetapi dipelajari dan diamalkan oleh pengamal perubatan tradisional. Alam Nusantara di Aceh, Tanah Melayu, dan lain-lain mempunyai nilai keilmuan serta ketinggian intelektual yang begitu berharga bagi pengkaji sejarah tradisional.

---

<sup>12</sup> Syamsul Bahri, *Sejarah Ulama Aceh Di Mesir*, op.cit., h.12.

<sup>13</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.1.

Kajian berkenaan manuskrip masih kurang mendapat sambutan dari kalangan pengkaji di peringkat Sarjana, sedangkan kajian manuskrip dan sejarah di Nusantara mendapat perhatian oleh pengkaji Barat seperti *Thomas Walker Arnold (1864–1930)*, *George Ernest Morrison (4 February 1862 – 30 May 1920)*, *Sir Richard Olaf Winstedt (2 August 1878 - 2 June 1966)*, *Charles Otto Blagden, (1864- 1949)*, dan lain-lain. Ini kerana, terdapat hampir 10 ribu naskhah karya Melayu malah lebih berdasarkan penemuan-penemuan di pelbagai lokasi yang menyimpan termasuk di Tanah Abee Aceh, Patani, dan Sri Lanka.<sup>14</sup> Sebanyak 3500 buah manuskrip pula terdapat di perpustakaan Negara.

Keadaan sosiobudaya masyarakat Melayu amnya memberi gambaran yang jelas sama ada dalam bentuk penulisan ilmu pengetahuan agama, penulisan sastera Hikayat dan penulisan dalam bentuk sejarah, hukum undang-undang, ketatanegaraan, cerita panji dan sebagainya.<sup>15</sup> Hal ini adalah hasil daripada kebudayaan masyarakat Melayu yang berasaskan pandangan dunia “*world-view*” dan matlamat masyarakat Melayu.<sup>16</sup>

---

<sup>14</sup> Mahayudin Yahya, *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, h. 24.

<sup>15</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur, 1990, h.57.

<sup>16</sup> Zainal Kling, “Asas Ketuhanan Dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu” dlm. *Jurnal Tamadun Melayu 2*. Kuala Lumpur, 1993, h.402-416. Lihat juga Abdullah Alwi Hassan, “Penyelidikan Asas Kemantapan Pengajian Syariah”, dlm. *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1997, h.22-23.

## **1.6 Skop Kajian**

Pengkaji telah meletakkan batasan kajian agar kajian yang akan dilakukan menepati objektif serta mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Penumpuan kepada skop perbincangan, kajian pengkaji akan lebih terarah untuk mencapai konklusi berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Skop kajian pengkaji akan difokuskan kepada :

- a) Konsep kejadian awal alam yang disebutkan dalam kitab *Bad' Khalq* terjemahannya “*Asal Penciptaan*” pada tepinya dicatatkan karangannya oleh Nūr al-Din Muḥammad Jilani al-Rānīrī.
- b) Tumpuan kajian berdasarkan corak pemikiran al-Rānīrī yang terkandung dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.

## **1.7 Pengertian Tajuk**

Istilah konsep yang membawa maksud pengertian secara am atau buah fikiran yakni idea yang mendasari sesuatu di samping konsep memberi makna rancangan.<sup>17</sup> Menurut al-Qur'ān di dalam surah al-Anbiā menunjukkan keadaan muka bumi dan langit pada saat awal kejadian yang dijelaskan berdasarkan firman Allah S.W.T:

---

<sup>17</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007, h.816, entri “konsep”.

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلًّا  
 شَيْءٌ حَيٌّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (٣٦)

Maksudnya: “*dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (menjadi satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya, dan Kami jadikannya dari air, tiap-tiap benda yang hidup, maka mengapa mereka tidak mau beriman?*”<sup>18</sup>

Para saintis barat telah melakukan kajian yang membawa penemuan penting sebelum alam ini terbentuk, tidak wujud benda lain seperti tiada unsur tanah, udara, air, dan tiada bintang-bintang malah tiada ruang di angkasa malah dikatakan di dalam kekosongan ini terdapat satu titik kecil. Menurut Harun Yahya, bahawa titik ini terlalu kecil sehingga sukar dilihat dengan mata.<sup>19</sup> Pelbagai bahan dimampatkan dalam titik kecil tersebut dan meletup apabila sampai saatnya. Hal ini menyelerakkan segala bahan yang termampat sehingga berpecah. Selepas itu, pecahan-pecahan bahan ini akan bergabung untuk membentuk atom-atom yang pertama, kemudian daripada atom-atom ini, bintang-bintang, matahari, bumi dan planet-planet lain. Pakar sains menamakan letupan ini sebagai "*Big Bang*".<sup>20</sup>

Keadaan ini sejajar dengan kekuasaan Allah S.W.T adalah pencipta kepada "*Big Bang*" dan pengatur kepada bahan-bahan yang berselerakan di angkasa letupan itu berlaku. Firman Allah S.W.T di dalam al-Qur'ān:

<sup>18</sup> Al-Qur'ān, surah al-Anbiā 21:30

<sup>19</sup> Harun Yahya, *Wonders Of Allah's Creation*, terj. Rohidzir Rais. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn. Bhd., 2000.

<sup>20</sup> Harun Yahya, *ibid.*

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنَّى يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُنْ لَهُ صَاحِبَةٌ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ  
 بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (٦٦)

“(Dia lah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah ia mempunyai anak sedang ia tidak mempunyai isteri? ia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah yang maha mengetahui akan segala-galanya.”<sup>21</sup>

Judul penuh kitab ini ialah *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* yang mempunyai 29 fasal bermula dengan Nūr Muḥammad. Menurut al-Rānīrī, selepas Allah menjadikan Nūr Muḥammad atau *rūh* Muḥammad itu tilik kepadanya dengan tilik *māhabbah* atau tilik kasih, maka ia malu dan berpeluh, dari peluhnya itulah dijadikan *rūh-rūh* sekalian anbiā, aulia dan nyawa sekalian orang *mu'min* yang soleh, dan daripada nyawa sekalian *mu'min* yang soleh itu dijadikan nyawa sekalian *mu'min* yang *fasiq*, daripada *mu'min* yang *fasiq* dijadikan nyawa sekalian *mu'min* yang *munāfiq* dan mereka yang kafir.<sup>22</sup>

Kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* dikarang oleh al-Rānīrī pada hari Ahad, 6 Muharam 1047H atau 31 Mei 1637M.<sup>23</sup> Penulisan kitab ini atas perintah Sultan Iskandar Thani.<sup>24</sup> Manuskrip jawi lama ini juga merupakan bab pertama disentuh dalam kitab

<sup>21</sup> Al-Qur'ān, surah al-An'ām, 06:101

<sup>22</sup> Muḥammad 'Uthman El-Muhamady, “Kosmologi Pada Para Fuqaha & Ulama Sufiah Dalam Pemikiran Melayu”, dlm. *Kosmologi Melayu*, ed. Yaacob Harun et. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2001, h.10.

<sup>23</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, h.1. Lihat juga Manuskrip Perpustakaan Negara, MSS 1517(A) (Melayu-Jawi) *Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, fol.4.

<sup>24</sup> Manuskrip Perpustakaan Negara, MSS 1517(A), *ibid.*

*Bustān al-Salāṭīn*<sup>25</sup> dan menyatakan kejadian tujuh petala langit dan bumi dalam 10 fasal.

Antara fasal yang dapat dipetik daripada kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* adalah antaranya:

Pertama,

*Bermula fasal yang pertama pada menyatakan peri yang pertama dijadikan Allah S.W.T dan peri kejadian tujuh petala langit dan bumi dan barang yang taklu' dengan keduanya di dalamnya beberapa fasal yang menyatakan peri kejadian Nūr Muḥammad s.'a.w dan taklu' kepadanya....*<sup>26</sup>

Keduanya,

*(Fasal) Pada menyatakan Lūḥ Maḥfūz ada pun Lūḥ Maḥfūz itu iaitu dijadikan Allah S.W.T daripada mutiara yang putih dan kedua tepinya daripada yākūt yang merah dan kepalanya daripada manikam yang langit dan bumi dan besarnya seperti antara merah dan panjangnya.....*<sup>27</sup>

Ketiganya,

*Pada menyatakan peri kejadian Qalam adapun alam itu dijadikan Allah Ta'ala daripada nūr dan panjangnya seperti antara langit dan bumi (dan) pada suatu riwayat bahawasanya adalah panjang Qalam itu kira-kiranya lima ratus tahun perjalanan dan bulatnya demikian juga dan adalah baginya delapan puluh belahnya.....*<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Kitab *Bustān al-Salāṭīn*, Nūr al-Dīn al-Rānīrī menulis semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thani. Al-Rānīrī menceritakan sejarah Kerajaan Aceh, raja-raja sebelum Iskandar Thani, masa kecil, perkahwinan, pemakaman Baginda Iskandar Thani, hingga tiga orang raja setelah Baginda. Selain itu, kitab ini pun membahas proses penciptaan alam semesta, para nabi, pahlawan, bahkan ilmu pengetahuan.

<sup>26</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, h.9.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h.21.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h.21.

Keempatnya,

(Fasal) pada menyatakan peri kejadian ‘Arasy itu iaitu dijadikan Allah S.W.T daripada manikam yang hijau dan adalah terlebih besar daripada segala yang dijadikan Allah Taala seperti citra.....<sup>29</sup>

Kandungan kitab *Bad’ Khālq al-Samāwāt wa al-’Ard* ini membincangkan perkara *sam’iyat* seperti syurga, neraka, malaikat, ‘Arasy dan lain-lain. Ringkasnya, akal sama sekali tidak boleh membayang, melihat dan mendengar dengan menggunakan pancaindera. Justeru, perkara *sam’iyat* juga merupakan perkara yang tidak dapat digambarkan dengan pancaindera manusia semata-mata dan dapat mengetahuinya melalui akal berlandaskan al-Qur’ān dan al-Hadith.<sup>30</sup>

Definisi analisis adalah penyelidikan atau penghuraian perlu dilaksanakan melalui pelbagai keadaan, masalah atau persoalan untuk mengetahui daripada pelbagai aspeknya ataupun ciri-cirinya secara terperinci atau mendalam.<sup>31</sup> Hal ini seajar dengan kaedah menganalisis sesuatu bahan ataupun data yang telah diperolehi. Analisis memerlukan konsep minda untuk mencari masalah kecil yang rumit agar pendekatan menganalisis lebih awal merupakan kaedah yang terbaik.<sup>32</sup>

<sup>29</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.22.

<sup>30</sup> Wehr, Hans, *A Dictionary of Modern Written Arabic: Arabic-English*. Edited by J. Milton Cowan. London: Macdonald & Evans Ltd & Bayrut: Librairie Du Liban, 1980, entri “ṣem’iyāt”

<sup>31</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007, h.52, entri “analisis”.

<sup>32</sup> *English Dictionary for Students*. U.K.:England, Petter Collin Publishing, July 2001, h.410, entri “analysis”

Merujuk kepada pengertian pemikiran merupakan perihal berfikir iaitu perbuatan berfikir seseorang dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang timbul. Kata akar kepada pemikiran adalah *fikr* iaitu ingatan, angan-angan, akal atau berkait dengan anggapan, pendapat, atau sangkaan.<sup>33</sup> Pemikiran Islam pula adalah satu corak berfikir merujuk kepada metode Islam secara keseluruhannya berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunah.<sup>34</sup> Selain itu, pemikiran dapat disimpulkan sebagai apa sahaja yang berlaku dalam minda<sup>35</sup> dan boleh ditafsirkan sebagai ideologi.

## 1.8 Tinjauan Kajian Terdahulu

Tinjauan kajian berkaitan dengan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq* tidak diperolehi oleh pengkaji secara rasmi atau kajian khusus yang telah dilakukan secara ilmiah atau terbitan artikel. Namun begitu, pengkaji telah meneliti beberapa artikel dan bahan bacaan yang menyentuh fungsi dan pengamalan kitab ini di kalangan masyarakat awam khasnya. Oleh demikian, kepelbagaiannya ilmu yang terkandung di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq* ini memberi pemikiran optimis dalam menggali rahsia kitab jawi lama.

Pengkaji akan membahagikan kajian-kajian yang pernah dilakukan terhadap Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini kepada dua aspek. Pertamanya, kajian terhadap biografi beliau. Keduanya, terhadap penulisan-penulisan beliau.

<sup>33</sup> *English Dictionary for Students*, h.410.

<sup>34</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kristis dan Kreatif*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

<sup>35</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid, *ibid.*, h.78

### 1.8.1 Kajian Biografi al-Rānirī

Kajian mengenai al-Rānirī telah banyak dilakukan oleh para sarjana Barat khususnya dari Belanda<sup>36</sup> dan sarjana Nusantara sendiri<sup>37</sup>. Walaubagaimana pun, kajian-kajian tersebut tidak mengenengahkan sejarah hidup beliau yang lengkap terutama berkaitan dengan kelahiran, pendidikan, guru-guru dan sebagainya. Ini kerana, menurut Ahmad Daudy tiada penulisan, sama ada yang dihasilkan oleh al-Rānirī sendiri atau murid-muridnya, yang menceritakan perjalanan sejarah hidupnya. Sejumlah penulisan yang diusahanya berkisar tentang sesuatu disiplin ilmu dalam Islam dan peranan serta usaha gigihnya menyanggah ajaran *wujūdiyyah*<sup>38</sup>. Antara sarjana Belanda yang telah menghasilkan kajian terhadap sejarah hidup dan ketokohan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī antaranya Christoffel Anthonie Olivier Van Nieuwenhuijze,<sup>39</sup> Petrus Voorhoeve,<sup>40</sup>

---

<sup>36</sup> Drews, G.W.J, “New Light on The Coming os Islam ti Indonesia”, dlm. Ahmad Ibrahim et. al penyelenggara, *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985, h.7-24. Lihat juga Voorhoeve, P., “*Lijst Der Geschriften Van Nuruddin Ar-Ranirie En Apparatus Criticus Biji De Tekst Van Twee Verhandelingen*”. BKI. Dell III, Ze afleeneing, 1955, h.152-161.

<sup>37</sup> Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin Al-Rānirī*. Jakarta: Bulan Bintang, 1978. Lihat juga Attas, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1990.

<sup>38</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta: Rajawali, 1983, h.35-36.

<sup>39</sup> C.A.O. Van Nieuwenhuijze, *Van Nur al-Din al-Raniri als Bestrijder der Wudjudiya (Nūr al-Dīn al-Rānirī as a opponent of the Wudjudiya*, no. 76. Leiden : Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, 1960.

<sup>40</sup> Dalam satu artikel ringkas, beliau telah menyenaraikan dengan lengkap 19 buah karya-karya Nūr al-Dīn al-Rānirī dan turut mengemukakan maklumat tambahan tentang *Hall al-Zill, Syīfā' al-Qūlūb*. Artikel ini diterbitkan dalam “Lijst der Geschriften van Raniri”. Dalam satu artikel lain berjudul “Nuruddin ar-Raniri”, beliau telah melakukan komentar ringkas terhadap maklumat peribadi yang dipaparkan dalam buku biografi *Nuzhah al-Khāwatir wa Bāhjah al-Māshāmī* wa al-Nawazir oleh ‘Abd al-Hayy b. Fakr al-Din al-Hasani. Lihat P. Voorhoeve, *Lijst der geschriften van Raniri en apparatus criticus bij de tekst van twee verhandelingen*. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Landen Volkenkunde, 1955, no. 111. Lihat juga Hashim bin Musa, *A Brief Survey On The Study Of The Malay Sastera kitab On Malay Islamic Thought*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1999, h.55.

Gerardus Willebrordus Joannes Drewes.<sup>41</sup> Manakala dari kalangan sarjana Indonesia ialah R. Hoesin Djajadiningrat,<sup>42</sup> Tudjimah,<sup>43</sup> Teuku Iskandar,<sup>44</sup> Ahmad Daudy<sup>45</sup> dan Azyumardi Azra<sup>46</sup>. Sementara di Malaysia pula ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas.<sup>47</sup>

### 1.8.2 Kajian penulisan al-Rānīrī

Ketokohan Nūr al-Dīn al-Rānīrī demi menghasilkan karya-karya telah menjadi tumpuan masyarakat untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada mereka untuk memahami disiplin ilmu Islam. Karya-karya beliau juga telah menarik minat para pengkaji untuk diteliti secara ilmiah seterusnya diterbitkan dalam bentuk yang sesuai dengan perkembangan zaman ini.

<sup>41</sup> Dalam artikel beliau berjudul “De Herkomst va Nuruddin ar-Raniri”, 1955. Artikel beliau ini membincangkan tentang asal usul Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan tahun kedatangan beliau ke Aceh. Lihat juga G.W.J. Drewes, *De Herkomst va Nuruddin ar-Raniri (The Origin Of Nuruddin ar-Raniri)*, no. 111. Leiden : Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, 1955.

<sup>42</sup> R. Hoesin Djajadiningrat, *Critisch overzicht van de in Maleische werken vervatte gegevens van het Sultanaat van Aceh*, BKI, 1911.

<sup>43</sup> Tudjimah, *Asrār al-Īnshān Fi Mā'rīfāt al-Rūh Wa al-Rāhmān*. Djakarta : Penerbitan Universitas, 1961.

<sup>44</sup> T. Iskandar, *Nuru'd-din Ar-Raniri Bustanu's-Salatin Bab II, Fasal 13*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1966.

<sup>45</sup> Ahmad Daudy M.A., *Syeikh Nuruddin ar-Raniry : Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyyah di Aceh*. Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, 1978. Lihat juga Ahmad Daudy, *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta : CV. Rajawali, 1983.

<sup>46</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Al-Mizan, 1995.

<sup>47</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Raniri And The Wujudiyyah of 17TH Century Aceh*. Singapore: Malaysia Printers Ltd., 1966. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas, *A Commentary On The Ḥujjāt al-Siddiq Of Nūr al-Dīn al-Rānīrī*. Kuala Lumpur : Ministry Of Culture, 1986.

Jamalluddin Hashim, **Kitab Sirāt al-Mustaqīm** karangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (**Kitab al-Tahārah dan al-Šalāh**): Teks dan analisis.<sup>48</sup> Kajian ini menjurus di dalam *fiqh* pertama yang ditulis di Nusantara, maka usaha-usaha menfāhiqīq kitab ini dilaksanakan dengan teliti. Beberapa bab *fiqh* disentuh oleh pengkaji berdasarkan pada empat imam mazhab *fiqh* utama iaitu Hanafi, Maliki, Hanbali dan Shafī‘ī. Selain itu, metode penulisan serta isu-isu *fiqh* yang dipengaruhi dengan unsur tempatan ketika itu diperbincangkan dengan meluas. Perkara *fiqh* yang terkandung antaranya pengertian ibadat melalui solat, puasa, kalimah syahadah, menunaikan zakat dan haji serta membawa beberapa dalil yang berpandukan kepada dalil al-Qur’ān, al-Sunah, Ijmak dan Qiyyas.

Zulkefli Aini, **Doktrin Nūr Muḥammad di alam Melayu : kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nūr al-Din al-Rānīrī dan ‘Abd al-Rauf al-Fansuri**<sup>49</sup> menyentuh doktrin Nūr Muḥammad yang dibawa oleh ulama Nusantara. Kajian ini bermula dengan pengenalan latar belakang bagi tiga orang ulama Nusantara yang terkenal diikuti dengan hasil penulisan melalui karya-karya agung. Antaranya, kitab *Buṣṭān al-Salāṭīn fī Dhikr al-Awwālīn wa al-Ākhīrīn* yang dikarang oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, *Asrār al-‘Arifīn* dikarang oleh Hamzah Fansuri, *Mir’āt at-Tullāb fī Taṣhil Ma’rifat al-Āḥkam al-Shar’īyyah li Malik al-Wāḥāb* dikarang oleh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri. Perbincangan utama tertumpu kepada doktrin Nūr Muḥammad yang memberi

<sup>48</sup> Jamalluddin Hashim, *Kitab Sirāt al-Mustaqīm* karangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (*Kitab al-Tahārah dan al-Šalāh*): Teks dan analisis dlm. tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2011.

<sup>49</sup> Zulkefli bin Aini, *Doktrin Nūr Muḥammad di alam Melayu: kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nūr al-Din al-Rānīrī dan ‘Abd al-Rauf al-Fansuri* dlm. tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

gambaran penentangan tarekat *wujūdiyyah* yang dibawa Hamzah Fansuri ditentang oleh al-Rānīrī dan ‘Abd Rāuf Singkel.

Amin Che Ahmat telah mengkaji **Pemikiran Syeikh ‘Abdullāh ‘Arif tentang doktrin Nūr Muḥammad dalam kitab Bahr al-Lāhūt**<sup>50</sup>. Beliau mengkaji secara tekstual dan membawa lapan contoh manuskrip kitab Bāhr āl-Lāhūt yang telah dikumpul. Hasilnya, pengkaji memiliki manuskrip kitab Bāhr āl-Lāhūt sebanyak 6 naskhah teks salinan dan lagi 2 buah salinan berbentuk mikrofilem tidak dapat diperolehi. Doktrin Nūr Muḥammad pemikiran ‘Abdullah ‘Arif yang dibincangkan dalam kitab turut tersurat konsep penciptaan awal alam yang dibawa oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Konsep *wujūdiyyah* yang ditentang al-Rānīrī memberi gambaran alam ini mempunyai alam bawah dan alam atas menjadi topik yang sama dibincangkan oleh ‘Abdullāh ‘Arif. Alam *Kabir* atau makrokosmos sama seperti yang disebut al-Rānīrī merupakan kenyataan daripada *tajalli Dhāt* Allah S.W.T, menjadi kupasan di dalam kajian ini.

Mohd Syukri Yeoh Abdullah, **Kosmologi Dalam Welstanschauung Ulama Sufi Melayu**<sup>51</sup> membincangkan para ulama sufi Melayu mengemukakan sistem kosmologi yang berhubung kait kewujudan Allah yang Maha Ghaib. Menurut beliau, para ulama sufi Melayu menggunakan konsep *tajalli*<sup>52</sup> kerana penciptaan alam semesta adalah

<sup>50</sup> Amin Che Ahmat, *Pemikiran Syeikh 'Abdullah 'Arif tentang doktrin Nūr Muḥammad dalam kitab Bahr al-Lahut* dlm. tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

<sup>51</sup> Mohd Syukri Yeoh Abdullah, “*Kosmologi Dalam Welstanschauung Ulama Sufi Melayu*” dlm. *Jurnal Akademika 67*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Januari, 2006.

<sup>52</sup> *Tajallī* membawa makna penampakan diri Tuhan dalam penciptaan alam semesta. Lihat Ibn. ‘Arabi 1329/1911 dlm. Seyed Hossein Naṣr, *An Introduction to Islamic Cosmology Doctrines*, 1964.

sinonim dengan tajalli. Falsafah kejadian alam secara ontologi telah diperbahaskan di kalangan ulama Melayu antaranya Hamzah al-Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Nūr al-Dīn al-Rānīrī, Muḥammad Nafis al-Banjari, Mohd Dā'ūd al-Fatānī, Abdul Samad al-Falimbānī dan Syed Muḥammad Naquib al-Attas. Justeru itu, proses kejadian alam semesta melalui empat dimensi alam (alam *Jabārūt*, alam *Malākūt*, alam *Mīthāl* dan alam *Ajsam*) merupakan tajjali secara kesinambungan tanpa kesudahan (*tasalsul*). Proses tajalli merupakan proses penampakan diri Tuhan secara terus-menerus tanpa awal dan akhir dari yang tidak dikenali secara mutlak kepada bentuk yang lebih nyata.

Mohd Zaidi Ismail, **Perihal Alam Semesta Sebagai Kitab Kejadian dan Kesan Ilmiahnya Pada Hala Tuju Sains Tabii: Satu Liputan Ringkas Menurut Rencana Pemikiran Al-Attas**<sup>53</sup> menjelaskan kefahaman dikenali dalam lingkungan akademik mutakhir di Barat sebagai “saintisme” menggunakan ideologi yang berakarkan tradisi keilmuan yang beranggapan bahawa segi-segi, lapisan-lapisan dan bahagian-bahagian yang zahir pada alam semesta inilah sahaja satu-satunya yang wujud dan ilmu sains tabii sahajalah yang layak dianggap sebagai ilmu, malah dijadikan sebagai neraca, piawaian serta tanda-aras bagi sebarang cabang ilmu yang lain. Keadaan ini sama sekali tidak bertepatan dengan budaya ilmu Islam. Menurut beliau Islam mengiktiraf ilmu sains yang merupakan salah satu cabang ilmu *laduni*. Namun, pengetahuan ilmu Islam dalam memperincikan ilmu alam semesta lebih luas dengan berpandu kepada al-Qur’ān dan al-

---

Lihat juga Abd. Fatah Haron Ibrahim (1996), “Martabat Tujuh: Tajalli (Penjelmaan) Allah melalui Tujuh Martabat (lapisan), satu perbincangan mengenai teori kejadian alam laluan menuju ke arah mā’rifat dan insan kamil ”. Seminar Pengajian Usuluddin Peringkat Kebangsaan, 4-6 Oktober 1996: Kuala Lumpur.

<sup>53</sup> Mohd Zaidi Ismail, “*Perihal Alam Semesta Sebagai Kitab Kejadian dan Kesan Ilmiahnya Pada Hala Tuju Sains Tabii: Satu Liputan Ringkas Menurut Rencana Pemikiran Al-Attas*” dlm. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*. Bil. 8, 2007, h.83-102.

Hadith. Justeru beliau mengulas pendapat Syed Muḥammad Naquib Al-Attas yang merujuk *scientism* ini sebenarnya berkaitan dengan beberapa lagi pembawaan dan anutan yang lahir dan giat membiak serta bercambah dalam peradaban yang lebih tepat lagi adalah “kebiadapan”. Ideologi Barat moden seperti *materialism*, *physicalism* dan *reductionism* dan yang lain-lainnya yang semua itu merupakan pelbagai segi pensekularan sebagai “suatu rancangan falsafah”.

Muhammad 'Uthman El- Muhammady, **Kosmologi Pada Para Fuqaha & Ulama Sufiah Dalam Pemikiran Melayu**<sup>54</sup> menyentuh perihal konsep Nūr Muḥammad yang dicatatkan dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq*. Antara nas-nas yang disebut di dalamnya ialah hadith qudsi yang terkenal yang bermaksud: “*Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka Aku kasih bahawa Aku dikenali, maka Aku jadikan makhluk, maka dengannya mereka mengenaliKu*”. Kata beliau bahawa selepas Allah menjadikan Nūr Muḥammad atau *Rūh* Muḥammad itu dijadikan *rūh-rūh* sekalian anbia, aulia dan nyawa sekalian orang *mu'min* yang salih, dan daripada nyawa sekalian *mu'min* yang salih itu dijadikan nyawa sekalian *mu'min* yang *fasiq*, daripada *mu'min* yang *fasiq* dijadikan nyawa sekalian *mu'min* yang *munafiq* dan mereka yang kafir. Selain itu, penulis makalah ini turut menukarkan kisah bahawa Allah menjadikan kandil daripada akik yang merah dan menyimpulkan kitab penciptaan awal alam dengan meriwayat Nūr Muḥammad dalam bentuk seekor burung merak.

---

<sup>54</sup> Muhammad 'Uthman El- Muhammady (Dr.), **Kosmologi Melayu**, 2001, *op.cit.*, h.10.

A. Wahab Ali, **Dari Alam Kudus Ke Alam Cureka, Kosmologi Dalam Sastera Melayu**<sup>55</sup>. Penulis menulis kepercayaan masyarakat di Alam Melayu tentang kejadian atau asal usul alam semesta dan unsur-unsur yang terkandung di dalamnya. Alam ini suci dan menyucikan segala makhluk yang berada di sekelilingnya, mahupun yang berada di atas atau di bawah, yang boleh dilihat atau tidak boleh dilihat, yang berfungsi memurnikan keadaan semesta. Alam yang bersih dan suci terkandung di dalamnya membuat interaksi sesama sendiri yang tidak boleh diputuskan sama sekali. Makalah ini juga menyebut persepsi pusat ketauhidan yang berfungsi mengesakan Allah S.W.T melalui kekuasan alam. Rantaian penciptaan Maha Agung melahirkan pelbagai ribuan cerita makhluk yang berkait rapat dengan awal penciptaan hingga akhir alam. Berdasarkan cerita-cerita ini memberi penggambaran jelas bukti kekuasaan Allah S.W.T serta menjadi teladan kepada para nabi dan manusia sejagat.

Sayyed Hossein Nasr, **An Introduction to Islamic Cosmology Doctrines**<sup>56</sup> menyebut doktrin awal kosmologi menurut persepektif Islam melalui pandangan al-Biruni dan Ibn Sina pada abad ke-10 dan ke-11. Pandangan kedua-dua tokoh ini membawa pencerahan dalam ilmu kosmologi Islam serta mempengaruhi abad kemudiannya. Menurut beliau, Islam sebenarnya sudah berada dalam era keemasan dan kegembilan ilmu alam semesta sekian lama. Kupasan ilmu kosmologi melalui angka-angka menunjukkan pemikiran Islam tradisional memberi kunci pendedahan kepada para ilmuan memahami doktrin kosmologi yang berkait rapat dengan al-Qur'an. Selain

<sup>55</sup> A. Wahab Ali, "Dari Alam Kudus Ke Alam Cureka, Kosmologi Dalam Sastera Melayu" dalam **Kosmologi Melayu**, Yaacob Harun et. (eds.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2001, h.306.

<sup>56</sup> Sayyed Hossein Nasr (1964), **An Introduction to Islamic Cosmology Doctrines**, Baharuddin Ahmad & Osman Bakar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1992.

itu, pengenalan ilmu kosmos dan peringkat alam semesta turut dibincang oleh al-Biruni melalui sistem peredaran planet, pengiraan masa, angkasa, elemen alam, sfera planet serta hubungan Tuhan dengan alam. Di samping itu, Ibn Sina menyentuh kepentingan kehidupan makhluk yang wajib dilaksanakan untuk sujud kepada pencipta. Malahan kejadian syurga dan neraka mempunyai hubungan dengan kejadian manusia sebagai khalifah Allah bagi memenuhi tuntutan alam.

Osman Bakar, **Perspektif Kosmologi Tasawuf Dalam Pemikiran Kosmologi Melayu**<sup>57</sup> membincangkan kosmologi Islam berdasarkan mazhab kosmologi yang memetik semua teori daripada al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber. Menurut penulis, terdapat dua aliran kosmologi iaitu daripada golongan kosmologi tasawuf dan golongan kosmologi *Mutakallimīn*. Dua golongan ini memberi pengaruh yang besar dan tersebar luas serta mempunyai ramai pengikut dari kalangan pemikir-pemikir terkemuka seperti Hamzah Fansuri, Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan Dā'ūd al-Faṭānī. Tumpuan penulis lebih kepada perbincangan tentang hakikat ketuhanan dan pengalaman kaum Sufi mencari dan mengenaliNya. Terdapat beberapa makalah yang diberi tumpuan penulis salah satunya adalah penulisan Nūr al-Dīn al-Rānīrī dalam kitab asal usul penciptaan langit dan bumi yang dikaji oleh pengkaji.

---

<sup>57</sup> Osman Bakar, "Perspektif Kosmologi Tasawuf Dalam Pemikiran Kosmologi Melayu" dalam **Kosmologi Melayu**, Yaacob Harun et (eds.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1992, h.1.

Ahmad Daudy, **Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry**.<sup>58</sup> Penulis menjelaskan kejadian alam melalui konsep daripada *Mutakkallimin*, al-Farabi dan Ibn Sina serta konsep kejadian alam yang dibawa oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Menurut penulisan beliau, golongan *mutakkallimīn* membawa doktrin kejadian alam melalui falsafah Yunānī sama seperti Muktazilah. Keadaan alam ini tidak dimulai dari pada Allah S.W.T secara langsung dan mensabitkan kekuasaan Allah S.W.T yang terbatas, manakala pendapat Ibn Sinā dan al-Farābī menyebut penciptaan alam ini secara tidak langsung yakni penciptaan dengan melimpah (*Faid*). Penulis menyandar bagi kedua tokoh ini berdasarkan teori emanasi, manakala al-Rānīrī menyatakan alam ini dijadikan Allah S.W.T melalui konsep *tajalli* dan beliau menyanggah pendapat yang berbentuk teori emanasi.

Syed Muhammad Naquib al-Attas pula telah melakukan kajian terperinci dalam pelbagai aspek terhadap kitab *Hujjah al-Siddīq* yang diterbitkan dalam beberapa buku iaitu “Rānīrī And The Wujūdiyyah of 17<sup>TH</sup> Century Aceh”,<sup>59</sup> “Comments on the Re-Examination of al-Rānīrī's Hujjah al-Šiddīq : A Refutation”,<sup>60</sup> dan “A Commentary of the Hujjah al-Šiddīq of Nūr al-Dīn al-Rānīrī”.<sup>61</sup>

---

<sup>58</sup> Ahmad Daudy, **Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry**. Penerbit Jakarta: C.V Rajawali, 1983.

<sup>59</sup> Syed Muḥammad Naquib al-Attas, **Raniri And The Wujudiyyah of 17TH Century Aceh**. Singapore : Malaysia Printers Ltd., 1966.

<sup>60</sup> Syed Muḥammad Naquib al-Attas, **Comments on the Re-Examination of al-Raniri's Hujjatu'l Sidiq : A Refutation**. Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1975.

<sup>61</sup> Syed Muḥammad Naquib al-Attas, **A Commentary On The Hujjat al-Siddiq Of Nūr al-Dīn al-Rānīrī**. Kuala Lumpur : Ministry Of Culture, 1986.

Syed Muhamad Naquib Al-Attas , **Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago**.<sup>62</sup> Penulis bersetuju selepas kedatangan tamadun Islam di Nusantara pada abad ke-13 kosmologi tamadun Melayu telah mengalami perubahan. Menurut penulis kedatangan Islam telah memberi pengaruh ke atas sistem dan cara hidup orang Melayu yang sebelum itu menganuti animisme dan Hindu-Buddha. Maka kosmologi tamadun Melayu mengalami perubahan secara berperingkat-peringkat yang memberi kesan dari segi corak kehidupan, perspektif pemikiran dan paradigma yang lebih holistik. Kejadian dan hakikat kewujudan diri manusia dalam seluruh sistem kewujudan yakni ontologi merupakan wawasan masyarakat tentang alam semesta, tentang manusia dan tentang Wujud yang lebih tinggi daripada dirinya. Kesimpulannya, penciptaan sesuatu di alam ini tidak hadir secara bersendirian kerana konsep senantiasa berhubungan dengan yang lain.

## 1.9 Metode Kajian

Metode kajian yang digunakan akan menentukan kualiti dan ketinggian sesuatu hasil kajian ilmiah. Metodologi kajian adalah huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian berkenaan konsep kejadian alam dalam sisipan kitab *Taj al-Mulk* menurut perspektif Islam. Selain itu, objektif utama adalah mengkaji sejarah penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Disamping

---

<sup>62</sup> Syed Muhamad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur, 1969, h.29-30.

itu, pengkaji turut akan mengkaji idea-idea fundamental yang dikarang oleh al-Rānīrī dalam perkara akidah dan pandangannya terhadap percintaan awal kejadian alam.

Kajian ini lebih fokus kepada penyelidikan perpustakaan jika dibandingkan dengan penyelidikan lapangan. Dua jenis metode digunakan untuk mendapatkan maklumat dan menganalisis maklumat tersebut iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

Bagi menjamin serta memastikan kajian ini menepati objektif yang ditetapkan dan bersesuaian dengan fokus utama perbincangan, maka pengkaji telah menetapkan beberapa metode yang bersesuaian dan telah diguna umum dalam kajian ilmiah lain-lain. Kajian akan dianggap bernilai apabila metode-metode yang digunakan menepati dengan objektif dan tujuan sesuatu penyelidikan tersebut. Pengkaji telah menggunakan beberapa metode dalam membuat kajian. Antaranya ialah :

a) Metode Penentuan Subjek

b) Metode Pengumpulan Data.

i. Kajian Perpustakaan.

ii. Metode Dokumentasi.

c) Metode Analisis Data.

i. Metode Induktif.

ii. Metode Deduktif.

iii. Metode Komparatif.

### **1.9.1 Pengumpulan Data**

#### **1.9.1.1 Kajian Perpustakaan**

Pengkaji lebih cenderung untuk menggunakan metode sorotan perpustakaan “*library research*” untuk mengumpulkan data-data kajian di samping tidak mengabaikan metode-metode kajian yang lain.

Pengkaji akan membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan dalam memantapkan kajian dengan pencarian bahan yang pelbagai. Pengkaji menggunakan metode dokumentasi yang dapat memberikan pelbagai maklumat yang berkaitan kajian yang dikehendaki oleh pengkaji berbentuk tesis, disertasi, latihan ilmiah, kertas kerja persidangan, artikel, buku, majalah, jurnal, dan sebagainya yang boleh diperolehi dari mana-mana perpustakaan. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan pengkaji ialah :

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- 2) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, UM.
- 3) Perpustakaan Peringatan Za’aba.
- 4) Perpustakaan Pusat Islam, MAIWP, Kuala Lumpur.
- 5) Muzium Islam Pusat Islam Kuala Lumpur,
- 6) Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
- 7) Arkib Negara, Jalan Duta Kuala Lumpur.
- 8) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak
- 9) Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Alor Setar. Kedah.

- 10) Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM Bangi, Selangor.
- 11) Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- 12) Perpustakaan Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan
- 13) Perpustakaan kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, Selangor.
- 14) Perpustakan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur.
- 15) Perpustakaan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur.

### **1.9.1.2 Metode Dokumentasi**

Untuk penyelidikan lapangan ini pengkaji menggunakan Metode Dokumentasi untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Metode Dokumentasi adalah satu cara mendapatkan maklumat melalui bahan-bahan bertulis seperti catatan, buku, akhbar, majalah dan sebagainya. Data yang terdapat di dalam dokumentasi kebiasaannya adalah bersifat umum dan memerlukan penelitian yang mendalam.

## **1.10 Metode Analisis Data**

Proses analisis data merupakan peringkat penting membuat analisis, kesimpulan serta rumusan dari data dan maklumat yang diperoleh dibuat. Proses penganalisisan maklumat bermula dengan memerhati, mengkaji, menilai dan menganalisis dalam

mencapai keputusan. Ini seterusnya akan dikeluarkan menjadi sebuah hasil kajian yang bertepatan dengan objektif yang ditetapkan. Metode induktif, deduktif, dan komparatif dijelaskan seperti di bawah.

### **1.10.1 Metode Induktif**

Cara menganalisis data melalui cara berfikir bagi mencari bukti dan keterangan serta hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat umum. Kenyataan bersifat khusus khasnya dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* akan dianalisis untuk melihat pemikiran al- Rānīrī.

### **1.10.2 Metode Deduktif**

Menganalisis data dan melakukan penulisan dengan berdasarkan pola berfikir bagi mencari pembuktian dengan menggunakan dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus. Aplikasi metode ini dalam kajian juga penting untuk mencapai kesimpulan konkret mengenai pemikiran Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Pernyataan yang umum mengenai pemikiran Nūr al-Dīn al-Rānīrī memberi gambaran awal terhadap tema-tema asas pemikiran beliau untuk dibandingkan dengan metode sebelumnya.

### **1.10.3 Metode Komparatif**

Metode komparatif ialah membuat perbandingan terhadap data-data yang diperolehi semasa melakukan penelitian atau perbandingan antara pendapat-pendapat atau hujah-hujah yang dikemukakan dari data-data yang dikumpul. Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan segala data dan fakta

yang diperoleh dengan kandungan kitab *Bad' al-khālq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Kenyataan yang diperolehi melalui metode induktif dan deduktif akan dibandingkan.

### 1.11 Susunan Penulisan

Kajian ini merangkumi lima bab, bermula bab pendahuluan hingga penutup. Bab pendahuluan merangkumi latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, tinjauan kajian terdahulu, metodologi penyelidikan, susunan penulisan, dan kesimpulan.

Bab **pertama** adalah kajian berkenaan metodologi penulisan melalui kitab al-Rānīrī berjudul Konsep Kejadian Langit Dan Bumi Menurut Al-Rānīrī: Analisis Kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* Dari Perspektif Pemikiran Islam. Pengkaji akan menulis pengenalan kitab *Bad' Khalq* sebagai pendahuluan kajian agar penjelasan awal dapat difahami melalui metode pemikiran dan sumbangan beliau dapat dianalisis berdasarkan perspektif Islam. Selain itu, ketokohan beliau turut disebut berdasarkan maklumat yang akan dikumpul bagi menambah dapatan kajian yang telah dikaji dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab **kedua** merupakan kajian berpandukan kepada objektif pertama iaitu mengenai penulisan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* dan biografi al-Rānīrī. Pengkaji akan menulis berkenaan ketokohan al-Rānīrī berdasarkan maklumat yang akan dikumpul bagi menambah dapatan kajian yang telah

dikaji. Pemikiran dan sumbangan beliau dalam ilmu *al-Sam‘iyat* dan pandangannya terhadap penciptaan awal kejadian alam, seterusnya diakhiri dengan kesimpulan.

Bab **ketiga** merupakan kajian berpandukan kepada objektif kedua iaitu mengenai pengenalan kejadian alam *sughrā* serta menganalisis daripada setiap fasal yang telah dikategorikan. Kajian ini memfokuskan perbincangan menerusi dalil-dalil al-Qur’ān dan al-Hadith yang terkandung dalam karangan al-Rānīrī. Konsep al-Tauhid dan pandangan al-Rānīrī turut dikupas berdasar kepada konsep penciptaan awal kejadian langit dan bumi.

Bab **keempat** adalah kesinambungan daripada bab ketiga menjurus kepada bab ketiga kajian iaitu menganalisis alam *kubrā*. Seterusnya, menilai hujah dan fakta dalam penggunaan *Isrāiliyyāt* dalam manuskrip *Kitab Bad’ al-Khalq* sama ada wujud dalam penulisan al-Rānīrī. Seterusnya penulis akan merujuk kepada penentuan martabat hadith sama ada *sahīh* atau pun *da’if*. Hal ini memberi implikasi kepada penelitian pengkaji. Lantaran diakhiri dengan kesimpulan.

Bab **kelima** merupakan penutup kepada keseluruhan bab yang dibincangkan dari bab pendahuluan sehingga bab keempat. Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan, dan saranan yang difikirkan bersesuaian untuk kajian seterusnya dalam bidang yang berkaitan dikaji serta kesimpulan kepada kajian disertasi pengkaji.

## **1.12 Penutup**

Kajian *konsep kejadian alam menurut al-Rānīrī: analisis kitab Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* dari perspektif pemikiran Islam perlu diketengahkan dalam lapisan masyarakat agar dapat difahami isi kandungan kitab jawi *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Di samping, kajian karya jawi lama perlu dirujuk kembali agar khazanah berharga ini tidak ditelan zaman malahan tokoh ulama Islam terdahulu tidak dilupai.

## BAB 2

### BIOGRAFI NŪR AL-DĪN AL-RĀNIRĪ

#### 2.0 Pengenalan

Perbincangan bab ini lebih tertumpu pada latar belakang kehidupan al-Rānirī. Beberapa perkara turut disentuh seperti latar belakang kehidupan, latar belakang pendidikan al-Rānirī dan karya-karya penulisan yang telah ditulis dan dikumpul oleh para sarjana dan sumbangan beliau di alam Melayu.

#### 2.1 Nama Dan Kelahiran

Nama penuhnya Nūr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Alī ibn Ḥasan-Jī ibn Muḥammad Ḥāmid<sup>63</sup> al-Qurayshī al-Shāfi‘ī al-‘Ash’ārī al-‘Aydrūsī al-Rānirī<sup>64</sup>. Beliau dilahirkan di Ranir (Rander), iaitu di sebuah pelabuhan lama yang terkenal di Pantai Gujarat, India. Tarikh kelahiran beliau tidak jelas dan tidak dicatatkan secara terperinci oleh pengkaji sejarah. Walau bagaimanapun, sarjana berpendapat yang mengatakan beliau lahir menjelang akhir abad ke-16M/ 10H.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup> Ada yang menyebut dengan Humayd. Lihat al-Attas, *A Commentary on the Hujat al-Siddq of Nūr al-Dīn al-Rānirī*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture, 1986, h.3.

<sup>64</sup> Nama penuh ini ditulis oleh Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, cetakan ke-4. Bandung: Penerbit Mizan, 1998, h.169, tanpa menyatakan rujukan beliau.

<sup>65</sup> Zulkefli bin Aini, “Doktrin Nūr Muḥammad di alam Melayu : kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nūr al-Dīn al-Rānirī dan 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri” dlm. tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Al-Rānīrī dilahirkan di Ranir atau Rander yang terletak di kawasan Teluk Kambai, Gujarat, India.<sup>66</sup> Pada separuh pertama abad keenam belas, Ranir merupakan pelabuhan yang penting dan sibuk serta menarik ramai bangsa Arab, Parsi, Turki dan Melayu untuk berdagang dan menetap di sana.<sup>67</sup> Dari kota ini, para pedagang baylor dengan barang dagangan mereka menuju ke pelabuhan-pelabuhan di wilayah-wilayah Melayu Indonesia. Oleh kerana persaingan yang kuat antara pihak Portugis dengan orang-orang Islam yang mendiami kota pelabuhan ini dan ditambah pula dengan kebencian agama, maka pada tahun 1040H/1530M, pihak Portugis telah menyerang kota Ranir dan menjajahnya. Setelah binasanya kota Ranir, kegiatan perdagangan telah berpindah ke Surat sebagai kota pelabuhan baru di Gujarat.<sup>68</sup>

Berhubung dengan tahun kelahirannya, tidak seorang pun dari kalangan ahli sejarah yang mencatat tarikh lahir beliau secara tepat. Akan tetapi, ahli-ahli sejarah tersebut menganggarkannya kemungkinan besar menjelang akhir abad ke-16M/ 10H.<sup>69</sup>

<sup>66</sup> T. Iskandar (ed.), *Nuru'd-din ar-Raniri: Bustan al-Salatin Bab II, Fasal 13*, 1996, *op.cit.*, h.2 Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*. Kelantan: Pustaka Aman Press, 1966, h.144. Lihat juga Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional, 1978, h.194. Lihat juga Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin Al-Raniri*, *op.cit.*, 1978, h.9. Lihat juga Ahmad Daudi, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, *op.cit.*, 1983, h.36. Lihat juga Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. *op.cit.*, 1995, h.169. Lihat juga Wan Mohd Saghir, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. *op.cit.*, 1999, j.5, h.2.

<sup>67</sup> Ahmad Daudy, 1978, *ibid.*, h.10. Lihat juga Ahmad Daudy, 1983, *ibid.*, h.37. Lihat juga Azyumardi Azra, 1995, *ibid.*, h.170

<sup>68</sup> Ahmad Daudy, 1978, *ibid.*, h.11. Ahmad Daudy, 1983, *ibid.*, h.37. Hj. Wan Mohd. Saghir Abdullah, 1985, *ibid.*, 23. Azyumardi Azra (1995), *ibid.*, 170

<sup>69</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture, 1986, h.4. Azyumardi Azra, 1995, *ibid.*, h.170.

### **2.1.1 Gelaran**

Pertamanya, mengatakan bahawa salasilah keturunan nenek moyangnya adalah keluarga al-Ḥamīd dari Zuhrā yakni salah satu dari sepuluh keluarga bangsa Quraisy.<sup>70</sup> Keduanya, sebutan al-Rānīrī dinisbahkan pada Al-Ḥumayd iaitu seseorang yang sering dikaitkan dengan Abu Bakr ‘Abd Allāh b. Zubair al-As’ādī al-Humāydi, seorang mufti Mekah dan merupakan seorang murid yang masyhur al-Syāfi‘ī.<sup>71</sup>

### **2.1.2 Salasilah**

Catatan sejarah salasilah al-Rānīrī menyebut pencampuran negara dan bangsa seperti Melayu dengan Arab. Ibunya berketurunan Melayu<sup>72</sup> dan ayahnya daripada Haḍramaūt, merupakan seorang imigran.<sup>73</sup> Malahan, tahun kelahiran bagi al-Rānīrī tidak dapat dipastikan melalui masa dan tarikh secara tepat, tetapi terdapat dua andaian menyebut berkaitan keturunannya.

Rentetan itu, keluarga besar al-Rānīrī juga merupakan salah seorang pedagang yang tinggal sekian lama malah menyampaikan usaha dakwah melalui bapa saudaranya iaitu Muḥammad Al-Jīlānī b. Ḥasan Muḥammad Al-Humāydi, berdagang ke Aceh pada tahun

---

<sup>70</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, cetakan ke-4. Bandung: Penerbit Mizan, 1998, h. 177.

<sup>71</sup> Azyumardi Azra, *ibid.*, h.177.

<sup>72</sup> Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *Raniri and the Wujudiyyah of the 17<sup>th</sup> Century Aceh*, Singapore: Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 1966, h.12.

<sup>73</sup> Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. *op.cit.*, h.36-40.

1580 dan 1583 selanjutnya menyebarkan dakwah melalui kuliah agama<sup>74</sup>. Antara ilmu yang disampaikannya adalah ‘ilm al-fiqh, ’uṣūl al-fiqh, akhlāq, manṭiq, dan balāghah.<sup>75</sup> Keluarga al-Rānīrī kebanyakannya adalah perantau dan menetap di kota sekitar pelabuhan Samudera India dan wilayah kepulauan Melayu Indonesia.<sup>76</sup>

### 2.1.3 Perjalanan Hidup

Dikatakan pelabuhan bersejarah di Pantai Gujarat kerap kali didatangi imigran yang berdagang dari pelosok negeri antaranya dari Timur-Tengah, Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, dan Eropah.<sup>77</sup> Tujuan utama pedagang ke pelabuhan bersejarah itu adalah memperkembangkan perniagaan barang dagangan serta mencari sumber ekonomi baru.<sup>78</sup> Selain itu, usaha penyebaran dakwah kelihatan di kalangan pedagang melalui pendidikan ilmu, pembacaan kitab agama, muamalah dalam urusan jual beli dan sebagainya.<sup>79</sup>

Menurut Jelani Harun, al-Rānīrī berada di Alam Melayu buat kali pertama antara tahun 1621 hingga tahun 1637.<sup>80</sup> Kedatangan al-Rānīrī ke Alam Melayu sebagai seorang guru sufi yang berilmu pengetahuan tinggi dengan berbekalkan pengalaman serta semangat yang dimiliki oleh ayah saudaranya apabila beliau sampai ke Aceh 50

---

<sup>74</sup> Al-Rānīrī, *Buṣṭān Al-Sālāṭīn:(Bab Pertama dan Kedua)* Jelani Harun, ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

<sup>75</sup> Al-Rānīrī, *Buṣṭān Al-Sālāṭīn:(Bab Pertama dan Kedua)*, *ibid.*, h.339-340.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h.339-340.

<sup>77</sup> *Ibid.*, h.178.

<sup>78</sup> *Ibid.*, h.178.

<sup>79</sup> *Ibid.*, h.178.

<sup>80</sup> *Ibid.*, h.339-340.

tahun kemudian.<sup>81</sup> Namun begitu, al-Rānīrī tidak terkenal sewaktu pemerintahan Sultan Iskandar Muda pada tahun 1637. Hal ini kerana situasi politik dan keagamaan di Aceh tidak mengizinkan beliau untuk berada dalam lingkungan Institusi Istana. Ketika itu, Sultan Iskandar Muda memberi perlindungan dan naungan kepada gerakan *wujūdiyyah* yang dipelopori Syamsuddin yang juga seorang ulama dan mufti kerajaan Aceh.<sup>82</sup>

Sewaku itu, doktrin *wujūdiyyah* menjadi pegangan rasmi kerajaan. Keadaan ini bertentangan dengan sikap dan pendirian al-Rānīrī yang begitu keras dan tidak berkompromi terhadap ajaran dan fahaman *wujūdiyyah* yang dibawa oleh kedua-dua tokoh tersebut. Oleh itu, beliau mengambil pendekatan dengan tidak menentang arus politik dan keagamaan pada ketika Sultan Iskandar Muda masih memegang tumpuk pemerintahan.<sup>83</sup> Malahan, karya-karya beliau yang ditulis pada tahun 1637 tidak mendapat perhatian dan perlindungan daripada pemerintah.<sup>84</sup> Sehubungan dengan itu, beliau dikatakan pergi ke Semenanjung Tanah Melayu seperti di Pahang. Beliau pernah bermastautin di Pahang sebelum menetap di Aceh iaitu kira-kira 7 tahun sehingga menjawat jawatan Mufti. Menurut catatan sejarah, Ahmad Daudy menyebut al-Rānīrī merupakan tulang belakang dalam reformasi akidah umat Islam di Aceh dengan

<sup>81</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. op.cit., h.38.

<sup>82</sup> Mahyuddin Haji Yahya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks, Jilid I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, h.45.

<sup>83</sup> Al-Attas, *Raniri and the Wujudiyyah of the 17<sup>th</sup> Century Aceh*, op.cit., h.14. Lihat juga Peter G. Riddel, *Islam and The Malay Indonesian World: Transmission and Responses*. Singapore: Horizon Books, 2001, h.117-118.

<sup>84</sup> Tudjimah, *Asrar al-Insan fi Ma'rifa al-Ruh wa'l-Rahman*. Djakarta: P.T Penerbitan Universitas, 1960, h.4

mengenepikan segala bentuk ajaran *wujūdiyyah* yang dibawa oleh Hamzah Fansuri. Beliau meninggal dunia di India pada tahun 1658 M.<sup>85</sup>

Apabila Sultan Iskandar Muda mangat dan digantikan dengan Sultan Iskandar Thani pada tahun 1637, barulah al-Rānīrī datang semula ke Aceh<sup>86</sup>. Disebabkan al-Rānīrī dikenali rapat oleh Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang, maka beliau dengan mudah dilantik menjadi Syeikh al-Islām iaitu satu jawatan yang tertinggi dalam hirarki kerajaan Aceh<sup>87</sup>. Ketika itu baginda menjadi Tengku Mahkota, dan dengan keluarga diraja Pahang pula melalui jawatan tersebut, al-Rānīrī dilantik menjadi penasihat sultan yang berkaitan dengan hal ehwal keagamaan, ekonomi dan politik<sup>88</sup>. Seterusnya, al-Rānīrī berjaya mempengaruhi Sultanah Safiyyatuddin agar membuka ruang kepada pedagang Gujerat berniaga di Aceh walaupun mendapat bantahan dan tentangan daripada pihak Belanda<sup>89</sup>.

Al-Rānīrī dapat melaksana agenda utama beliau, iaitu gerakan pemurnian akidah dan pemikiran umat Islam dengan melancarkan serangan terhadap ajaran *wujūdiyyah* yang dibawa oleh Hamzah Fansuri dan Syamsuddin. Tindakan yang diambil beliau tidak

---

<sup>85</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*, 1983, *op.cit.*, h.7

<sup>86</sup> Peter G. Riddel, *Islam and The Malay Indonesian World: Transmission and Responses*, 2001, *op.cit.*, h.117-118. Lihat juga Tudjimah, *Asrar al-Insan fi Ma'rifa al-Ruh wa'l-Rahman*, 1960, *op.cit.*, h.4. Menurut R.O Winsted (1878M/ m.1966M), tarikh kedatangan al-Rānīrī ke Aceh kali ke kedua, iaitu ketika pemerintahan Sultan Iskandar Thani ialah pada 6 Muharam 1047H/ 31 Mei 1637. Lihat R.O Winstedt, “Bustanu’s- Salatin: Its Date and Author” in *Journal of the Straits branch of the Asiatic Society*, No.82 (Singapore, 1920), 151.

<sup>87</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddq of Nur al-Din al-Raniri*, 1986, *op.cit.*, h.8.

<sup>88</sup> Al-Attas, *ibid.*, h.8.

<sup>89</sup> Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, 1998, *op.cit.*, h.177.

mencerminkan diri beliau sebagai seorang yang anti tasawuf<sup>90</sup> kerana beliau sendiri seorang sufi yang mengamalkan tarekat al-Rifā'iyyah, al-‘Aydrūsiyyah dan al-Qādariyyah<sup>91</sup>. Beliau menyanggah ajaran *wujūdiyyah* dengan menulis kitab-kitab yang berkaitan dengan tasawuf seperti kitab *al-Fath al-Mubīn*.<sup>92</sup>

Al-Rānirī berada di Aceh selama tujuh tahun (1637-1644M) menghabiskan masanya sebagai seorang alim, mufti dan penulis yang produktif di samping memerah keringat dan tenaga memastikan akidah umat Islam bebas dari fahaman dan ajaran yang menyesatkan.

Pada tahun 1644M/1054H iaitu pada masa pemerintahan Sultanah Safiyyatuddin (permaisuri Sultan Iskandar Thani), al-Rānirī dengan secara tiba-tiba meninggalkan Aceh dan pulang ke tanah airnya di Ranir, India.<sup>93</sup> Beliau terus giat dalam bidang dakwah dan penulisan tentang ilmu agama.

#### 2.1.4 Kematian al-Rānirī

Di penghujung riwayat, al-Rānirī berjuang menentang ajaran *wujūdiyyah* selama tujuh tahun di Aceh dan menghabiskan sisa-sisa kehidupan di tanah kelahirannya, Ranir, India, akhirnya pada hari Sabtu tanggal 22 Zulhijjah 1068H bersamaan dengan 21

<sup>90</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*. Kelantan: Penerbit PAP, 1966, h.147. Lihat juga A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusastraan Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, h.32.

<sup>91</sup> Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, op.cit., h.180.

<sup>92</sup> Al-Rānirī, *al-Fath al-Mubīn*, MSS 2148, PNM, fol.211

<sup>93</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, 1983, op.cit., h.60.

September 1658M<sup>94</sup>, beliau telah dijemput oleh Allah S.W.T dengan meninggalkan jasa-jasa perjuangan dan sejumlah karya-karya yang terus menjadi rujukan dan bahan kajian sehingga ke hari ini.

## 2.2 Latar Belakang Pendidikan

Pendidikan al-Rānīrī bermula dari tempat kelahirannya sendiri iaitu Ranir, kemudian ke Tahrīm, Ḥaḍramūt dan Arab Selatan yakni ketika itu sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu Islam terbesar.<sup>95</sup> Pada tahun 1621M, al-Rānīrī mengunjungi Mekah dan Madinah untuk menunaikan ibadah haji dan menziarahi makam Rasūlullāh ﷺ. ‘a.w. Ketika di Tanah Haram, al-Rānīrī telah mengadakan hubungan silaturahim sesama jemaah haji dan masyarakat Nusantara yang menuntut ilmu agama dan mastautin di tanah Arab.<sup>96</sup>

Kesan daripada hubungan silaturahim itu, perkembangan penguasaan ilmu agama al-Rānīrī semakin berkembang pada kemudian harinya. Al-Rānīrī juga merupakan seorang guru dan pengamal syeikh tarekat Rīfā’īyyah yang diasaskan oleh Ahmad

<sup>94</sup> T. Iskandar (ed.), *Nuru’d-din ar-Raniri: Bustan al-Salatin Bab II, Fasal 13*, op.cit., h.10. Lihat juga Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin Al-Raniri: Sejarah, Karya dan Sanggaran Terhadap Wujudiyyah di Aceh*, 1978, op.cit., h.18. Lihat juga Ahmad Daudy, *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*, 1983, op.cit, h.47. Lihat juga Mahayudin Yahya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, j. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, h.45. Abdul Rahman al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*. op.cit,1966, h.148.

<sup>95</sup> T. Iskandar (ed.), *Nuru’d-din ar-Raniri: Bustan al-Salatin Bab II, Fasal 13*, ibid., h.60.

<sup>96</sup> Ibid., h.60-61.

Rifa'i.<sup>97</sup> Beliau telah mendalami ilmu tarekat Rifa'iyyāh (w. 1183M) melalui ulama keturunan Arab Ḥaḍramaut, Sā'id Abū Ḥafs 'Umar b. 'Abd Allāh Ba Syaiban dari Tarim, atau dikenali dengan sebutan Sayyid Umar Al Aydarūs di Gujarat, India.<sup>98</sup> Sementara Ba Syaiban sendiri belajar tarekat dari ulama Haramayn selama empat tahun, seperti Sayyid 'Umar b. 'Abd Allāh al-Rahim al-Baṣri (w. 1638M), Ahmad Ibrāhīm b. Alan (w. 1624M), dan Rahmān al-Khāṭib al-Syaib (1605M). Dari Ba Syaiban pulalah Nūr al-Dīn Al-Rānīrī dilantik sebagai khalifah untuk menyebar luaskan tarekat Rifa'iyyah di tanah Melayu.<sup>99</sup> Oleh demikian, Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga memiliki salasilah perguruan dengan tarekat *Aydarusīyyah* dan *Qadiriyyah Māqāṣṣārī*.<sup>100</sup>

Selanjutnya, al-Rānīrī telah merantau dalam mencari dan mendalami lagi ilmu-ilmu agama seperti ke Timur-Tengah dan wilayah kecil di India<sup>101</sup>. Selanjutnya beliau mula berhijrah ke wilayah Nusantara, Aceh dan menetap selamanya di sana pada 31 Mei 1637M bersamaan 6 Muharram 1047H.<sup>102</sup> Al-Rānīrī memilih Aceh ketika itu disebabkan perkembangan pembangunan wilayah Aceh menjadi pusat perdagangan, kebudayaan, politik dan agama Islam di kawasan Asia Tenggara, yang menggantikan negeri Melaka setelah dikuasai oleh Portugis (1511M).<sup>103</sup> Selain itu, al-Rānīrī mengikuti bapa

---

<sup>97</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, 1983, *op.cit.*, h.48-58. Lihat juga Karel A. Steenbrink, *Mencari Tuhan Dengan Kacamata Barat*. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijaga Press, 1988.

<sup>98</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, *op.cit.*, h.58.

<sup>99</sup> Aboebakar Atjeh, *Tarekat dalam Tasawwuf*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman, 1979.

<sup>100</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, *op.cit.*, h.58.

<sup>101</sup> Ahmad Daudy, *ibid.*, h.58

<sup>102</sup> *Ibid.*, h.58

<sup>103</sup> *Ibid.*, h.58

saudaranya, Muḥammad Jailani b. Hasan b. Muḥammad Hamid ke wilayah Aceh (1588 M).<sup>104</sup>

### 2.3 Kitab *Bad' Khalq Al-Samāwāt Wa Al-'Ard*

Kitab ini adalah kitab berbentuk sejarah. Maksud kitab ini adalah penciptaan awal langit dan bumi. Ia ditulis dengan nama dan pengantar yang tersendiri. Kitab ini membicarakan kejadian alam dan hubungannya dengan Allah S.W.T, persoalan-persoalan tauhid seperti kedudukan alam sebelum dijadikan, kenapa ia dijadikan dan sebagainya. Kitab ini pernah dicetak beberapa kali di Mekah, Mesir dan Asia Tenggara. Antaranya cetakan Maṭba'ah Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah yang dimiliki oleh 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī & Co, Mesir pada tahun 1344H yang ditashih oleh Haji Darwish Kati al-Azhari. Kitab ini juga pernah dicetak di tepi bersama dengan kitab *Tāj al-Mulk* karangan Haji Ismail Aceh.

Isi kandungan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* meliputi 29 fasal yang bermula dengan kejadian tujuh petala langit dan bumi, *Lūh Mahfūz*, *Qalam*, *'Arasyh*, *Kursi*, *Lū' al-Hamd*, malaikat, *Sidrah al-Muntaha*, jin, syurga, cahaya, *Bait al-Ma'mur*, matahari, bulan dan bintang, *sahwā* dan tahi bintang, awan, sejuk dan air beku, kilat, halilintar dan guruh, bintang, petala langit dan bumi, Ka'abah, bukit *Qāf*, gempa bumi, neraka kerak bumi, laut dan sungai, alam dan berakhir dengan kejadian iklim.

---

<sup>104</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, op.cit., h.58

Naskhah asli kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* sukar ditemui di Malaysia khususnya. Hanya sebahagian kecil helaian kitab yang berusia ratusan tahun wujud di Perpustakaan Negara di bahagian manuskrip jawi Melayu bernombor siri MSS 1517 (A) berjudul *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Keratan kitab yang tidak lengkap dari segi isi kandungannya dan reput di sekeliling kitab menyebabkan ia sukar untuk dibaca pada tulisan jawinya. Namun begitu, kitab ini telah disalin semula dan dicetak dengan keadaan *hāmīsh* bersama dengan kitab *Tāj al-Mulk*.

Permulaan penulisan kitab ini bermula dengan cerita kejadian Nūr Muḥammad. Di awal mukadimah kitab, al-Rānīrī memberi kata pengantar dengan mendatangkan cerita daripada Ibn 'Abbās r.'a. Secara amnya, al-Rānīrī hendak memberi pemahaman kepada pembaca supaya memahami dan menyakini bahawa alam ini bukan diciptakan daripada Nūr Muḥammad. Begitu banyak cerita yang dibawa beliau berpandukan kepada hadith yang menolak bahawa Allah S.W.T tidak menciptakan alam daripada Nūr Muḥammad tetapi dengan pelbagai teori ciptaan awal seperti kejadian Qalam, *Lūh Mahfūz* dan *Kursi*.

Lantaran itu, sebanyak 10 fasal kejadian yang terkandung di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* telah diulang semula oleh al-Rānīrī pada bab pertama di dalam kitab *Busṭān al-Salāṭīn*. Seterusnya kajian di kalangan sarjana terhadap kitab *Busṭān al-Salāṭīn* mendapat sambutan sehingga terbitnya sebuah kajian mengenainya. Selain itu, 10 fasal yang terkandung di dalam kitab *Busṭān al-Salāṭīn* telah ditransliterasikan, dirumikan seterusnya dibukukan semula keseluruhan bab dalam *Busṭān al-Salāṭīn*. Perkara ini merupakan inisiatif yang diambil oleh badan

bertanggungjawab seperti Perpustakaan Negara dan Arkib Negara untuk memelihara khazanah negara.

## 2.4 Karya-Karya Penulisan

Karya al-Rānīrī telah disenaraikan oleh beberapa orang sarjana dan pengkaji<sup>105</sup> seperti P.Voorhoeve,<sup>106</sup> Tudjimah,<sup>107</sup> Ahmad Daudy,<sup>108</sup> al-Attas,<sup>109</sup> Mahayudin Haji Yahya,<sup>110</sup> dan Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah<sup>111</sup>. Al-Rānīrī begitu aktif dan produktif dalam menghasilkan sejumlah buku sebagai disiplin ilmu seperti akidah, fekah, sejarah, hadith, tasawuf, falsafah, perbandingan agama dan sastera.<sup>112</sup> Karya-karya al-Rānīrī boleh didapati di dalam bahasa Arab ataupun bahasa Melayu. Al-Rānīrī juga banyak menghasilkan buku sebelum dan selepas tahun 1644 M yakni ketika beliau berada di Aceh dan di Semenanjung Tanah Melayu sehingga beliau meninggalkan Aceh dan menetap di India. Karya penulisan al-Rānīrī ialah:

<sup>105</sup> Menurut al-Attas, semenjak tahun 1866 apabila sarjana Belanda iaitu Van der Tuuk menerbitkan senarai buku-buku karangan al-Rānīrī dalam *BKI*, beberapa orang sarjana Barat telah berusaha mengkaji mengesan dan menambah lagi senarai tersebut. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1986, *ibid.*, 24

<sup>106</sup> P. Voorhoeve, “Lijst Der Geschriften Van Nuruddin Ar-Rānīrī En Apparatus Criticus Bij De Tekst Van Twee Verhandelingen”, *BKI*, dee 111, 2e aflevering, 1955, h.125.

<sup>107</sup> Tudjimah, *Asrar al-Insan fi Ma’rifat al-Ruh wa’l-Rahman*, 1960, *op.cit.*, h.9-22.

<sup>108</sup> Ahmad Daudy Tinjauan atas “Al-Fātḥ ʻal-Mūlībīn ‘Ala al-Mūlībīn” karya Syeikh Nūr al-Dīn Al-Rānīrī, dlm. A. Rifa’ī Hassan (ed), *Warisan Intelaktual Islam Indonesia*, Bandung: Mizan, 1987, h.24-26.

<sup>109</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddq of Nur al-Din al-Raniri*, 1986, *op.cit.*, h.24-28.

<sup>110</sup> Mahayudin Haji Yahya, *Naskhah Jawi Sejarah dan teks*, j. 1., 1944, *op.cit.*, h.47-54.

<sup>111</sup> Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Ma’rifah: Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, j.1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2004. Lihat juga Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j.2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991, h.1-142.

<sup>112</sup> Peter G. Riddel, *Islam and The Malay Indonesian World: Transmission and Responses*, 2001, *op.cit.*, h.118.

1. *Sirāt al-Mustaqīm*<sup>113</sup> (Jalan yang lurus)

Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu. Buku ini mula ditulis sebelum beliau menetap di Aceh, iaitu pada tahunan 1634 M/1044 H dan diselesaikan pada tahun 1644M/1054H. Buku tersebut dianggap sebagai buku fiqah yang terawal di alam Melayu. Buku ini mengandungi lapan bahagian yang meliputi perbincangan tentang *fiqh al-‘Ibādāt* seperti bersuci, solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya yang ditulis dengan menggunakan pendekatan mazhab Shafi‘ī. Buku ini pernah dikirimkan ke Kedah bersama-sama dengan buku bab *al-Nikah* bagi memperkuuhkan proses pengislaman di Kedah<sup>114</sup>. Buku ini pernah dicetak di Mekah bersama kitab *Sabīl al-Muhtādīn* karangan Syeikh Muḥammah Arshād al-Banjārī pada tahun 1892M. Naskhah asal disimpan di Muzium Banda Aceh dan Pustaka Tanah Abe, Aceh Besar. Manuskipit kitab ini ada di Pusat Manuskipit Melayu Perpustakaan Negara Malaysia dengan rujukan seperti MS 1102, MS 1569, MS 2410 (tidak lengkap), MS 2439, MS 2447, MS 2506 (tidak lengkap), MS 2755, MS 2855 (tidak lengkap), MS 2861 (tidak lengkap). Buku ini juga dikaji oleh R.S Tjokrowinoto bagi memenuhi syarat ijazah sarjana di Universiti Gajah Mada Indonesia dengan tajuk “*Tinjauan Kitab Shirath ‘l-Mustaqim* (Karangan Nūr Al-Dīn Al-Rānīrī)” dan Che Seah @ Che Siah bt. Che Man pada tahun 2005 bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dengan tajuk “Pemikiran Ulama Tradisional Dalam Karya Kitab, Dengan Rujukan Khusus Kepada Kitab Sirat al-Mustaqim Karya Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī”.

---

<sup>113</sup> Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, 1983, *op.cit.*, h.48.

<sup>114</sup> Siti Hawa Saleh (penyelenggara), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, h.115.

## 2. *Durrat al-Farā'id bi Syarh al-'Aqā'id* (Permata Berharga Tentang Huraian Aqidah)

Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu dan merupakan saduran dari kitab *Syarh al-'Aqā'id al-Nasafiyah* karangan Sa'd al-Dīn al-Taftazānī terhadap keterangan buku *Mukhtasar Al-'Aqā'id* oleh Abu Hafs 'Umar Najm al-Dīn al-Nasafi<sup>115</sup>. Penulisan buku ini bermula ketika al-Rānīrī berada di Pahang<sup>116</sup> dalam tahun 1635M/1045H yang membicarakan persoalan akidah. Buku ini pernah diterbitkan pada tahun 1892M/1311H tanpa disebutkan nama penerbitnya. Al-Rānīrī pernah menyebut nama buku ini dalam buku *al-Tibyān fī Ma'rifah al-Adyān*. Manuskrip buku boleh diperolehi di Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor rujukan seperti MS 2519 (tidak lengkap) dan MS 2827.

## 3. *Hidāyah al-Habīb fī al-Targhib wa al-Tarhib* (Petunjuk Kekasih Dalam Hal Yang Menggembirakan dan Menakutkan)

Buku ini merupakan buku dalam bidang hadith yang pertama di Alam Melayu. Buku ini ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu pada tahun 1635M/1045H iaitu ketika al-Rānīrī masih berada di Pahang. Buku ini mengandungi 831 Hadith yang berkisar tentang persoalan *targhib* dan *tarhib*.<sup>117</sup> Menurut T.Iskandar, kitab ini dan kitab *Durrat al-Farā'id* (yang telah dikarang di Semenanjung Tanah Melayu) telah dibawa ke Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani dalam tahun 1638M. Di Perpustakaan Negara Malaysia manuskrip buku ini dengan nombor rujukan seperti MS 2519 (tidak

<sup>115</sup> 'Umar Najm al-Dīn al-Nasafī, pengarang kitab *al-'Aqā'id*, beliau merupakan seorang ahli fekah beraliran Mazhab Ḥanafī dan seorang mutakallim yang beraliran al-Mātūridiyyah. Sa'd al-Dīn al-Taftazānī pula pengarang kitab *Mukhtasar al-'Aqā'id* yang menyempurnakan huraian kitab *al-'Aqā'id* itu pada tahun 768H di Khawarizm.

<sup>116</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*, 1986, op.cit., h.12.

<sup>117</sup> Buku ini lebih ringkas daripada Kitab *Targhib* dan *Tarhib* karangan 'Abd al-'Azīz al-Mundhiri.

lengkap), MS 2564 (tidak lengkap), MS 2622 (tidak lengkap) dan MS 2654. Buku ini pernah dikaji oleh Mohd Muhiden bin Abd. Rahman bagi memenuhi keperluan ijazah doktor falsafah usuluddin Universiti Malaya pada tahun 2003 dengan tajuk “Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan Sumbangannya kepada Pengajian al-Hadith: Kajian Tehadap Kitab *al-Fawa’id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyah*”.

4. *Busṭān al-Salāṭīn fi Dhikr al-Awwalīn wa al-Akhirīn* (Taman Para Sultan Dalam Mengingati Orang-Orang yang Terdahulu dan Kemudian)

Buku ini ialah buku dalam bidang sejarah dan ketatanegaraan. Ia merupakan karangan terbesar dan terkenal dalam bentuk ensiklopedia berbahasa Melayu. Al-Rānīrī menulis buku tersebut ketika beliau sudah berada di Aceh selama 7 bulan iaitu pada tahun 1637M/1047H. Buku tersebut dikenal atas titah Sultan Iskandar Thānī dan ia mengandungi 7 bab; bab pertama tentang kejadian tujuh petala langit dan bumi, kejadian Nūr Muḥammad, malaikat, jin dan iblis (dengan 10 fasal), bab kedua tentang kisah nabi-nabi daripada Nabi Ādām ‘a.s hingga kepada Nabi Muḥammad ﷺ dan kisah raja-raja Parsi, Byzantium, Mesir dan Arab (dengan 13 fasal), bab ke-tiga tentang segala raja yang adil dan wazir yang berakal (dengan 6 fasal), bab ke-empat tentang segala raja yang bertapa dan wali-wali yang sāliḥīn (dengan 2 fasal), bab ke lima tentang segala raja yang zalim dan wazir yang aninya (dengan 2 fasal), bab ke-enam tentang segala orang yang murah lagi mulia dan segala orang yang berani dan besar (dengan 2 fasal) dan bab ke-tujuh tentang berbagai-bagai perkara termasuklah tentang akal, ilmu, firasat, kifarah, ilmu tabib, segala sifat yang ada pada perempuan dan setengah daripada segala hikayat yang ajaib dan ghairah (dengan 5 fasal). Menurut Siti Hawa Haji Salleh, disebabkan karya tersebut besar dan tebal dan kerana keseriusan dan keluasan isinya dalam hampir

semua bab, belum ada kajian yang menyeluruh dilakukan tentangnya.<sup>118</sup> Justeru beberapa kajian berasingan telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana berdasarkan bab-bab tertentu, R.J. Wilkinson pada tahun 1900 mengkaji Bab II dengan tajuk *Kitāb Bustān al-Salāṭīn: Bab yang ke-2*,<sup>119</sup> Teuku Iskandar pada tahun 1966 mengkaji Bab II, Fasal 13 dalam bentuk kajian kritis teks dengan tajuk *Nuru'd-din ar-Rānīrī: Bustān al-Salāṭīn Bab II, Fasal 13*,<sup>120</sup> Rusell Jones mengkaji bahagian pertama Bab IV, Fasal I dan diterbitkan pada tahun 1974 dengan tajuk *Nur'u'd-din ar-Rānīrī Bustanu's-Salatin Bab IV Fasal I*,<sup>121</sup> Catherine Anne Grinter mengkaji Bab IV untuk memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London pada tahun 1979 dengan tajuk *Book IV of the Bustan us Salatin: A Study from the Manuscript of a 17th Century Work Written in North Sumatera*,<sup>122</sup> Siti Hawa Haji Salleh pada tahun 1992 Bab II, Fasal 13 dengan tajuk *Bustān al-Salāṭīn*<sup>123</sup> dan Jelani Haron pada tahun 2004 Bab I dan Bab II, fasal 13 dengan tajuk *Bustān al-Salāṭīn (Bab Pertama dan Kedua)*.<sup>124</sup> Walau bagaimanapun bab 1 telah diterbitkan secara berasingan

<sup>118</sup> Siti Hawa Haji Salleh (penyelenggara) *Bustān al-Salāṭīn*, e.1, e.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 13

<sup>119</sup> R.J. Wilkinson, *Kitab Bustān al-Salāṭīn: Bab yang ke dua* (dalam tulisan jawi), Singapore American Mission Press, 1900.

<sup>120</sup> T. Iskandar (ed.), *Nuru'd-din ar-Raniri: Bustān al-Salāṭīn Bab II, Fasal 13*, 1996, op.cit.

<sup>121</sup> Rusell Jones, *Nur'u'd-din ar-Raniri Bustanu's-Salatin Bab IV Fasal I (a critical edition and translation of the first part of Fasal I which deals with Ibrahim ibn Adham)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

<sup>122</sup> C.A Grinter, "Book IV of the Bustan us Salatin: A Study from the Manuscript of a 17th Century Work Written in North Sumatera" dlm. tesis kedoktoran SOAS, University of London, London, 1979.

<sup>123</sup> Siti Hawa Haji Salleh (penyelenggara), *Bustān al-Salāṭīn*, C.1, e.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

<sup>124</sup> Jelani Harun (ed.), *Bustān al-Salāṭīn (Bab pertama dan Kedua)* ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

dengan tajuk *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*<sup>125</sup> dan pernah dicetak bersama dengan kitab *Tāj al-Mulk* karangan Haji Ismail Aceh<sup>126</sup>.

5. *Nubdhah fī Da'wā al-Zill ma'a Sāhibih* (Huraian Ringkas Tentang Dakwaan Bayang-Bayang dengan Rakan-Rakannya)

Buku yang dikarang dalam bahasa Arab dengan terjemahan Melayu di bawah teks ini tidak dinyatakan tahun penulisannya. Buku ini dikatakan ditulis pada sekitar tahun 1637M - 1641M. Buku yang dikategorikan sebagai buku tauhid dan tasawuf ini membincangkan persoalan ajaran dan fahaman *wujūdiyyah* yang dipersembahkan dalam pendekatan soal-jawab. Di samping itu, ia juga berkaitan dengan perdebatan al-Rānīrī dengan murid-murid Syamsuddin al-Sumatera'i di hadapan Sultan Iskandar Thānī. Buku ini disebut di dalam kitab *Tibyān fī Ma'rifah al-Adyan*. Buku ini masih lagi dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan Peribadi Tengku M. Junus Djamil di Banda Aceh.

6. *Aṣrār al-Insān fī Ma'rifat al-Rūh wa al-Rahmān* (Rahsia-Rahsia Manusia dalam Mengetahui *Rūh* dan Tuhan)

Buku ini merupakan terjemahan dari buku berbahasa Arab ke bahasa Melayu. Ia mula diterjemahkan pada tahun 1640M atas permintaan Sultan Iskandar Tahni. Ia Diselesaikan pada zaman Sultanah Safiyyatuddin pada 25 Safar 1050H/1639M. Al-Rānīrī pernah menyebit buku ini dalam kitab *Jawāhir al-'Ulūm fī Kashf al-Ma'lūm*. Buku ini mengandungi dua bab, bab satu ada 6 fasal dan bab dua ada 5 fasal. Secara umumnya, buku ini menyentuh persoalan manusia, *rūh*, sifat dan hakikatnya serta

---

<sup>125</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.3

<sup>126</sup> Al-Rānīrī, ibid., h.3

hubungan manusia dengan Tuhan. Buku ini dikaji oleh Tudjimah bagi keperluan ijazah kedoktoran di Universitas Indonesia di Jakarta pada tahun 1961. Manuskrip buku ini terdapat di Pusat Dokumentasi Melayu (PDM) Dewan Bahasa dan Pustaka dengan nombor rujukan seperti MS6 dan MS124 (tidak lengkap).

#### 7. *Tibyān fī Ma'rifat al-Adyān* (Penjelasan tentang Pengetahuan Agama-Agama)

Buku yang ditulis dalam bahasa Melayu ini merupakan atas titah Sultanah Safiyyatuddin. Buku ini dikatakan ditulis antara tahun 1642-1644H. Tujuan buku ini ditulis ialah atas keperluan memelihara akidah orang-orang Islam daripada tergelincir. Fokus buku tersebut lebih kepada perbandingan agama dan penjelasan terhadap kesesatan doktrin *wujūdiyyah*. Buku ini mengandungi 2 bab. Bab pertama membincangkan agama yang pernah lahir dan muncul di dunia semenjak dari Nabi Ādam sehingga ke Nabi ‘Isa. Bab kedua pula memfokuskan kelahiran dan kemunculan mazhab, aliran dan fahaman selepas kewafatan Nabi Muhammad ﷺ. Buku ini pernah diterbitkan bersama dengan buku *Hujjah al-Šiddiq li Daf al-Zindiq* oleh P. Voorhoeve dengan tajuk *Twee Maleise Geschriften Van Nuruddin Al-Rānīrī* di Leiden pada tahun 1955. Buku ini telah dikaji, disunting dan diulas oleh M. Rushdan Mohd Jailani bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana di International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) pada tahun 2003 dengan tajuk *An Annotated Translation and Transliteration of Tibyān Fi Ma'rifat al-Adyan of Nūr al-Dīn āl-Rānīrī*. Manuskrip buku ini ada di PNM dengan nomor rujukan MS 102 (tidak lengkap).

#### *8. Akhbār al-Ākhirah fī Aḥwāl al-Qiyāmah* (Berita Akhirat tentang Hal Ehwal Kiamat)

Buku yang dikarang dalam bahasa Melayu ini merupakan atas titah Sultanah Sufiatuddin. Ia selesai ditulis pada tahun 1052H/1641M. Buku yang dikategorikan dalam bidang eskatologi ini merupakan buku terkenal yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Aceh dan bahasa Indonesia. Buku ini mengandungi 7 bab, iaitu tentang Nūr Muḥammad, kejadian Nabi Ādam, maut dan sakaratul maut, tanda-tanda hari kiamat, hal kiamat, hal neraka dan isinya dan sifat syurga serta hakikat segal isinya. Buku ini pernah diulas oleh Edwar Djamaris dari Pusat pembinaan dan pengembangan Bahasa dan Sastera Indonesia dan daerah Jakarta.<sup>127</sup> Kitab ini pernah dikaji oleh Ahmad Taufiq pada tahun 1998 bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Institusi Agam Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta dengan tajuk *Konsep Eskatologi Nuruddin Al-Rānīrī dalam Al-Akhbār Al-Ākhirah fī Aḥwāl al-Qiyāmah* yang kemudiannya diterbitkan pada tahun 2003 (terbitan PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri Solo Indonesia) dengan tajuk “Negeri Akhirat: Konsep Eskatologi Nuruddin Al-Rānīrī”. Manuskrip buku ada di Muzium Nasional Jakarta dan PNM dengan nombor rujukan MS 2471.

#### *9. Hall al-Zill* (Huraian Perkataan Zill)

Buku ini ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu. Ia ditulis atas permintaan seorang sahabatnya yang tidak dinyatakan namanya sekitar tahun 1638 – 1644M. Kitab ini merupakan kitab tauhid dan tasawuf. Al-Rānīrī menterjemahkan tajuk buku ini dengan “menghuraikan perkataan *Zill*”, iaitu huraian lanjut tentang perkara yang disebut dalam

<sup>127</sup> Edwar Djamaris, Nuruddin Ar-Rānīrī Khabar Akhirat dalam hal Kiamat: Suatu Cerita Mengenai Eskatologi, dlm. Dr. Sulastin Sutrisno *et. al* (ed.), *Bahasa-Sastera-Budaya (Ratna) Manikam Untiaian Persembahan kepada Prof. Dr. P.J. Zoetmulder*, c.2, Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press, 1991, 146.

kitab *Nubdhah fī Da'wa al-Zill*. Ia adalah tentang tabii alam dan kejadiannya menurut perspektif orang sufi. Kitab ini pernah diterbitkan oleh C.A.O Van Nieuwenhuijze dalam bentuk facsimile dalam Bijdragen tot de Taal- Land- en Volkenkunde pada tahun 1948. Manuskrip dada di PNM dengan nombor rujukan seperti MS 2466 (i), MS 2488, MS 2581 (j), MS 2595 (c), MS 170 (b), MS 2617 (A) (tidak lengkap), dan Pustaka Peribadi Tengku A Jakfar dan Tengku Junus.

10. *Ma al-Hayat li Ahl al-Mamat* (Air Kehidupan bagi Orang-Orang Mati)

Buku ini ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Ia ditulis atas titah Sultanah Safiatuddin antara ahun 1638 – 1644H. Al-Rānīrī menterjemahkan judul buku ini dengan “air yang menghidupkan segala yang mata hati”. Buku tauhid dan tasawuf yang membahaskan tentang aliran fahaman *wujūdiyyah* dan percanggahan dengan syariat dan perbezaan antara syariat dan tasawuf.

11. *Laṭā'if Al-Asrār li Ahl Allāh al-Atyār* (Kehalusan Rahsia)

Sebuah buku berbahasa Melayu yang membahaskan ilmu tasawuf. Ia juga menyentuh aspek-aspek tertentu ajaran sufi. Buku ini pernah dikaji bagi memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah oleh Muḥammad Zainyy Uthman pada tahun 1997 di International Institute of Islamic Thought an Civilization (ISTAC) dengan tajuk *Raniris Laṭā'if al-Asrār li Ahl Allāh al-Atyār: An Annotated Transliteration together with a translation and An introduction of His Exposition on the Fundamental Aspects of Sufi Doctrines*.

## 12. *Shifā' al-Qulub* (Ubat Hati)

Buku ini dikarang dalam bahasa Melayu dan tidak dinyatakan tahun penulisannya. Ia merupakan kitab tasawuf. Ia mengenai pengertian kalimah syahadah dan cara-cara berzikir kepada Allah. Ia ditulis bagi menangkis orang-orang yang mempunyai pandangan keliru terhadap Tuhan terutama kumpulan *wujūdiyyah* yang salah menafsirkan kalimah *Lā ilāh illa Allāh*. Kitab ini pernah diterbitkan oleh C.A.O. Van Nieuwenhuijze dalam bentuk *facsimile* dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde* pada tahun 1948. Manuskipit kitab ini masih tersimpan di Pustaka Tengku M. Junus Djamil.

## 13. *Hujjat al-Siddiq li Daf al-Zindiq* (Hujah Orang Yang Benar Untuk Menolak Iktikad Orang Zindiq)

Buku yang ditulis dalam bahasa Melayu ini merupakan kitab tauhid dan tasawuf. Ia ditulis atas titah Sultanah Safiyatuddin antara tahun 1638 – 1641M. Ia mengenai persoalan akidah, aliran-aliran teologi dalam Islam, ahli sufi, ahli falsafah dan kaum *wujūdiyyah*. Buku ini pernah diterbitkan bersama dengan buku *Tibyān fi Ma'rifah al-Adyān* oleh P.Voorhoeve<sup>128</sup> dan Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>129</sup>. Manuskipit buku ini ada di PNM dengan nombor rujukan seperti MS 1086.

---

<sup>128</sup> P.Voorhoeve, *Twee Maleise Geschriften Van Nurudiin Ar-Raniri*. Leiden: E.J, Brill, 1995.

<sup>129</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Rānī*, 1986, *op.cit*, h.115.

14. *Faṭḥ al-Mubīn ‘alā al-Mulhibīn* (Kemenangan yang Nyata ke atas kaum Athies)

Kitab ini ditulis pada tahun 1068H/1657M di India setelah beliau pulang ke negara asalnya. Kitab ini dikategorikan sebagai kitab yang terakhir dikarang kerana beliau meninggal dunia setahun selepas itu, iaitu pada tahun 1069H. Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Di dalam kitab ini, beliau menyebutkan sejumlah kitab yang pernah beliau karang selama berada di Aceh. Buku ini ditulis untuk membantah kitab *Harakāt* karangan Syamsuddin al-Sumatra'i dan kitab *Rubā’i Hamzah Fansuri*. Di dalam buku ini, beliau turut membentangkan peristiwa yang beliau alami ketika berada di Aceh terutama yang berkaitan dengan polemik teologi dengan kumpulan *wujūdiyyah* yang berakhir dengan kekalahan di pihak beliau. Walaupun kitab ini ditulis di India, tetapi beliau menghantar buku ini ke Alam Melayu sebagai bekalan dan benteng daripada kumpulan *wujūdiyyah*. Kitab ini merupakan kitab tauhid yang menyentuh persoalan kepentingan memelihara iman mengikut akidah Ahl al-Sunah wa al-Jama'ah dari kumpulan *wujūdiyyah*. Kitab ini juga memfokuskan tentang kecaman yang agak keras terhadap fahaman *wujūdiyyah*, peristiwa pembakarnya kitab-kitab karangan Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumatra'i di hadapan masjid Baiturrahman dan kekalahan beliau di tangan seorang tokoh *wujūdiyyah* yang dikenali sebagai *Sayf al-Rijāl* yang menyebabkan pemerintah menyebelahi tokoh tersebut. Kitab ini pernah diulas secara ringkas oleh Ahmad Daudy<sup>130</sup>. Manuskrip ada di PNM dengan nombor rujukan seperti MS 1137.

---

<sup>130</sup> Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin Al-Ranīrī*, 1978, op.cit., h.21-35

15. *Kifayah al-Salāt*<sup>131</sup> (Cara-cara mengerjakan Solat)

Kitab fiqah yang dipetik dari kitab *al-Sirāt al-Mustaqīm*. Dengan melihat tajuk kitab tersebut, al-Rānīrī menyaringnya secara khusus daripada kitab dengan tajuk yang berasingan.

16. *Al-Lamā'an bi Takfīr man Qālā bi Khalq al-Qur'ān* (Cahaya Terang Pada Mengkafirkan Orang yang Mengatakan al-Qur'an itu Makhluk)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab berserta terjemahannya dalam bahasa Melayu. Kitab ini merupakan kitab tauhid. Kitab ini ditulis selepas kepulangannya ke India. Kitab ini dikarang sebagai jawapan terhadap pertanyaan Sultan Banten, iaitu abu al-Mafakhir 'Abd al-Qādir al-'Ali yang diberi gelaran sultan oleh Sharif Mekah pada tahun 1048H/1638M. Kitab ini juga tertumpu pada sanggahan terhadap ajaran Hamzah Fansuri yang mengatakan bahawa al-Qur'an itu makhluk. Dalam kitabnya *al-Faṭḥ al-Mubīn*, al-Rānīrī ada menyebut kitab ini dengan katanya “ dan adalah kami bayangan *bahath* Quran itu dalam karangan kami yang bernama *Bi Tawdīḥ al-Lam'ān*<sup>132</sup>.

17. *Sawārim al-Siddīq li Qat'i al-Zindīq* (Pedang Orang Saleh untuk Memotong Kaum Zindik)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab. Ia merupakan kitab tasawuf yang ditulis selepas beliau pulang ke India. Kitab ini berkenaan bantahan terhadap fahaman *wujūdiyyah*.

---

<sup>131</sup> Tudjimah menyebutnya sedemikian. Tetapi Ahmad Daudy menyebutnya dengan *Kayfiyat al-Salat*. Lihat Tudjimah, *Asrar al-Insan fi Ma'rifa al-Ruh wa'l-Rahman*, 1960, *op.cit.*, h.21. Lihat juga Ahmad Daudy, *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*, *op.cit.*, h.56. Lihat juga Ahmad Daudy (1987) *ibid.*, h.26.

<sup>132</sup> Al-Rānīrī, *al-Faṭḥ al-Mubīn*, MSS 1137, PNM, 56.

Walapun kitab ini masih belum ditemui, tetapi ia disebut oleh al-Rānīrī di dalam kitab *al-Faṭḥ al-Mubīn*<sup>133</sup>.

18. *Rahiq al-Muhammadiyyah fi Ṭāriq al-Ṣufīyyāh* (Minuman Umat Muhammad pada Jalan Orang-orang Sufi)

Kitab ini merupakan kitab tasawuf yang ditulis setelah beliau pulang ke India. Ia dikatakan ditulis pada tahun 1068H. Ia merupakan kitab terakhir yang beliau hasilkan sebelum beliau meninggal dunia. Justeru, buku tersebut disempurnakan penulisannya oleh muridnya; iaitulah Ṣālāḥ al-Ḏīn Ibrahim bin ‘Abd Allāh pada tahun 1659M dengan menulis khutbah sebagai pengantar<sup>134</sup>. Sehingga kini kitab ini masih belum dijumpai<sup>135</sup>. Walau bagaimanapun menurut ‘Abd al-Ḥayy al-Ḥāṣānī, salinan naskhah kitab ini yang ada dalam simpanan al-Sayyid Nūr al-Ḥassan bin Ṣiddiq Ḥasan al-Qanāwji, terdapat catatan yang ditulis oleh Syeikh Muḥammad ibn Abī Bakr al-Hanafī al-Aḥmadabādī yang menyatakan tarikh kematian al-Rānīrī iaitu pada hari Sabtu, 22 Dhū al-Hijjah tahun 1068H bersamaan dengan 21 September 1658M<sup>136</sup>.

<sup>133</sup> Al-Rānīrī, *al-Faṭḥ al-Mubīn*, *ibid.*, 21, 55; dalam kitab yang sama, MSS 2148, PNM, 211.

<sup>134</sup> Tudjimah, *Asrār al-Insan fi Ma’rifat al-Ruh wa al-Rahman*, 1960, *op.cit.*, h.22. Lihat juga T. Iskandar (penyusun), *Nuru’d-din ar-Raniri: Bustan al-Salatin Bab II, Fasal 13*, 1966, *op.cit.*, h.10.

<sup>135</sup> Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin ar-Raniry : Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyyah di Aceh*, 1978, *op.cit.*, h.56. Lihat juga Mahayudin haji Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan teks*, j. 1, 1994, *op.cit.*, h.52. Menurut Tudjimah, kitab ini tersenarai dalam karangan ‘Abd al-Ḥayy bin Fakhr al-Dīn al-Hasani yang bertajuk *Nuzhah al-Khwātir*, Lihat juga Tudjimah (1960), *ibid.*, h.22.

<sup>136</sup> Al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*, 1986, *op.cit.*, h.12.

19. *Ayna al-Ālam Qabl an Yukhlaq* (Di mana Alam sebelum dijadikan)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tajuk buku tersebut dan tahun penulisannya. Tajuknya diberikan oleh Ahmad Daudy setelah membaca isi kandungannya<sup>137</sup>. Manuskripnya masih tersimpan di Pustaka Tengku M. Junus Djami.

20. *Hidāyah al-Imān bi Fadl al-Mannān* (Bimbingan Iman dengan Kurniaan Tuhan)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kitab ini merupakan kitab tauhid yang menumpukan persoalan seperti iman, Islam dan ma'rifat. Ia di tulis atas titah Sutanah Safiyatuddin. Kitab yang masih dalam bentuk manuskrip ini pernah diperkenalkan secara ringkas oleh 'Alī Hasjmy dalam bukunya '59 tahun Aceh merdeka di bawah Pemerintahan Ratu'<sup>138</sup>. Ia tersimpan di Perpustakaan Tengku Junus Djamil.

## 2.5 Penutup

Al-Rānīrī meneruskan pemikirannya berdasarkan kefahaman daripada perihal penciptaan alam. Berdasarkan makalah al-Rānīrī yang menyentuh bab pengajian Usuluddin melalui bidang ilmu tasawuf, ilmu Tauhid dan ilmu Mantik telah membuka ruang pengembangan ilmu agama di alam Nusantara. Namun begitu, setiap petikan yang dicatatkan di dalam karya al-Rānīrī perlu kepada kajian yang lebih terperinci melalui huraihan setiap fasal penciptaan di dalam kitab *Badr' Khālq al-Samāwāt wa al-'Ard*.

---

<sup>137</sup> Ahmad Daudy, *Syeikh Nuruddin ar-Raniry : Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyyah di Aceh*, 1978, op.cit., h.25.

<sup>138</sup> Hasjmy, A., *Ulama Aceh*, op.cit., h.99-106.

## **BAB III**

### **ALAM KUBRĀ**

#### **3.0 Pengenalan**

##### **3.0.1 Pengertian alam *kubrā* dari sudut bahasa**

Perkataan alam dari sudut bahasa bermaksud dunia dan bumi.<sup>139</sup> Konsep alam berdasarkan pemikiran al-Rānīrī dikatakan ada kaitan dengan teori asal usul Nūr Muhammad. Al-Rānīrī menjelaskan alam bermaksud mengandungi segalanya termasuk yang ada di langit dan di bumi<sup>140</sup>. Alam merupakan keseimbangan kejadian Maha pencipta ke atas makhlukNya.

Al-Qur'ān menggunakan perkataan alam dengan kata nama *a'lām* sebanyak 11 kali<sup>141</sup> diikuti dengan perkataan *tā'lām* sebanyak 21 kali,<sup>142</sup> manakala, perkataan *kubrā* di dalam al-Qur'ān disebut berdasarkan istilah *akbār* sebanyak 23 kali dan istilah *kubrā* sebanyak 6 kali.<sup>143</sup>

##### **3.0.2 Pengertian alam *kubrā* dari sudut istilah**

Perkataan alam dari segi istilah membawa erti isi kandungan alam yang meliputi cakerawala, planet, bintang, langit dan bumi serta rahsia Tuhan di sebalik penciptaan-

<sup>139</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, h.30, entri "alam".

<sup>140</sup> Al-Rānīrī, *Akbar al-Akhīrah fī Ahwal al-Qiyāmah* Ms Jak. Mal No. 804, PNRI, fol. 2.

<sup>141</sup> Al-Bāqī, Muhammad Fu'ād, *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, al-Qāhirah, 1346 H. , h.576-577.

<sup>142</sup> Al-Bāqī, *ibid.*, h.577.

<sup>143</sup> *Ibid.*, h.695.

Nya.<sup>144</sup> Alam *kubrā* bermaksud ciptaan yang diurus oleh kehendak dan perhatian Allah S.W.T yang mempunyai banyak keuntungan kepada manusia dan makhluk-Nya<sup>145</sup>.

Sementara itu, alam merupakan kelestarian daripada ciptaan Allah S.W.T yang wujud di dalam al-Qur'an dan al-Hadith.<sup>146</sup> Islam memandang alam ini adalah hak mutlak Maha Pencipta yang bermula dari titik awal sehingga membongkar khazanah rahsia Allah S.W.T berkonsepkan ilmu tauhid.<sup>147</sup>

Definisi alam *kubrā* mudah difahami sebagai alam besar. Penciptaan alam besar ini merangkumi beberapa fasal yang dikarang oleh al-Rānīrī, dengan setiap pembahagian fasal itu dianalisis berpandukan teks al-Qur'ān, pandangan ulama tafsir dan hadith menerusi pertimbangan akal fikiran.

Gambaran penciptaan alam menurut al-Qur'ān adalah seperti berikut:

﴿ قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكُفُرُونَ بِاللَّهِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَتَجَعَّلُونَ لَهُ أَنْدَادًا ﴾

ذَلِكَ رَبُّ الْعَالَمِينَ

"Katakanlah (wahai Muḥammad): "Sesungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagiNya! Yang demikian (sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan sekalian alam,"<sup>148</sup>

<sup>144</sup> Al-Tabarani, Abu al-Qassim al-Tabarani al-Hafiz (m. 360H), *Al-Mu'jam al-Kabīr*, Baghdad, t.t, entri "a 'lam".

<sup>145</sup> Murtaqā Muṭaharī, *Man and Universe*. Qom, Iran: Ansariyan Publication, 1997, h.81.

<sup>146</sup> Fachruddin M. Mangunjaya, ed., *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi, Dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2007, xxvii.

<sup>147</sup> *Ibid.* xxvii

<sup>148</sup> Al-Qur'ān, surah Fussilat 41: 9

وَجَعَلَ فِيهَا رَوَسِيَّ مِنْ فَوْقَهَا وَبَرَكَ فِيهَا وَقَدَرَ فِيهَا أَقْوَاهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ

سَوَاءٌ لِلْسَّابِلِينَ ﴿١﴾

dan Ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat padanya, dan Ia menentukan ada padaNya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa.<sup>149</sup>

ثُمَّ آسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلأَرْضِ أَتَيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا

قَالَتَا أَتَيْنَا طَآءِبِينَ ﴿٢﴾

Kemudian Ia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Ia berfirman kepadanya dan kepada bumi: "Turutlah kamu berdua akan perintahKu, sama ada dengan sukarela atau dengan paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut - patuh dengan sukarela",<sup>150</sup>

فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَى فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا وَزَيَّنَاهَا

السَّمَاءَ الْدُّنْيَا بِمَصَبِّيحٍ وَحِفْظًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣﴾

Maksudnya: Lalu Ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing. Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memeliha langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui".<sup>151</sup>

<sup>149</sup> Ibid., 41:10

<sup>150</sup> Ibid., 41:11

<sup>151</sup> Al-Qur'ān, surah Fuṣṣilat 41:12

Ringkasnya, pandangan al-Rānīrī mengenai penciptaan alam merupakan bukti kekuasaan Allah S.W.T terhadap makhluknya. Menurut beliau, alam ini mempunyai pelbagai rahsia melalui dimensi Allah S.W.T yang perlu dikupas dan difahami dengan jelas.

### 3.1 Tujuh Petala Langit Dan Bumi

Di dalam al-Qur'ān, perkataan langit berasaskan kata nama *al-Samā'* dalam bentuk *mufrad* disebut sebanyak 120<sup>152</sup> kali manakala dalam bentuk *jama'* pula seperti *al-Samāwāt* disebut sebanyak 190<sup>153</sup> kali. Lawan perkataan *al-Samā'* ialah *al-'Ard* yang bermaksud bumi disebut sebanyak 451<sup>154</sup> kali.

Pandangan al-Rānīrī tentang kejadian tujuh petala bumi dan langit dengan menyebut kejadian tersebut bermula daripada Nūr Muḥammad melalui teks fasal yang pertama di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.<sup>155</sup> Beliau menyatakan di awal perenggan teks bahawa Allah S.W.T adalah Maha Esa dengan *dhāt* dan sifat-Nya. Isi tersurat yang ingin disampaikan al-Rānīrī adalah kewujudan Allah S.W.T tidak disertai oleh mana-mana makhluk.<sup>156</sup> Hal ini digambarkan oleh beliau, hanya Allah

<sup>152</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, h.445-447.

<sup>153</sup> *Ibid.*,447-450

<sup>154</sup> *Ibid.*,33-40.

<sup>155</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.9.

<sup>156</sup> Al-Rānīrī, *Jawāhir al-Siddiq Li Daf al-Zindīq*, MSS 23319, PNM, fol, 61, h. 27

S.W.T sahaja yang wujud di alam azali.<sup>157</sup> Keterangan beliau berdasarkan sabda Nabi ﷺ. ‘a.w yang bermaksud:

“berkata Nabi ﷺ. ‘a.w adalah Allah S.W.T tiada suatu serta-Nya juga pun”<sup>158</sup>

Hadith di atas disusuli dengan kisah Abū Dhar bin al-‘Aqlī bertemu dengan Rasūlullāh ﷺ. ‘a.w untuk bertanyakan di mana kedudukan Allah S.W.T sebelum diciptakan segala makhluk. Rasūlullāh ﷺ. ‘a.w menjawab:

“adalah ada Ia pada ‘amā’, tiada di bawah ada-Nya dan tiada di atas ada-Nya...”<sup>159</sup>

Perawi hadith di atas bersumberkan daripada Yazīd bin Harun<sup>160</sup>. Menurut Ahmad bin Mānī<sup>161</sup>, cucu Ahmad bin Hanbal menjelaskan maksud perkataan *al-‘Amā’* seperti yang dinyatakan dalam hadith merujuk kepada suatu keadaan iaitu tiada sesuatu pun yang menyertai atau bersama-sama dengan Allah S.W.T.<sup>162</sup>

<sup>157</sup> Al-Rānīrī, *Akhbar al-Akhirah fi Ahwal al-Qiyāmah*, Ms Jak. Mal No. 804, PNRI, fol. 2: al-Rānīrī (1344H), *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, Qahirah: ‘Isā al-Bābī wa Syurakā’uh, h.3

<sup>158</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *ibid*, h.9. Matan hadith  
قالَ النَّبِيُّ صَ كَانَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَا شَيْءٌ مَعَهُ

<sup>159</sup> Muḥammad bin ‘Isā bin Surah al-Tirmidhī (t.t), *Sunan al-Tirmidhī*, Muḥammad Nasir al-Dīn al-Albānī (lā-ṭiq ‘ālayh), Kitab Tafsir *al-Qur’ān an Rasul Allāh* ﷺ. Bab 12 wa min Surah Hūd, no. hadith 1109. Matan hadith  
كَانَ فِي عَمَانَتِهِ هَوَاءُ وَمَا فَوْقَهُ هَوَاءُ

<sup>160</sup> Yazid bin Harun (206H/821M), Beliau ialah perawi hadith, buta penglihatan dan merupakan guru kepada Imam Ahmad Bin Hanbal. Lihat juga Brockelmann, Carl, *Geschichte der Arabischen Litteratur*. Leiden:E.J. Brill, 1937, j.2, h.3. Lihat juga Michael Cooperson, *Classical Arabic Biography: The Heirs of the Prophets in the Age of Al-Ma’mun*. UK: Cambridge University Press, 2000, h.19-22.

<sup>161</sup> Ahmed T. Karamustafa, *Knowledge Of God In Classical Sufism: Foundations Of Islamic Mystical Theology*, New Jersey, Paulist Press, 1944, h.262.

<sup>162</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *op.cit*, h.698.

Seterusnya, al-Rānīrī mengemukakan firman Allah S.W.T di dalam hadith qudsi:

كنت كنزا مخفيا فأحببت أن اعرف فخلقت الخلق في عرفوني<sup>163</sup>

Ertinya: “Aku pada perbendaharaan yang tersembunyi maka Aku ciptakan makhluk supaya mereka mengenali-Ku.....”

Merujuk kepada teks di atas, al-Rānīrī menjelaskan penciptaan alam daripada ‘tiada’ kepada ‘ada’ kerana sewaktu itu yang wujud hanyalah Allah S.W.T. Kemudian, Allah S.W.T menciptakan makhluk bagi memenuhi kehendak dan iradah-Nya untuk dikenali dan diketahui oleh segala makhluk-Nya.

Al-Rānīrī mengulas lanjut hubungan *dhāt* Allah S.W.T dengan penciptaan alam melalui kitabnya berjudul *Hāll al-Zill*.<sup>164</sup> Beliau menyebut konteks hubungan pencipta dengan kejadian melalui tiga peringkat iaitu pertamanya peringkat *ta‘āyyūn awwāl* iaitu martabat *wahdah* dikenali sebagai martabat sifat. Keduanya, peringkat *ta‘āyyūn thānī* iaitu martabat *wahidiyyah* dikenali sebagai martabat *asmā'*. Ketiganya, *ta‘āyyūn jāmī'* iaitu *a'yān kharijīyyāh* dikenali sebagai alam arwah.

Bagi memudahkan kefahaman mengenai tiga peringkat ini, al-Rānīrī telah menjelaskan proses setiap peringkat iaitu:

1. Peringkat pertama: *ta‘āyyūn awwāl* iaitu martabat *wahdah* dikenali sebagai martabat sifat. Pada ketika itu Allah S.W.T bertajallī dengan *dhat*-Nya pada *dhat*-Nya atas *dhat*-

<sup>163</sup> Al-Rānīrī, *ibid*, h.10.

<sup>164</sup> Al-Rānīrī, *Hāll al-Zill*, MS 2466, PNM, fol. 239.

Nya. Martabat ini juga dikenali sebagai Hakikat Muhammad<sup>165</sup> dan merupakan cermin pertama yang menggambarkan kesempurnaan *dhat* Allah S.W.T dari azali sehingga kesudahannya secara *mujmāl* (ringkas).<sup>166</sup>

2. Peringkat kedua: *ta‘āyyūn thānī* iaitu martabat *wujūdiyyah* dikenali sebagai martabat *asmā’*. Pada kedudukan ini, menurut al-Rānīrī Allah S.W.T melihat segala *asmā’-Nya* dengan segala sifat-Nya yang Maha Tinggi. Justeru itu, menurut beliau *asmā’* dan sifat Allah S.W.T itu selari dengan *tajallī*-Nya semasa kejadian alam.

3. Peringkat ketiga: *ta‘āyyūn jāmī*<sup>167</sup> iaitu *a‘yān khārijīyyah* dikenali sebagai alam arwah. Beliau selanjutnya menegaskan, hubungan pada peringkat ini Allah S.W.T merealisasikan sesuatu yang dijadikan-Nya selepas perintah Allah S.W.T. Keadaan ini bergantung kepada tiga unsur yang dapat merealisasikan kewujudan sesuatu iaitu *dhāt*, *irādah* dan perintah (*kūn*)<sup>167</sup>.

Daripada tiga peringkat ini, al-Rānīrī mengemukakan dua alasan kenapa alam ni sebagai bayangan (*zill*) Allah S.W.T iaitu pertamanya kewujudan alam ini tidak secara bersendirian kerana dicipta oleh Allah S.W.T dan alam ini bersifat *hadīth* dan bukannya

<sup>165</sup> Martabat ini dikenali dengan hakikat Muhammad kerana berlaku proses *tajallī* Tuhan yang paling sempurna ke atas Nabi Muhammad ﷺ. Menurut al-Rānīrī, nabi Muhammad ﷺ merupakan makhluk pertama yang menerima anugerah *tajallī* daripada Allah S.W.T, sebagaimana yang dinyatakannya اَنَا اُولُو الْيَمْنٍ لِهِ الرَّبُّ ertiinya: “Akulah yang pertama menerima tajalli daripada segala yang menerima tajalli Haqq Ta’ala”. Lihat *Ensiklopedia Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994, vol.2, 4, h.69. Al-Rānīrī, *Lāṭā’if al-Āṣrār Li Āḥl Allāh al-Ātyār*, MSS 2652, PNM, fol. 198.

<sup>166</sup> Al-Rānīrī, *Lāṭā’if al-Āṣrār Li Āḥl Allāh al-Ātyār*, *ibid.*, fol. 147.

<sup>167</sup> Ibn ‘Arabi *Insha’ al-Dawa’ir*, dalam H.S.Nybers, *Kleinere Schriften Des Ibn al-‘Arabi*. Leiden: E.J. Brill, 1919, h.16-19.

*qādim*. Keduanya, alam ini tidak mampu bergerak dengan sendirinya melainkan dengan kuasa dan kehendak Penciptanya iaitu Allah S.W.T.<sup>168</sup>

Sifat Allah S.W.T yang Maha mencipta telah menjadikan Nūr Muḥammad melalui *dhat*-Nya. Al-Rānīrī mengemukakan buktinya dengan memetik hadith qudsi yang membawa maksud Allah S.W.T menjadikan nyawa Muḥammad ḥ.‘a.w daripada *dhat*-Nya dan dijadikan sekalian alam ini daripada nyawa Muḥammad.<sup>169</sup>

Seterusnya, al-Rānīrī menggambarkan permulaan rantaian Nūr Muḥammad sebagai asal-usul penciptaan segala makhluk dan para nabi. Beliau mengemukakan kata-kata daripada *ṣāhib al-Manzūm* iaitu:

“berdampaklah sifat *Jalāl* dan sifat *Jamāl Ghaliblah Jāmāl* atas sifat itu *rūh Muḥammad* iaitu daripada ‘adām kepada wujud”.<sup>170</sup>

Ringkasnya, pandangan al-Rānīrī menjelaskan bahawa sifat *Jalāl* Allah S.W.T terhadap para nabi merupakan aliran Nūr Muḥammad yang bermula daripada Nabi Ādam ‘a.s lalu mengalir di setiap tulang sulbi para nabi sehingga kelahiran Nabi

<sup>168</sup> Dalam kitab *Soal Jawab Mengenai Allah dan Alam*, al-Rānīrī memberi contoh bekas tapak kaki yang menunjukkan bahawa seseorang telah melalui sesuatu kawasan dengan meninggalkan kesan tersebut. Lihat al-Rānīrī, *Soal Jawab Mengenai Allah dan Alam*, MS 2595, PNM, fol.6. Lihat juga Al-Mauduḍī, *al-Mustalah al-Arba’ah fi al-Qur’ān: Ilah al-Rabb al-‘Ibadat*. Kuwait, t.t.. Lihat juga Al-Āṣbāḥānī, Al-Ḥāfiẓ Abū Nu’aim Ahmad b. ‘Abd Allāh (m.430H/1038M), *Hilyat al-Awaliyā wa Tabaqāt al-Āṣyāfiyā*, cet. ke II, Beirut, 1387H / 1967M.

<sup>169</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-‘Ard*, *ibid*, h.10.

<sup>170</sup> Al-Rānīrī, *ibid*, 10.

Muhammad s.a.w.<sup>171</sup> Menurut beliau, keadaan ini merupakan rancangan Allah S.W.T yang Maha mengetahui setiap penciptaan-Nya.

Al-Rānīrī meneruskan ideanya tentang penilikan *mahabbāh* Allah S.W.T terhadap Nūr Muhammad. Menurut beliau, Nūr Muhammad menjadi malu setelah ditilik<sup>172</sup>. Kemudian ia berpeluh sehingga bertitis, daripada titisan itu Allah S.W.T menjadikan segala nyawa anbiā dan nyawa segala auliyā dan nyawa segala *mu'min* yang *soleh* dan daripada nyawa segala *mu'min* yang *fasiq*, dijadikan pula nyawa segala *mu'min* yang *munafiq* dan kafir.<sup>173</sup>

Menurut beliau lagi, nyawa insan merupakan nyawa segala para malaikat dan daripada malaikat itu nyawa segala jin dan daripada jin itu nyawa segala nyawa syaitan dan daripada syaitan itu nyawa segala binatang dan daripada binatang itu nyawa segala tumbuh-tumbuhan. Setengah daripada martabat nyawa itu dijadikan segala nafas bagi tumbuh-tumbuhan yang merangkumi empat perkara, pertama udara (*hawā*), kedua api, ketiga air dan keempat tanah.<sup>174</sup>

Kajian terperinci tilik kasih sayang yang dimaksudkan al-Rānīrī merupakan rantaian kejadian yang bermula dari titisan peluh. Justeru itu, menurut pandangan al-Rānīrī diciptakan Allah S.W.T bermula dengan nyawa para nabi kemudian disusuli dengan segala penciptaan.

<sup>171</sup> Al-Ṣadūq, Abu Ja'far Muhammad b. 'Alī Ḥussayn b. Mūṣā b. Babawayh al-Qummi (m. 381 H/991 M) *Ma'ānī al-Akhbār, Intisyarāt Islāmī*, Dar al-Kutub al-Islamiyyah: Najaf, 1378 H.

<sup>172</sup> Tilik bermaksud tenungan, pandangan, pelihatana.

<sup>173</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit*, h.10.

<sup>174</sup> Al-Rānīrī, *ibid*, h.10.

Namun hanya empat perkara sahaja yang ditekankan al-Rānīrī dapat dianalisis. Umpamanya, pertama Allah S.W.T menghuraikan kekuasaan ciptaan alam ini dengan pantas dengan kehendak-Nya bermula dengan penciptaan asap<sup>175</sup>, keduanya air<sup>176</sup> dan ketiganya penciptaan udara<sup>177</sup> (*hawā*). Begitu juga nyawa yang dimaksudkan oleh al-Rānīrī dijelaskan di dalam al-Qur’ān berdasarkan kejadian manusia melalui empat unsur iaitu api<sup>178</sup>, angin<sup>179</sup>, air<sup>180</sup> dan tanah<sup>181</sup>.

Seterusnya, al-Rānīrī mengakhiri fasal kejadian tujuh petala langit dan bumi dengan mengisahkan sebuah negeri. Menurut beliau, Allah S.W.T telah menurunkan biji sawi berwarna putih sehingga penuh negeri itu. Lalu dijadikan Allah S.W.T seekor unggas yang hijau untuk makan biji sawi yang ada di negeri itu. Maka unggas itu makan sebiji demi sebiji setiap hari kemudian setiap bulan seterusnya setiap tahun sehingga habis biji sawi. Dengan habisnya biji sawi di negeri itu, ditakdirkan Allah S.W.T unggas itu pun mati.

Justeru itu, analisis mengenai biji sawi di sebuah negeri yang diperkatakan al-Rānīrī tidak mendapat tempat di kalangan ulama tafsir dan ulama hadith. Dalam kajian

---

<sup>175</sup> Asap dari sudut sains bermaksud komposisi gas yang sangat rapat dan tak tembus pandang, lihat *The First Three Minutes, a Modern View of the Origin of the Universe*, Weinberg, 94-105. Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Fuṣilat, 41: 11

<sup>176</sup> Air adalah keseimbangan putaran air pada umumnya terbagi menjadi 4 tahap, iaitu penguapan (cecair menjadi gas). Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Rūm 30:48, pemejalwapan (air dari atmosfera ke permukaan bumi). Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Nūr 24:43, kondensasi (gerakan air ke arah awan) Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Mū’minun 23:18, dan pengendapan (limpahan diperlukan bumi) Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Rā’id 13:17.

<sup>177</sup> Al-Qur’ān, surah surah al-Nūr 24:43.

<sup>178</sup> Al-Qur’ān, surah al-Baqārah 2:24.

<sup>179</sup> Al-Qur’ān, surah Ṣād 38:71-72

<sup>180</sup> Al-Qur’ān, surah al-Fūrqaṇ 25:54.

<sup>181</sup> Al-Qur’ān, surah Ṣād 38:71-72

ini jelaslah bahawa pandangan al-Rānīrī tentang biji sawi hanyalah hikayat yang dibawa al-Rānīrī kepada masyarakat awam untuk memberi metafora tehadap sesuatu penciptaan Allah S.W.T akan berakhir dengan kematian.

### 3.2 *Lūh Mahfūz*

*Lūh Mahfūz* dari sudut bahasa ialah tempat catatan yang ditulis padanya ketetapan sekalian makhluk sehingga berlakunya hari kiamat nanti.<sup>182</sup> Perkataan asal *Lūh Mahfūz* disebut dengan jelas hanya satu kali sahaja<sup>183</sup> sahaja di dalam al-Qur’ān. Pengertian dari sudut istilah membawa erti sebuah tempat catatan amalan manusia ketika di dunia yang dijaga oleh para malaikat sehingga kiamat lalu dipaparkan pada hari keadilan.<sup>184</sup> *Lūh Mahfūz* juga disama erti di dalam al-Qur’ān sebagai *ūmm al-Kitāb* dan kitab.<sup>185</sup> Berikut adalah keterangan al-Qur’ān melalui:

i) Perkataan *ūmm al-Kitāb*:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثِبُّ مَا عِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ

“Allah S.W.T. menghapuskan apa jua yang dikehendaki-Nya dan ia juga menetapkan apa jua yang dikehendaki-Nya. dan (ingatlah) pada sisi-Nya ada “Ibu Segala suratan”<sup>186</sup>”

<sup>182</sup> Ibn Abi al-‘Izz al-Hanafi, ‘Ali ibn ‘Ali ibn Muḥammad ibn ‘Abd. al-Raḥmān ibn ‘Abd. al-‘Izz (731H/1390M), *Syārḥ al-Aqīdah al-Thanawiyāh*. Riyaḍ: Dar ‘Alim al-Kutub Lit Tiba’ah Wan Nasyr Wat Tauzi, h.263.

<sup>183</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.752.

<sup>184</sup> Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukhram (m. 711 H/1311M), *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir, 1375 H/ 1956 M., h.317.

<sup>185</sup> Husain bin Masood al-Baghawi (1122M), *Tafsir al-Bāghāwi, Ma’ālim at-Tanzeel*. Lebanon: Dar al-Ma’refah.


<sup>186</sup> Al-Qur’ān, surah al-Rā‘d 13:39

ii) Perkataan kitab, iaitu:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِعَايَاتِهِ حُكْمٌ لِّلَّهِ الَّذِي يَعْلَمُ  
نَصِيبُهُمْ مِّنَ الْكِتَابِ حَتَّى إِذَا جَاءَهُمْ رُسُلُنَا يَتَوَفَّوْهُمْ .....

“maka tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah atau yang mendustakan ayat-ayat-Nya. orang-orang itu akan mendapat bahagian mereka (di dunia) dari apa yang telah tersurat (bagi mereka), hingga apabila datang kepada mereka utusan-utusan Kami (malaikat) yang mengambil nyawa mereka, .....”<sup>187</sup>

iii) Manakala perkataan *Lūh Mahfūz*, iaitu:

  
(lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Luh Mahfuz.<sup>188</sup>

Oleh itu, pengertian *Lūh Mahfūz* perlu diketahui agar pemahaman mengenai buku catatan manusia menjadi suratan hidup ketika di dunia dan mempercayai bahawa Allah S.W.T akan memberi ganjaran yang setimpal dengan amalan yang dilakukan.

Al-Rānīrī menjelaskan kejadian *Lūh Mahfūz* secara ringkas. Beliau menyatakan keadaan fizikal *Lūh Mahfūz* itu dijadikan oleh Allah S.W.T daripada mutiara putih dan ditepinya pula diperbuat daripada permata merah. Keadaan kepalanya diperbuat daripada manikam<sup>189</sup> yang sangat tinggi seperti langit dan bumi. Saiznya besar seperti hamparan batu permata berwarna merah dan panjangnya seperti di antara timur dan

<sup>187</sup> Al-Qur’ān, surah al-A‘rāf 7:37

<sup>188</sup> Al-Qur’ān, surah al-Burūj 85:22

<sup>189</sup> Manikam membawa erti permata

barat.<sup>190</sup> Keterangan beliau hanya terdapat di dalam hadith diriwayat oleh al-Tirmidhi berhubung keadaan fizikal *Lūh Maḥfūz*.

Analisis tentang pandangan al-Rānīrī berhubung kejadian *Lūh Maḥfūz* dilihat melalui tafsir Ibn ‘Abbās. Ibn ‘Abbās menyebut *Lūh Maḥfūz* itu diperbuat daripada permata berwarna merah, di atas Lūh Maḥfūz terikatnya ‘‘Arasy manakala di bahagian bawah terdapat malaikat yang menjaganya. Menurut Ibn ‘Abbās r.‘a lagi, tulisan *Lūh Maḥfūz* itu diperbuat daripada pena yang berbahaya serta boleh diubah atas kehendak-Nya dan setiap hari Allah S.W.T melihat sebanyak 360 kali ke dalamnya.<sup>191</sup>

Ibn ‘Abbās r.‘a menyambung tafsirannya dengan menyebut bahawa Allah S.W.T mengangkat darjah orang yang hina kemudian merendahkan peribadi orang yang sompong di dunia. Hal ini menerangkan Allah S.W.T akan memberi nikmat yang melimpah kepada golongan miskin dan mengambil nikmat daripada golongan kaya. Seterusnya Ibn ‘Abbās r.‘a menyebut Allah S.W.T menghidupkan makhluk yang sudah mati dan mengambil nyawa bagi yang masih hidup seperti yang dikehendaki-Nya<sup>192</sup>. Justeru itu, Allah S.W.T berkata kepada pena bahawa penciptaan *Lūh Maḥfūz* berlaku

<sup>190</sup> Al-Tirmidhi, Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isa b. Sarwāh (m. 297/892 M), *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ @ Sunan al-Tirmidhi*, cet. II, Misr: Matba’ah Muṣṭafa, al-Babī al-Ḥalabī, 1395H/ 1975 M, no. 2155.

“dari Ubādah bin Syūrī, ia berkata bahwa Rasūlullāh s.‘a.w bersabda: Pertama-tama dari segala sesuatu yang dijadikan Allah adalah pena terbuat dari cahaya, menurut riwayat lain, terbuat dari intan gemerlap putih, yang panjangnya antara langit dan bumi. Kemudian setelah itu Dia menjadikan Lauh al-Mahfud yang terbuat dari mutiara putih, lembarannya terbuat dari batu yaqut merah, panjangnya antara langit dan bumi, sedang lebaranya antara penjuru timur bumi dan penjuru baratnya”. Abū Dā’ūd, Sulayman al-Asy’ath b. Ishaq al-Sajistani, (m. 275H.), *Sunan Abī Dā’ūd*. Beirut: Matba’ah al-Kastaliyyah, 1280H., j.2, no. 4700.

<sup>191</sup> Ibn Kathīr, al-Hafiz Abu al-Fida Ismail b. Umar b. Umar b. Kathīr al-Damsyiq (m. 774 H/1373 M), *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm@Tafsīr Ibn Kathīr*. al-Qahirah: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabi, t.t.

<sup>192</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm@Tafsīr Ibn Kathīr*, *ibid*.

dalam tempoh seribu tahun.<sup>193</sup> Menurut Ibn ‘Abbās r.‘a, Allah S.W.T berkata kepada pena sebelum mencipta makhluk-makhluk yang lain:

*“tulislah ilmu Ku pada makhluk-makhluk Ku, maka berlakulah apa yang hendak berlaku hingga ke hari kiamat”<sup>194</sup>*

Berdasarkan faktor tersebut jelas bahawa pandangan al-Rānīrī sama dengan ulama Ibn ‘Abbās r.‘a seperti yang dikemukakan tentang *Lūh Mahfūz*. Oleh itu, al-Rānīrī mungkin mengambil tafsiran Ibn ‘Abbās r.‘a sebagai gambarannya untuk keadaan fizikal *Lūh Mahfūz*.

Seterusnya, al-Rānīrī mengemukakan nasib golongan manusia yang ada di dalam *Lūh Mahfūz* berdasarkan teks ini:

*“di dalamnya daripada segala nasib hamba Allah Taala yang banyak berbahagia daripada bahaya dan celaka daripada azali datang kepada badan”<sup>195</sup>*

Berdasarkan teks di atas, al-Rānīrī menjelaskan makna yang tersirat tentang nasib manusia. Ulama tafsir seperti al-Qurtubī umpamanya menjelaskan bahawa semua takdir bagi sekalian makhluk telah dicatat di *Lūh Mahfūz* dan keadaan ini boleh diubah atas kehendak Allah S.W.T. Kemudian, keadaan yang berlaku di dalam *Lūh Mahfūz* ketika

---

<sup>193</sup> *Ibid.*

<sup>194</sup> *Ibid.*

<sup>195</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.21.

itu juga hanya dapat diubah melalui doa dan amalan yang soleh<sup>196</sup>. Nabi Muḥammad ᷃. ‘a.w bersabda:

*"Tiada sesuatu yang mengubah takdir selain doa dan tiada sesuatu yang memanjangkan umur kecuali amalan yang baik"*<sup>197</sup>

Penelitian tentang nasib golongan manusia yang diperkatakan oleh al-Rānīrī telah disebut di dalam tafsir al-Qurṭubī. *Lūh Māhfūz* yang digambarkan oleh al-Rānīrī merupakan wadah yang sesuai untuk difahami dalam kalangan orang awam pada zaman itu. Pemikiran al-Rānīrī sendiri menggambarkan *Lūh Māhfūz* melalui ukuran saiz, rupa, warna dan suasana seakan-akan *Lūh Māhfūz* seperti sebuah tempat yang indah dan cantik.

Oleh itu, kejadian *Lūh Māhfūz* tidak diberi kupasan yang meluas oleh ahli tafsir mahupun para ulama hadith kerana ia merupakan urusan yang terletak di bawah rahsia-rahsia Allah S.W.T.

Dengan itu, al-Rānīrī mengakhiri kejadian *Lūh Māhfūz* itu dengan menukilkan seperti berikut:

*"bahawasanya Lūh Māhfūz itu sebelah jua dapat dilihat oleh ‘Izrail dan yang sebelah lagi itu tiada siapa mengetahui akan dia hanya Allah S.W.T juga yang mengetahuinya"*<sup>198</sup>

<sup>196</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad bin Ahmad bin Abu Bākr Al-Anṣħārī al-Qurṭubī (m. 671 H/ 1273 M), *Al-Jamī' liāḥkam al-Qur'ān wā al-Mubayyin Lima Tadhammanahū Min as-Sunnah wa Ayi al-Furqān*, cet. ke 11, Dar al-Kitab al-'Arabiyyah, al-Qahirah, 1378/ 1967 M, j.9, h.259.

<sup>197</sup> Al-Bajūrī, Ibrahim b. Muḥammad, *Tuhfah al-Murid*. Dār al-Kutub al-Hadīthah, al-Qāhirah, t.t.  
<sup>198</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit, h.21.

### 3.3 *Qalam*

Pengertian *Qalam* dari segi bahasa membawa maksud pena,<sup>199</sup> manakala dari segi istilah membawa erti pengetahuan Allah S.W.T yang tiada penghujung.<sup>200</sup> Di dalam al-Qur'an perkataan *al-Qalam* disebut sebanyak 2 kali<sup>201</sup> menerusi surah al-Qalam dan surah al-'Alaq. Berdasarkan kepada petikan Hadith menyebut bahawa penciptaan yang pertama diciptakan oleh Allah S.W.T ialah *Qalam*.<sup>202</sup>

Rasūlullāh ﷺ dalam sabdanya:

*"Pertama kali tatkala Allah Ta'ala menciptakan Qalam (pena), Dia firmankan kepadanya : Tulislah!. Qalam itu berkata : ya Tuhanku, apakah yang hendak kutulis? Allah Ta'ala berfirman : Tulislah apa saja yang akan terjadi ! maka seketika itu bergeraklah Qalam itu menulis segala sesuatu yang akan terjadi hingga hari kiamat".<sup>203</sup>*

Al-Rānīrī mengaitkan hakikat Nūr Muḥammad dengan kejadian *Qalam*. Menurut beliau *Qalam* dijadikan Allah S.W.T daripada nūr dan panjangnya seperti antara langit dan bumi. Hadith berikut adalah kisah mengenai Nūr Muḥammad dan *Qalam*:

*"Wahai Jābir, sesungguhnya Allah S.W.T menciptakan sebelum para nabi nūr (cahaya) nabimu. Ia menjadikan nūr ini berputar dengan kudrat mengikut yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Pada masa itu masih belum*

<sup>199</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, *op.cit.*, h.661 entri "kalam II"

<sup>200</sup> Ibn Faris, *Māqāyīṣ*, V, h.308.

<sup>201</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.661.

<sup>202</sup> Abū Dā'ūd, *Sunan Abī Dā'ūd*, *op.cit.*, no. 3933. Lihat juga al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, *op.cit.*, no. 2155&3319. Lihat juga Abu Bakar Ahmad bin 'Amr al-Dāhak bin Mākhlaq al-Syaibānī (m. 287H/900 M), *al-Sunnah*. Maktab al-Islamiah, t.t., h.102. Lihat juga Abū Bakar Muḥammad bin Al-Husain al-Ajurī (m. 360H) *Al-Syāri‘ah fī al-Sunnah* (T.T.P), no.180.

<sup>203</sup> Abū Dā'ūd, *Sunan Abī Dā'ūd*, *ibid.*, no.4700, Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, *ibid.*, no.2100. Disahihkan oleh Salim al-Hilālī dalam Ibn Athā'illah al-Sakandari, (1309 M) *Iqadzūl Himām fi Syārkhil Hikām* terj. Ahmad Bin 'Ajibah Al-Husaini. Beirut: Dar el-Kutub, h.16.

*ada Luh Mahfuz, Qalam, syurga, neraka, malaikat, langit, bumi matahari dan juda bulan. Kemudian dari Allah S.W.T menjadikan bahagian pertama nūr tu Qalam, bahagian kedua dijadikan Luh Mahfuz dan bahagian ketiga dijadikan ‘Arasy. Kemudian Dia membahagikan bahagian keempat nūr itu kepada empat bahagian lain. Dia menciptakan dari bahagian kedua diciptakan al-kursi dan bahagian yang ketiga diciptakan baki malaikat yang lain”*<sup>204</sup>.

Berdasarkan hadith di atas, *Qalam* merupakan bahagian pertama yang diciptakan daripada Nūr Muḥammad. Al-Rānīri telah mengemukakan perkara yang sama iaitu penciptaan *Qalam* adalah perkara pertama. Namun begitu, analisis terhadap hadith tersebut adalah *da’if* dari segi sanadnya dan perkara ini disepakati oleh majoriti ulama hadith seperti al-Bhukārī, Muṣlīm, Abū Dā’ūd, al-Tirmidhī dan Ibnu Mājjah.<sup>205</sup>

Sehubungan dengan itu, al-Rānīri menampilkkan ukuran panjang dan saiz *Qalam* iaitu lima ratus tahun perjalanan dan apabila *Qalam* itu dibelah kepada dua puluh lapan bahagian maka keluar air dibelahannya. Dalam kalangan ulama tafsir dan ulama hadith, perihal kejadian fizikal *Qalam* tidak disebutkan serta dibahaskan secara ilmiah. Golongan ulama hanya mengistilahkan *Qalam* itu sebagai pena Allah S.W.T dan memberi definisi secara literal.

Oleh demikian, kajian ini menjelaskan keadaan fizikal *Qalam* yang dikemukakan al-Rānīri hanyalah corak pemikiran beliau ketika itu. Pendekatan yang digunakan al-

<sup>204</sup> Imam Abu al-‘Abbās Ahmad ibn Muḥammad ibn Abu Bakr al-Khaṭīb al-Qastallānī, *āl-Māwāḥīb al-Lādūnī yā bī al-Minah al-Muḥammad ‘īyyātī* (Mesir:Adyan Ulumuddin,1281H). Lihat juga Muḥammad Ismail Ajluni, *Kāṣyfūl Khāfā*. Ibn Hajar al-Haithamī, *Faṭāwā Hadīṣiyātī*. Dar Al Fikr: Mesr. t.t. Lihat juga Abdul Razak Muthalib, **40 Hadis Palsu Popular**, (PTS Islamika Sdn Bhd, Selangor, 2011).

<sup>205</sup> Abdul Razak Muthalib, **40 Hadis Palsu Popular**, op.cit.

Rānīrī hanya memudahkan masyarakat awam memahami maksud Lūh Maḥfūz seperti sebuah buku yang berada di sebuah tempat yang diperlihara dan telah tertulis di dalamnya Qada' dan Qadar kehidupan manusia.

### 3.4 ‘Arasy

Pengertian ‘Arasy dari segi bahasa adalah singgahsana atau tempat bersemayam,<sup>206</sup> manakala pengertian ‘Arasy dari segi istilah merupakan pusat pentadbiran segala persoalan makhluk ciptaan Allah S.W.T di alam semesta.<sup>207</sup>

‘Arasy disebut di dalam al-Qur’ān sebanyak 33 kali.<sup>208</sup> Kitab Suci al-Qur’ān menerangkan ‘Arasy itu merupakan singgahsana<sup>209</sup> di sisi Allah S.W.T yang tidak dapat disokong dengan akal fikiran manusia untuk menggambarkannya. Penjelasan ini berdasarkan pada al-Qur’ān:

*"Allah-lah yang meninggikan langit tanpa bertiang, sebagaimana yang kamu lihat, kemudian Dia bersemayam di atas ‘Arasy, dan menundukkan matahari dan bulan. Masing-masing beredar mengikut waktu yang ditentukan. Dia juga yang mengatur urusan makhluk-Nya, menjelaskan tanda-tanda kebesaran-Nya, supaya kamu meyakini pertemuan (mu) dengan Tuhanmu.."*<sup>210</sup>

<sup>206</sup> Ibn Faris, *Mu’jam Māqāyiṣ*, V.

<sup>207</sup> Al-Riḍā, al-Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, *Tafsir al-Mānar*. cet.II, Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t h.20.

<sup>208</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, op.cit., h.560-561.

<sup>209</sup> Chasma Marifat, *Qadian* (Anwar Ahmadiyyah Press, 1908) dlm. Ruhani Khazain, vol. 23, London, 1984, h.97-99

<sup>210</sup> Al-Qur’ān, surah Yūnūs 10:3

Firman Allah S.W.T tentang menggulung langit dengan tangan kanan-Nya :

*“Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya, padahal bumi seluruhnya dalam genggaman-Nya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kanan-Nya. Maha suci Allah dan Maha Tinggi Dia dari apa yg mereka persekutukan”*<sup>211</sup>

Berdasarkan ayat al-Qur’ān di atas, Ibn Khūzaimah menafsirkan bahawa ayat tersebut dikategori sebagai ayat al-mutasyābihāt yakni ayat al-Qur’ān yang tidak jelas maknanya.<sup>212</sup> Beliau menerangkan sambil mentakwil ayat-ayat *mutasyābihāt* perlu secara menyeluruh (*takwīl ijmalī*), iaitu dengan mengimaninya serta meyakini bahawa maknanya bukanlah berpaksikan kepada sifat-sifat *jīṣm* yakni sesuatu yang boleh diukur. Tetapi wajib mengimaninya bagi keagungan dan mahasuci Allah S.W.T tanpa menentukan apa makna yang tersurat.<sup>213</sup> Manusia juga perlu memahami bahawa bumi itu seperti digenggam dan digulung dengan tangan kanan-Nya. Sebagaimana termaktub di dalam al-Qur’ān bahawa Allah S.W.T menggulung langit sebagaimana menggulung lembaran kertas.<sup>214</sup>

<sup>211</sup> Al-Qur’ān, surah Al-Zumar 39:62

<sup>212</sup> Muḥammad bin Ishaaq bin Khuzaymah bin al-Mughirah bin Salih bin Bakr Al-Naysabūri (223 M/ m. 311M), kitab *at-Tawhid wa Ithbāt sifat ar-Rābb*. Mesir: Darul Athār Publication.

<sup>213</sup> *Ibid.*

<sup>214</sup> Al-Qur’ān, surah al-Anbiā, 21:104

(يَوْمَ نَظُرِي أَلْسَمَاءَ كَظِي أَلْسِجِلِ لِلْكُتُبِ)

“Pada hari Kami menggulung langit sebagai menggulung lembaran-lembaran kertas.”

Ibn ‘Abbās r.‘a menafsirkan ayat al-Qur’ān di dalam surah al-Zūmar iaitu:

*“Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya”*

Berpandukan ayat di atas, perkataan ‘mereka’ adalah merujuk kepada orang-orang kafir yang tidak beriman kepada kudrat Allah S.W.T. Menurut beliau lagi, barangsiapa yang beriman dengan Allah S.W.T itu sebagai Maha Kuasa terhadap segala sesuatu, maka dia telah mengagungkan Allah S.W.T dengan pengagungan yang sebenarnya. Sambung Ibn ‘Abbās r.‘a lagi, barangsiapa yang tidak beriman terhadap hal itu sesungguhnya dia tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang sebenarnya.<sup>215</sup>

Kembali kepada al-Rānīrī yang mengisahkan seekor ular yang ada di ‘Arasy. Kisah ini dipetik daripada perawi hadith iaitu Ka‘ab al-Aḥbār. Menurut beliau, Allah S.W.T telah menjadikan seekor ular yang bernama *hayyāt al-kubrā* yang sering mengelilingi ‘Arasy dengan tiga putaran. Kepala ular itu, dicipta daripada mutiara berwarna putih dan tubuhnya daripada emas yang kemerahan. Kedua mata ular itu pula dicipta daripada permata dan saiznya amat besar.<sup>216</sup>

<sup>215</sup> Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur’ān al-‘Aẓīm@Tafsir Ibn Kathīr*, op.cit. j.4, h.129-130.

<sup>216</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.23.

Ulama Hadith seperti al-Bukhārī<sup>217</sup> dan Muslim<sup>218</sup> tidak menyebut kisah seekor ular yang tinggal di ‘Arasy. Namun di dalam bible ada disebutkan cerita mengenai ular, iaitu:

*“Maka tampaklah suatu tanda yang lain di langit dan lihatlah, seekor naga merah padam yang besar, kepalanya ada tujuh dan tanduk sebanyak sepuluh, dan di atas kepalanya ada tujuh mahkota.”<sup>219</sup>*

Berdasarkan teks di atas, naga yang dimaksudkan adalah ular.<sup>220</sup> Ringkasnya, ular yang jahat itu ingin memakan Nabi Ādam ‘a.s lantas dilarikan Tuhan.<sup>221</sup> Akhirnya, ular itu dikalahkan oleh para malaikat yang diketuai oleh Mika’īl.<sup>222</sup> Setelah itu, ular yang dikenali sebagai syaitan itu berupaya jatuh bersama-sama malaikat ke bumi semata-mata ingin membinasakan Nabi Ādam ‘a.s.<sup>223</sup>

Penelitian tentang kisah ular merupakan imaginasi al-Rānīrī yang berpandukan kepada al-kitab<sup>224</sup>, hikayat Ādam ‘a.s dan Hawa diturun ke bumi bersama ular<sup>225</sup>, kisah

<sup>217</sup> Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismāīl (m.256 H/870 M), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, cet. ke III, Chicago, U.S.A: Kazi Publication, 1979.

<sup>218</sup> Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. Al-Hajjāj (m.261H/ 875), *Ṣaḥīḥ Muslim*, cet. I, Dār Ihyā al-Misr: Kutub al-‘Arabiyyāh, 1374 H/ 1955 M.

<sup>219</sup> Holy Bible, *The Gideons International, New King James Version* ( National Publishing Company, 1979) entri Wahyu, 12:3-17

<sup>220</sup> Holy Bible, entri “Wahyu”, 12:3-17, *ibid.*

<sup>221</sup> *Ibid.*

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> *Ibid.*

<sup>224</sup> *Ibid.*

<sup>225</sup> Samarqandī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Ashraf al-Husaynī al-Samarqandī (d. 373H) *Tanbih al-Ghafīlīn bi Aḥadīth Sayyid Al-Anbiyā’ wal-Mursalin* ditahqiq oleh al-Sayyid al-‘Arabi cet.I. Mesir: Maktabah al-Iman di Manshurah, 1415H/1994M.

pemuda soleh bernama Muḥammad bin Himyar ditipu syaitan berupa ular<sup>226</sup> dan seumpamanya.

Seterusnya, al-Rānīrī mengemukakan hadith dari Ibnu ‘Abbās r.‘a mengenai ketinggian malaikat yang sedang menanggung ‘Arasy. Menurut beliau jarak dua kaki malaikat itu kira-kira 500 tahun perjalanan<sup>227</sup>. Al-Rānīrī menampilkan pula riwayat dari Ibnu al-Mūnkadīr<sup>228</sup> yakni tābi’īn dengan menyebut: (terj.)

*“dari Muḥammad bin Munkadir ia mendengar daripada Jabir r.‘a katanya telah bersabda Rasūlullāh ᷲ.‘a.w kepada aku ertinya hai Jabir r.‘a hampir akan daku hendak menceriterakan daripada segala malaikat yang menanggung ‘Arasy Allah S.W.T bahawasanya adalah antara cuping telinganya kepada batang lehernya sekira-kira tujuh ratus tahun perjalanan”*<sup>229</sup>

<sup>226</sup> Samarqandī, *Tanbīh al-Ghāfiṭīn bi Aḥādīth Sayyid al-Anbīyā' wal-Murṣālīn*, *ibid.*

<sup>227</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit*, h.25. Lihat juga Al-Darimi, *al-Ra'd 'alā Jahmīyah*, h.55; dan Al-Dhahabī, *Kitab al-'Ulūw*, h.45; Ibn Khuzaimah, *kitab al-Tauhid* vol.1, no.107; Ibn Qayyim, *Kitab Ijtīmā' al-Juyūsy al-Islamiyāh*, h.100. Matan hadith: Dari 'Abdullah bin Mas'ud r.‘a: “Antara langit dengan langit di atasnya adalah lima ratus tahun perjalanan, dan jarak antara langit dengan bumi adalah lima ratus tahun perjalanan, antara langit yang ke tujuh dengan kursi adalah lima ratus tahun perjalanan, antara Kursiy dengan air adalah lima ratus tahun perjalanan, dan ‘Arasy berada di atas air, dan Allah berada di atas ‘Arasy. Tidak ada satupun dari amal perbuatan kalian yang tersamar dihadapan-Nya!”

<sup>228</sup> Muḥammad Ibnu Munkadir atau Ibnu al-Munkadir atau dikenali sebagai Muḥammad al-Taymī, merupakan tabi’īn dan penghafaz al-Quran dan meriwayat hadith. Lihat dalam Maṣāhir, 65; Abū Nu'aym, 146-58

<sup>229</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *ibid*, 26.

Merujuk teks di atas dikatakan Ibn Ḥātim juga meriwayatkan mengenai malaikat di ‘Arasy, umpamanya:

*“dari Jābir bahwa Rasūlullāh s.a.w bersabda, Aku diizinkan untuk memberitahukan kepada kamu tentang malaikat yang memikul ‘Arasy bahwa jarak antara daun telinga dan lehernya adalah sejauh 700 tahun perjalanan burung terbang”*<sup>230</sup>

Analisis daripada hadith daripada Ibn al-Mūnkadīr dan riwayat dari Ibn Ḥātim menunjukkan penceritaan mengenai malaikat telah diambil oleh al-Rānīrī. Hal ini menjelaskan bahawa ‘Arasy merupakan ruang yang amat luas saiznya, di mana malaikat ditugaskan untuk menjunjungnya dan jarak antara satu tempat ke satu tempat memakan masa ribuan tahun di sisi Allah S.W.T.<sup>231</sup>

Tambah beliau lagi, malaikat yang menanggung ‘Arasy itu seramai empat orang malaikat iaitu Isrāfil yakni malaikat yang paling hampir dengan Allah S.W.T. Kemudian, pada hari kiamat kelak malaikat yang menanggung ‘Arasy itu ditambah seramai empat lagi maka jumlahnya lapan. Dalilnya, firman Allah S.W.T: (terj.)

*“Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, dan ‘Arasy Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh lapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu”*<sup>232</sup>

<sup>230</sup> Abū Dā’ūd, *Sunan Abī Dā’ūd*, Hadith sahih riwayat Abū Dā’ūd dari sahabat Jabir bin ‘Abdillah r.a dan Nasru’l-Dīn al-Albāni mensahihkan hadith ini dalam *Sunan Abī Dā’ūd* dan *Silsilah Hadith Sahīh*, vol. 1.

<sup>231</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit, h.27.

<sup>232</sup> Al-Qur’ān, surah al-Hāqqah, 69:17

Namun begitu, nama yang disebut oleh al-Rānīrī hanya malaikat Isrāfīl yang menjadi ketua kepada para malaikat lain. Sehubungan dengan ini, Abū Dā'ūd meriwayat Hadith dengan menyebut nama malaikat yang mengawal ‘Arasy dengan nama *hamalāt al-‘Arasy*<sup>233</sup> dan setelah kiamat akan bertambah menjadi lapan malaikat, baki empat malaikat disusuli oleh Isrāfīl, Mika’īl, Izrāīl dan Jibrīl.<sup>234</sup>

Ibn Kathīr pula mengemukakan riwayat daripada Sa’ad bin Jubair mengenai barisan malaikat yang berada di ‘Arasy. Menurut beliau, jumlah saf malaikat yang ditugaskan memikul ‘Arasy sebanyak lapan saf yang tertib susunan barisannya dan setiap saf itu tidak terkira jumlah malaikat.<sup>235</sup>

Oleh demikian, analisis daripada sumber al-Qur’ān, Abū Dā’ūd dan tafsir Ibn Kathīr yang diambil oleh al-Rānīrī amat jelas perbahasannya mengenai jumlah malaikat yang menjaga ‘Arasy. Meskipun jumlah malaikat dikatakan lapan, namun nama malaikat yang ditulis hanyalah Israfīl, tugasnya lebih dikenali sebagai meniup sangka-kala. Namun begitu, al-Rānīrī tidak mengemukakan nama kesemua para malaikat menanggung ‘Arasy seperti yang dinyatakan oleh Abū Dā’ūd.

Al-Rānīrī menyambung perihal rupa malaikat yang menjaga ‘Arasy menyamai rupa binatang. Menurut beliau, rupa fizikal malaikat itu seperti rupa kambing hutan dan mempunyai tanduk. Jarak antara tanduk itu sejahtera ratus tahun perjalanan dan di

<sup>233</sup> Abū Dā’ūd, *Sunan Abī Dā’ūd*, *ibid.* no.7. Lihat juga Muhammad Nawawi Al-Bantani, *Qathrūl Ghāīts*. Jakarta: Yudha Mandala Eka Putra, 2010, h.4.

<sup>234</sup> Abū Dā’ūd, *ibid.* no.7.

<sup>235</sup> Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur’ān al-Āzīm@Tafsir Ibn Kathīr*, *op.cit.*, j.4, h.796

atas tanduk itu terletaknya ‘Arasy Allah S.W.T. Menurutnya lagi, jarak di antara telinga dengan leher binatang itu memakan masa selama enam ratus tahun perjalanan. Kemudian di antara dua mulutnya dan kedua tapak kaki pula, jarak keduanya mengambil masa selama lima ratus tahun perjalanan.<sup>236</sup> Apabila al-Rānīrī menjelaskan rupa sesuatu kejadian, beliau lebih mirip memberi perbandingan berdasarkan haiwan. Analisis kajian beranggapan bahawa pamahaman masyarakat ketika itu lebih mudah mengingati sesuatu cerita berdasarkan gambaran alam seperti pohon, binatang, sungai, laut dan seumpamanya.

Kembali kepada kisah saf malaikat. Menurut al-Rānīrī, pada ketika itu ada seratus lagi saf di belakangnya yang terdiri daripada malaikat yang sentiasa memuji Allah S.W.T dengan bertasbih dan bertahmid. Dalam waktu yang sama, Allah S.W.T membuka tujuh puluh hijab kepada malaikat yang menanggung ‘Arasy. Setiap daripada hijab itu dicipta daripada api, cahaya (*nūr*), mutiara berwarna merah, zamrud berwarna hijau, berada di atas air, sejuk dan beku dan pelbagai hijab lagi yang tidak diketahui bilangannya kecuali Allah S.W.T<sup>237</sup>.

Manakala, riwayat daripada Ibn Mas‘ūd menyebut keadaan di ‘Arasy melalui hadith dibawah:

*“Antara langit yang paling bawah dengan langit berikutnya jaraknya 500 tahun, dan antara setiap langit jaraknya 500 tahun, antara langit yang ketujuh dengan kursi jaraknya 500 tahun dan antara kursi dan samudera air*

<sup>236</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit, h.27. Lihat juga Syeikh Muḥammad Nawawi Al-Bantani, *Kitab Qathrul Ghais*, ibid. h.4.

<sup>237</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit, h.28.

*jaraknya 500 tahun sedangkan ‘Arasy berada diatas samudra air itu, dan Allah berada diatas ‘Arasy tersebut tidak tersembunyi bagi Allah suatu apapun dari perbuatan kamu sekalian’<sup>238</sup>.*

Merujuk hadith berikut, jarak di antara setiap langit adalah selama lima ratus tahun perjalanannya. Kemudian, jarak di antara kursi dan samudra air juga selama lima ratus tahun perjalanan. Hadith itu juga menyebut ‘Arasy berada di atas air yang amat luas ruangannya.

Muslim juga menyatakan penciptaan ‘Arasy berada di atas air, seperti sabda Rasūlullāh ﷺ:

*“Sesungguhnya Allah telah menulis takdir sekalian makhluk sebelum Allah Ia mencipta langit dan bumi selama 50,000 tahun. Ketika itu ‘ArasyNya telahpun berada di atas air”<sup>239</sup>.*

Setelah meneliti petikan riwayat daripada Ibn Qayyim dan Muslim, kisah yang sama telah diambil oleh al-Rānīrī dan diletakkan di dalam kejadian ‘Arasy. Penyataan al-Rānīrī mengenai kedudukan ‘Arasy berada di atas air telah dibuktikan berdasarkan sumber hadith yang disepakati para ulama tafsir dan ulama hadith.

---

<sup>238</sup> Al-Mas‘ūdi, *al-Barujardi fi Tarā‘if al-Maqāl*. Beirut: Dar al-Andalus, t.t.  
Al-Mas‘ūdi dari “Hashim dari Abu Wa‘il dari Abdullah bin Mas‘ud demikian dinyatakan oleh Imam Al-Dhahabi lalu katanya: “athar tersebut diriwayatkan melalui beberapa jalan” dan beliau mensahihkan hadith ini. Lihat juga Ibn Qayyim, *Ijtīmā‘ al-Juyus al-Islāmiyah* (al-Qahirah: Maktabah Kulliyat al-Azhariyyah, 1968) 100. Lihat juga Ibn Hajar Al-Haithami (1:65) dan Tabrani beliau berkata: bahawa rijal yang meriwayatkannya sahih boleh dipercayai, ibid, 379. Hadith sahih riwayat Ibn Khuzaimah, Tabrani dan Ibn Mahdi.

<sup>239</sup> Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, cet. I, (Misr: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah, 1374H/ 1955 M.). no.7418. Lihat juga Ibn Hajar, *Fatḥ al-Bārī Bi Syārh Šaḥīḥ al-Bukhārī*, cet.I (Misr: Matba’ah al-Khairiyah, t.t) 6:289. Lihat juga Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wan Nihayah* (Dar al-Ihya’ al-Turas al-Arabi), jil1, h.9&10.

Seterusnya, al-Rānīrī menceritakan rupa malaikat yang berada di bawah ‘Arasy berdasarkan imaginasinya. Beliau menyebut di bawah ‘Arasy itu terletak malaikat berupa seperti seekor burung rajawali, ular dan seekor ayam jantan<sup>240</sup>. Menurut beliau, ayam jantan itu mempunyai bulu berwarna putih, balungnya berwarna hijau, kedua matanya pula dijadikan daripada mutiara yang merah, takok dan dua kakinya daripada emas, dan jarak kedua-dua kakinya boleh mencapai sehingga tujuh lapis bumi ke bawah dan lehernya berlipat lemah di bawah ‘Arasy. Pada hari Selasa malam yang pertama, ayam jantan itu akan menguak sayapnya dan berkокok sambil berkata:

”سُبْحَانَ ذِي الْكِلَافَ وَالْمُلْكُوتِ“

maka sahut segala ayam di dalam dunia. Kemudian pada hari Selasa yang keduanya menguak sayapnya dan berk Kokok sambil berkata:

”سُبْحَانَ مَنْ أَنْامَ الْأَنَامَ وَلَا يَنْامَ“

maka sahut ayam di dunia dengan kokoknya. Apabila masuk hari Selasa malam yang terakhir, maka menguak dua sayapnya lalu berkata:

”سُبْحَانَ مَنْ هُوَ قَائِمٌ دَائِمٌ سُبْحَانَ الْقَائِمِ الدَّائِمِ سُبْحَانَ مَنْ أَنْامَ الْعَيْنُونَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ“

---

<sup>240</sup> Di dalam teks asal ayam disebut dengan *hayam*.

maka sahut segala ayam di dunia. Menurut al-Rānīrī, ayam inilah dikatakan oleh Nabi Muḥammad ᷃. ‘a.w ianya merupakan binatang kesayangan kekasihku iaitu malaikat Jibrīl ‘a.s.<sup>241</sup>

Seterusnya, Muslim menyebut mengenai kokokan ayam jantan di dalam hadithnya berbunyi :

*“Apabila kamu mendengar kokok ayam jantan, maka mohonlah keberkatan dari Allah S.W.T, kerana ketika itu ayam tersebut sedang melihat para malaikat. Sebaliknya, apabila kamu mendengar ringkikan keldai, maka berlindunglah kepada Allah S.W.T dari segala kejahanan syaitan. Kerana pada saat itu, keldai tersebut melihat syaitan.”<sup>242</sup>*

Manakala al-Suyūṭī menyebut dengan terperinci tentang ayam jantan yang merupakan malaikat.<sup>243</sup> Menurut beliau, sesiapa berada di dalam kesusahan dan terdengar tasbih yang laungkan oleh ayam jantan tersebut, maka Allah S.W.T akan melapangkan kesusahannya.<sup>244</sup>

Selain daripada itu, di dalam kitab yang dikarang al-Dāmīrī juga menyebut mengenai ayam jantan. Huraian mengenai ayam jantan yang berada di ‘Arasy Allah

<sup>241</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit, h.29.

<sup>242</sup> Muslim, *Šāhīh Muslim*, op.cit. no.4908.

<sup>243</sup> Jalal al-Din al-Suyūṭī, *al-Dūrr āl-Manthūr fi al-Tafsir bial-Ma’thūr*. Beirut: Dar al-Ma’arif, t.t. Diriwayatkan oleh Abu Bakar bin Abi Maryam "Sesungguhnya Allah memiliki seorang malaikat di langit yang bernama ayam jantan. Bila ia bertasbih di langit, maka seluruh ayam jantan di bumi juga bertasbih dengan berkata,

سبحان الصبح القدس الملك الديان الذى لا إله إلا هو

(*Mahasuci Yang Mahasuci, Raja Yang Mahakuasa, yang tidak ada tuhan kecuali Dia*).''' Barang siapa yang sedang berada dalam penderitaan atau sakit, lalu dia mengucapkan tasbih tersebut, niscaya Allah akan melapangkan kesusahannya."

<sup>244</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit, h.29.

S.W.T itu bukan sahaja menjadi binatang kesayangan Nabi Muḥammad ᷱ.‘a.w namun menjadi binatang kesayangan malaikat Jibril ‘a.s.<sup>245</sup>

Ringkasnya berdasarkan karya ulama hadith menunjukkan sumber yang dipetik al-Rānī ada asasnya. Perbincangan mengenai ayam begitu banyak diperkatakan di dalam karya Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, namun binatang yang berada di ‘Arasy seperti ular dan rajawali tidak diceritakan melalui ulama tafsir mahupun ulama hadith. Al-Rānī mengakhiri fasal ini dengan menyebut kejadian ‘Arasy ini merupakan hikmah Allah S.W.T menjadikan ‘Arasy sebagai kiblat sekalian malaikat untuk beribadat kepada-Nya.

### 3.5 *Al-Kursi*

Pengertian *al-Kursi* dari segi bahasa bererti singgahsana dan tempat duduk. Adapun *al-Kursi* yang Allah kaitkan dengan diri-Nya adalah tempat kedua kaki-Nya. Menurut Ibn ‘Abbās r.‘a, *al-Kursi* adalah tempat kedua kaki bagi Allah S.W.T, dan ‘Arasy tiada yang mengetahui ukurannya melainkan Allah S.W.T. <sup>246</sup> Al-Qur’ān menjelaskan mengenai *al-Kursi*, iaitu:

<sup>245</sup> Muḥammad bin Mūsā bin ‘Isā al-Dāmīrī al-Syāfi‘ī (m. 1405H/ 808M), *Hayat al-Hayawan al-Kubrā, bab ḥayawan*, ed. Ahmad Hasan Basaj. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1994, j.2:h.394. English version, *Ad-Damiri's Hayat al-Hayawan: A Zoological Lexicon*, translated by A.S.G. Jayakar, 2 vols. London and Bombay, 1906, h.8.

الذك الأياض حبي وحبيوا حبي جبريل برس بيته وستناعشر

Matan hadis: *Diriwayatkan oleh Abd. al-Ḥaq bin Qūnī bahwa sesungguhnya Rasūlullāh ᷱ.‘a.w bersabda: “ayam jantan putih merupakan kekasihku dan kecintaan kekasihku Jibril ‘a.s. Dia (ayam) menjaga rumah pemiliknya dan 16 rumah tetangganya”.*

<sup>246</sup> Perkataan الكرسي موضع قدميه و العرش لا يقدر قدره diriwayatkan oleh ‘Abdullah B. Ahmad, *al-Sunnah*, no. 586, isnadnya hasan – Tahqiq Muḥammad Sa‘id Salim al-Qahtani. Al-Hakim, *al-Muṣṭadrāk*, 2/310: Hadith ini sahih di atas syarat al-Bukhārī dan Muslim walaupun keduanya tidak meriwayatkannya. Dipersetujui oleh al-Dhahabi. Lihat juga al-Bukhārī, kitab *Fath al-Bārī*:

وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَعُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ  
⑥٦٦

Ertinya: “Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar,”<sup>247</sup>.

Perkataan *al-Kursi* di dalam al-Qur’ān diulang sebanyak 2 kali <sup>248</sup> sahaja menerusi surah al-Baqarah dan surah Ṣād. Al-Rānīrī menyatakan kejadian *al-Kursi* itu dijadikan Allah S.W.T daripada zamrud yang berwarna hijau dan mempunyai empat batang tiang yang amat luas.<sup>249</sup> Setiap tiang itu luasnya seperti tujuh petala langit dan bumi,<sup>250</sup> manakala al-Rānīrī mengemukakan kenyataan dari ‘Ali k.w dengan menyebut kejadian *al-Kursi* Allah S.W.T itu daripada berlian dan panjang kursi itu tidak diketahui sekalian manusia kecuali hanya orang yang dianugerahkan berilmu.<sup>251</sup>

Penelitian kejadian *al-Kursi* oleh al-Rānīrī tidak dinyatakan dalam kalangan ulama tafsir dan hadith. Di dalam persoalan *al-Kursi* Allah S.W.T, analisis keterangan tentang penciptaan *al-Kursi* daripada zamrud tidak ditemui dalam hadith sahih melainkan kata-kata Nabi Muḥammad ᷣ.‘a.w mengenai perbezaan luas tujuh langit dan *al-Kursi* umpama cincin adalah seperti berikut:

“Luas tujuh langit jika dibandingkan dengan kursi Allah hanyalah seperti cincin yang dilemparkan di padang pasir yang luas. Dan ‘Arasy Allah jika

---

<sup>247</sup> “Daripada Ibn ‘Abbās r. ‘a, bahawasanya al-Kursī adalah tempat pijak kedua kaki (Allah)” dengan sanad yang sahih, *op.cit.*, 8:199. Lihat juga Al-Bani, kitab *Mukhtathar al-Ulu li al-‘aliy al-Ghaffar*, *op.cit.*, 1:75. Al-Bani berkata keterangan Ibn ‘Abbās r.‘a adalah sahih mauquf. Lihat juga Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, *ibid.*, 1:680. Ibn Kathīr menyokong keterangan Ibn ‘Abbās r.‘a.

<sup>248</sup> Al-Qur’ān, surah al-Bāqārah 2:255.

<sup>249</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, h.706.

<sup>250</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *op.cit.*, h.30.

<sup>251</sup> *Ibid.*, h.30.

*dibandingkan dengan kursi-Nya adalah sebagaimana perbandingan padang yang luas tadi dengan cincin tersebut.*”<sup>252</sup>

Seterusnya, al-Rānīrī menyebut jumlah malaikat yang menanggung *al-Kursi* Allah S.W.T dan rupanya. Menurut beliau, terdapat empat malaikat yang menanggung *al-Kursi* Allah S.W.T dan salah seorang mukanya seperti Nabi Ādam ‘a.s dan tugasnya memohon rezeki kepada Allah S.W.T untuk semua unggas.<sup>253</sup>

Kisah rupa malaikat ini disebut di dalam bab keistimewaan ayat *al-Kursi* oleh Rasūlullāh ᷲ.‘a.w kepada ‘Ali bin Abī Ṭālib. Nabi Ādam ‘a.s adalah penghulu bagi semua manusia kerana beliau adalah manusia pertama yang diciptakan bersama *al-Kursi* Allah S.W.T.<sup>254</sup> Sambungnya lagi, seluruh langit dan bumi berada di dalam *al-Kursi* dan di dalamnya terdapat empat malaikat ditugaskan untuk mengangkat *al-Kursi*.<sup>255</sup>

Al-Rānīrī selanjutnya menyebut tentang muka malaikat, ada juga seperti muka harimau dan tugasnya memohonkan rezeki kepada Allah S.W.T bagi binatang yang buas. Kemudian, muka seorang malaikat lagi yang menanggung *al-Kursi* itu seperti

---

<sup>252</sup> Al-Bānī, *al-Šaḥīḥāh*, op.cit., no. 109.

<sup>253</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.31.

<sup>254</sup> Al-Dailami, Fanakhusru al-Dailami al-Hamdani (445M/509M), *Firdaus al-Akhbār bi-Mā'thūr al-Khiṭāb al-Mukharraj 'āla Kitab al-Sīḥāb*. Mesr: Dar al-Kitab al-Arabi, (1987M/1407H). Matan: “sabda Rasūlullāh ᷲ.‘a.w kepada sahabat ‘Alī bin Abī Ṭalib “Hai Ali penghulu manusia adalah Adam, penghulu bangsa Arab adalah Muhammad, penghulu bangsa Parsi adalah Salman, penghulu bangsa Rūm (Jordan,Palestina,Syria dan Afghan) adalah Suhaib, penghulu bangsa Habbasyiyah adalah Bilal, penghulu gunung adalah Tursina, penghulu pohon adalah bidara, penghulu bulan adalah Muharram, penghulu hari adalah Jumaat, penghulu ucapan adalah al-Qur'ān, penghulu al-Qur'ān adalah ayat al-Kursī. Di dalam ayat al-Kursī ada 50 kata dan setiap kata ada 50 keberkatan”.

<sup>255</sup> Al-Dailami, *Musnad Firdaus*, op.cit.

Matan: “bahwa langit dan bumi beserta seluruh benda yang ada, berada dalam kursi ini, dan ada empat malaikat yang ditugaskan Allah untuk mengangkat kursi ini”

muka lembu dan tugasnya pula memohonkan rezeki kepada Allah S.W.T bagi binatang yang jinak.<sup>256</sup>

Oleh demikian, jelaslah bahawa pandangan al-Rānīrī terdapat persamaan dengan ulama hadith tentang jumlah malaikat yang mengangkat kursi dan rupanya seperti Nabi Ādam ‘a.s.<sup>257</sup> Analisis mengenai jumlah muka malaikat disebut al-Rānīrī hanya 3 orang malaikat sahaja. Beliau merumuskan empat malaikat itu ditugaskan mengangkat *al-Kursi* Allah S.W.T.

Penelitian terhadap pandangan beberapa ulama, seperti al-Tabrānī<sup>258</sup>, al-Zamākhṣyārī<sup>259</sup>, al-Bayḍāwī<sup>260</sup> dan al-Rāzī<sup>261</sup>, mereka semua tidak menyebut tentang rupa malaikat seperti muka lembu dan harimau. Kemungkinan, al-Rānīrī memberikan gambaran berpandukan tugas malaikat di *al-Kursi* Allah S.W.T. Sebagai contoh, pertamanya malaikat yang memohon rezeki bagi binatang yang buas rupanya seperti muka harimau kerana bengis. Keduanya, malaikat yang memohon rezeki bagi binatang yang jinak rupanya seperti lembu kerana binatang ternakan yang jinak.

---

<sup>256</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.31.

<sup>257</sup> Ad-Dailami, *Firdaūs al-Akhbār bi-Mā'thūr al-Kitāb al-Mukharraj 'āla Kitab al-Shīḥāb*. *op.cit.*

<sup>258</sup> Al-Tabrānī, Abū al-Qāsim al-Ṭabarānī al-Ḥāfiẓ (m. 360H.), *Al-Mu'jam al-Kabir*, Baghdad, t.t. h.74.

<sup>259</sup> Al-Zamākhṣyārī, Jar Allah Abu al-Qasim Mahmud b. 'Umar (m. 538 H/ 1143 M) *Al-Kasīṣyāf, 'an Haqāiq Ghawāmid al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. cet.I, Misr: Matba'ah Mustafa Muḥammad, 1345 H. H.4.

<sup>260</sup> Al-Bayḍāwī, Nasr al-Dīn Abi Sa'id 'Abd Allāh b. 'Umar (m. 685 H/1286 M) *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Beirut: Mu'assasah Sya'ban, t.t j.4, h.56.

<sup>261</sup> Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Abu 'Abd Allāh b. Muḥammad b. 'Umar (m. 502H/ 1109 M) *Māfāṭīh al-Ghāyb @ Tafsīr al-Kābir*. Misr: al-Maktabah al-Bahiyyah, al-Misriyyah, 1345 H/ 1935 M., j.16, h.73.

Seterusnya, al-Rānīrī mengakhiri karangannya di dalam bab kejadian *al-Kursi* dengan menyebut hikmah Allah S.W.T menjadikan *al-Kursi* itu sebagai qiblat para malaikat yang sentiasa beribadah kepada Allah S.W.T. Manusia juga tidak mengetahui bilangan *al-Kursi* Allah S.W.T yang dijadikan kerana terlalu banyak sehingga tidak boleh dihitung dan hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahuinya.

### 3.6 *Sidrah Al-Muntahā*

Definisi *sidrah* dari segi bahasa bermaksud pokok.<sup>262</sup> Selain itu, *sidrah* merupakan seohon pokok yang penuh dengan daun dan mempunyai naungan yang besar.<sup>263</sup> Sebutan *sidrah* di dalam al-Qur’ān disebut sebanyak 2 kali<sup>264</sup> menerusi surah al-Najm, ayat ke 14 dan 16, manakala al-Qūr’ān pula menjelaskan *sidrah al-Muntahā* ialah sebuah tempat tinggi malaikat Jibril tidak dapat melepassi ruang tersebut.<sup>265</sup>

Pengertian istilah pula ialah sebuah pokok yang penuh dengan daun, tempat bernaungnya para malaikat dan tempat berkumpul *rūh* para syuhada.<sup>266</sup> *Sidrah al-Muntahā* juga merupakan suatu tempat yang paling tinggi di langit ketujuh yang telah dikunjungi Nabi Muḥammad s.‘a.w semasa *Mi’rāj*.<sup>267</sup> Al-Qur’ān tidak menceritakan

<sup>262</sup> Ibn Fāris, *Mu’jam Maqāyiṣ*, V:45. Lihat juga Calverley, E.E. *The Encyclopedia of Islam*, edisi bari [E.1(2)], 9 Vol. (Leiden 1979-1997) entri “*Sidrah*”.

<sup>263</sup> Majma’ al-Lughah al-‘Arabiah, *Al-Mu’jam al-Waṣīt* (1960), I:425.

<sup>264</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, 427.

<sup>265</sup> Al-Tabarsī, Abū ‘Alī al-Fāḍil b. al-Ḥassan (m. 548 H/ 1128) *Majmā’ al-Bayān fi Tafsīr al-Qur’ān*. Beirūt: Dar Ihya al-Yhurah al-‘Arabi, 1479 H/ 1959 M. Lihat al-Qur’ān, surah al-Najm 53:14&16

<sup>266</sup> Al-Tabaṭabā’ī, al-Sayyid Muhammad Husayn (m.1321 H/1903) *Al-Mizān fi Tafsīr al-Qur’ān*. cet I Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, 1324H.

<sup>267</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, *op.cit.*, h.1489, entri “*Sidratulmuntaha*”.

secara terperinci makna sebenar *sidrah al-Muntahā* sehingga wujud hadith dengan pelbagai tanggapan bentuk dan hiasan semata-mata.

Al-Rānīrī menyatakan kejadian *Sidrah al-Muntahā* itu sangat besar pohnnya. Pohnnya itu seperti kubah di Mekah dan saiz daunnya seperti telinga gajah,<sup>268</sup> manakala Anās bin Mālik juga mengemukakan hadith mengenai *Mi'rāj* dengan menceritakan bahawa apabila Nabi Muḥammad ᷺.‘a.w naik ke *sidrah al-Muntahā*, lalu Nabi melihat pohon daun itu seperti telinga gajah dan buahnya seperti batu.<sup>269</sup>

Oleh demikian, analisis melalui tafsiran daun di *Sidrah al-Muntahā* seperti telinga gajah bukanlah rekaan al-Rānīrī semata-mata. Penelitian melalui ulama hadith seperti al-Bukhārī dan Muslim menyebut berulang kali perkara ini di dalam kitab tafsir Nūr Thaqalayn.<sup>270</sup>

Disamping itu, gambaran *sidrah* tidak seperti pohon di dunia tetapi merujuk kepada tempat lindungan yang besar dan dekat dengan Allah S.W.T, di mana tempat

---

<sup>268</sup> Lihat juga petikan dalam *Sahīh al-Bukhārī* no. 211 Jilid I, peristiwa *Isra' āl-Mikrāj*. Lihat juga al-'Asqalāni. 2003. *Fātḥ al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Vol. 7. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah. Kisah Rasūlullāh ᷺.‘a.w *Isrā* dan *Mi'rāj* dimana sabda Rasūlullāh ᷺.‘a.w : “dinaikkan aku keatas pohon sidrah al-Muntahā taktala itu kelihatan besar pohnya seperti kubah di Mekah dan daunnya seperti telinga gajah”

<sup>269</sup> Hadith telah dikeluarkan dalam *al-Ṣaḥīḥayn* dari hadits Ibni Abi Arubah. Hadits riwayat al-Baihaqi (no.1304). Asal hadith ini ada pada riwayat al-Bukhārī (no.3207) dan Muslim (no.164). Anas bin Maṭlūb, dari Maṭlūb bin Sya'sya'ah, dari Nabi ᷺.‘a.w menyebutkan hadith mengenai Mi'rāj, dan isi kandungannya iaitu: "Kemudian aku dinaikkan ke sidrah al-Muntaha, lalu sabda nabi ᷺.‘a.w lagi bahwasanya daunnya seperti telinga gajah dan bahwa buahnya seperti bejana batu".

<sup>270</sup> Abd. 'Ali ibn Jum'ah Arusi Huwayzi (m. 1112H/ 1700M), kitab *Tafsīr Nūr Thaqālāyin* (Beirūt: Mu'ass al-Tarikh al-'Arabi, 2001) j.5, h.155.

setiap malaikat memuji Allah S.W.T dan tempat golongan manusia yang mulia dan manusia beramal soleh.<sup>271</sup>

Seterusnya, al-Rānīrī menyebut mengenai perjalanan di *sidrah* memakan masa selama seratus tahun perjalanan kuda yang pantas. Dibawah perjalanan itu bernaung seribu orang yang berkenderaan dan dibawahnya lagi terdapat hamparan daripada emas.<sup>272</sup>

Merujuk hadith daripada Muslim menceritakan mengenai *sidrah* di syurga. Hadith berbunyi:

*daripada Abū Ḥūrairah, Rasūlullāh s. ‘a.w bersabda: “sesungguhnya di dalam Syurga terdapat sebatang pokok yang akan dilalui oleh orang yang berkenderaan di bawah teduhannya selama seratus tahun”.*<sup>273</sup>

Muslim berulang kali menyebut mengenai *sidrah* di syurga dengan sanad yang berbeza, iaitu:

*daripada Sahl ibn Sa‘d yang menyatakan bahawa dari Rasūlullāh s. ‘a.w bersabda: “Sesungguhnya di dalam syurga terdapat sebatang pokok yang akan dilalui oleh orang yang berkenderaan di bawah teduhannya selama seratus tahun tanpa melepasinya”.*<sup>274</sup>

---

<sup>271</sup> Abd. ‘Ali ibn Jum‘ah Arusi Huwayzī (m. 1112H/ 1700M), kitab *Tafsīr Nūr Thaqalayn*, *ibid.*, j.5, h.155.

<sup>272</sup> Al-Rānīrī, *Baṣ’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *op.cit.*, h.46.

<sup>273</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim Kitab al-Jannah wa Ṣifat Na‘imihā wa Ahlihā*, (T.T.P) no.6784

<sup>274</sup> Muslim, *ibid.*, no.6786

Selain itu, Muslim juga memetik riwayat daripada Abū Sā‘id al-Khudri<sup>275</sup> mengenai sebatang pohon di syurga iaitu:

*Rasūlullāh ḥ. ‘a.w telah bersabda: “Sesungguhnya di dalam syurga terdapat sebatang pokok yang akan dilalui oleh penunggang kuda yang pantas selama seratus tahun tanpa melepasinya”.*<sup>276</sup>

Setelah diteliti mengenai perjalanan di *sidrah al-Muntahā* yang ditulis oleh al-Rānīrī ada asasnya. Keadaan ini dibuktikan melalui hadith-hadith daripada Muslim yang menggambarkan perjalanan didalam *sidrah* memakan masa selama seratus tahun perjalanan. Walaupun di dalam al-Qur’ān tidak menerangkan bentuk, luas dan saiz pohon ini dan tidak mensabitkan ke atas sesuatu sekalipun kerana hal ini terkandung dalam bab rahsia Allah S.W.T. Selain itu, pandangan ulama tafsir ada menyebut *sidrah* itu berada di atas langit yang ke-7 di mana para hamba-Nya pergi untuk mendapatkannya.<sup>277</sup>

Seterusnya, al-Rānīrī menyambung mengenai *maqā’il* dan *kalbi* yakni tempat kediaman orang yang syahid dan kediaman para malaikat. Menurut beliau, di dalam kediaman itu diceritakan rupa malaikat sama seperti unggas dengan pelbagai rupa, manakala diatas setiap helaian daun itu terdapat seorang malaikat sedang berdiri sambil mengucap tasbih kepada Allah S.W.T. <sup>278</sup>

<sup>275</sup> Abu Sa'id al-Khudri (m. 63M/682H) merupakan seorang perawi hadith. Beliau telah meriwayat sebanyak 1170 hadith dan merupakan golongan Anṣār. Al-Bukhārī dan Muslim banyak mengutip riwayat hadith daripada beliau, manakala beliau juga menyertai dalam peperangan Uhūd bersama Rasūlullāh ḥ. ‘a.w.

<sup>276</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, op.cit., no.6787

<sup>277</sup> Al-Tabaṭābā’ī, *Al-Mizān fi Tafsīr al-Qur’ān*, op.cit.

<sup>278</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.46.

Justeru itu, di dalam kitab tafsir *Majmā‘ al-Bayān* ada ditulis mengenai perihal malaikat yang ada disetiap daun di dalam *sidrah* sedang memuji Allah S.W.T.<sup>279</sup> Begitu juga di dalam surah al-Nājm diceritakan tentang Rasūlullāh ᷲ.‘a.w melihat malaikat Jibril di *sidrah al-Muntahā* yang hampir tempatnya dengan syurga.<sup>280</sup>

Di dalam kitab tafsir *Nūr Thaqalayn* juga menceritakan tentang Nabi ᷲ.‘a.w ketika berada di dalam *sidrah al-Muntahā*. Hal ini menerusi kisah Nabi Muḥammad ᷲ.‘a.w sewaktu tiba di *sidrah al-Muntahā* baginda telah melihat ke bawah. Lalu, baginda melihat pelbagai bangsa malaikat yang wujud di sana.<sup>281</sup>

Oleh demikian, analisis mengenai kediaman para malaikat di *sidrah al-Muntahā* yang diperkatakan oleh al-Rānīrī mempunyai sumber yang kukuh. Al-Rānīrī telah merujuk kepada kitab-kitab tafsir dan penerangan ayat di dalam surah al-Nājm sebagai bukti dan ianya bukan khayalan beliau. Dengan itu, keadaan malaikat yang berada di *sidrah al-Muntahā* telah diperlihatkan keadaanya kepada Nabi Muḥammad ᷲ.‘a.w. Tugas malaikat yang berada di *sidrah al-Muntahā* sentiasa berzikir kepada Allah S.W.T.

---

<sup>279</sup> Tabarsī, *Majmā‘ al-Bayān*, XIV. Rasūlullāh ᷲ.‘a.w bersabda: “saya menyaksikan malaikat pada setiap daun sambil memuji kepada Allah S.W.T”.

<sup>280</sup> Al-Qur’ān, surah Najm, 53:14

<sup>281</sup> Abd. ‘Ali ibn Jum’ah Arusi Huwayzi (m. 1112H/ 1700M), kitab *Tafsīr Nūr Thaqalayn*, op.cit., j.5, h.155

### 3.7 Syurga

Istilah *al-Jannah* dan pecahan-pecahannya disebut sebanyak 145<sup>282</sup> kali dalam al-Qur'an. *Al-Jannah* digambarkan sebagai suatu kebun yang suasannya nyaman<sup>283</sup>, dihiasi dengan segala kemegahan yang tidak terhitung<sup>284</sup>, dinaungi oleh pelbagai pokok-pokok yang rendang dan terlindung dari cuaca yang sejuk dan panas.<sup>285</sup>

*Al-Jannah* merupakan suatu keadaan yang mempunyai ruang yang telah disediakan oleh Allah S.W.T sekian lama bagi hamba-hambaNya yang bertaqwa sebagai ganjaran kepada mereka atas keimanan dan amalan soleh yang mereka lakukan.<sup>286</sup> Pelbagai kenikmatan yang dikecapi oleh penghuni-Nya yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas dalam hati dan fikiran manusia.<sup>287</sup>

Oleh demikian, lafaz *al-Jannah* adalah merujuk kepada taman yang mempunyai pohon-pohon tamar dan anggur yang lebat dedaun dan berlingkar dahan-dahannya

---

<sup>282</sup> Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiah, *Mū’jam Alfāz al-Qurān al-Karīm*, cet 2, T.T.P: al-Hay’ah al-Miṣriyah al-‘Ammah lī al-Ta’līf wa al-Nāṣhr, 1970, j.1. h.224-225. Lihat juga Wan Zailan Kamaruddin “Pemikiran ‘Alī bin Abī Ṭālib r.‘a, Mengenai Konsep Syurga (*al-Jannah*) dan Neraka (*al-Nār*)”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 16,2002, h.37.

<sup>283</sup> Al-Qur’ān, surah al-Nisa’, 4:57

<sup>284</sup> Al-Qur’ān, surah al-Insan, 76:20

<sup>285</sup> Al-Qur’ān, surah al-Nisā’,4:57. Lihat juga Cyril Glasse *Ensiklopedia Islam (ringkas) Cyril Glasse*. Ghulfron A. Mas‘ādī (terj.), cet. ke-2. Jakarta: Fajar Interpratama Offset,1999, h.192.

<sup>286</sup> Sayyid Sabiq, *al-Aqā’id al-Islāmiyyah*, Beirut: Dar al-Fikr, t.t, h.301.

<sup>287</sup> Hassan Ayub (1994), *Tabsit al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*. cet.6, T.T.P.: Dar al-Tauzi’ wa al-Nashr wa al-Islamiyyah, h.199. Lihat juga al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*. Lihat juga Kitab al-Tafsir, Surah al-Sajdah, Bab Qāūlīḥī Fālā Tā’lām Nāfṣ mā Ūkħfiyā lāħūm min Qūrrāḥ Ā’yūn, Hadith no. 4779, dalam *Mausu‘ah al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, cet. 3, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi, h.405.

serta dapat menaungi dan menutupi apa yang terdapat di bawahnya. Di samping wujud sungai-sungai yang mengalir, suasana yang tenang dan nyaman.

Dalam al-Qur'ān, perkataan *al-Jannah* dan pecahan-pecahannya disebutkan sebanyak 145 kali<sup>288</sup> dalam 58 buah surah.<sup>289</sup> Berikut adalah dikemukakan ayat-ayat yang berkait langsung dengannya:

1. “*Dan orang-orang yang beriman serta beramal saleh, mereka itu penghuni syurga (Jannah), mereka kekal di dalamnya.*”<sup>290</sup>
2. “*Dan bagi orang yang takut akan saat menghadap Tuhan ada dua syurga (Jannatān).*”<sup>291</sup>
3. “*Balasan mereka di sisi Tuhan mereka adalah syurga (Jannāt) ‘Adn yang mengalir di bawah sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.*”<sup>292</sup>

Konsep syurga merupakan suatu persoalan yang turut dibincangkan di kalangan *mutakallimūn*. Persoalan yang timbul ialah adakah ia berbentuk suatu realiti (*haq*) atau *majazi*, diciptakan (*makhlūq*) atau bukan dan kekal atau binasa. Di kalangan al-Asyā‘irah, al-Rāzī umpamanya berpendapat, syurga merupakan suatu realiti berdasarkan keterangan al-Qur'ān.<sup>293</sup>

---

<sup>288</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, h.180-182.

<sup>289</sup> Al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, VIII, h.71-80.

<sup>290</sup> Al-Qur'ān, surah al-Baqarah 2: 82.

<sup>291</sup> Al-Qur'ān, surah al-Rahmān 55: 46.

<sup>292</sup> Al-Qur'ān, surah al-Bayyinah 98: 8.

<sup>293</sup> Al-Rāzī, Muḥammad ibn ‘Umar, Abū al-Su’ud Muḥammad ibn, Muḥammad Fakhr al-Dīn (m. 606H/ 1210M), *al-Arba‘īn fi Uṣul al-Dīn*. Hyderabad, 1934, h.119-120. Lihat juga al-Qur'ān, surah al-Baqarah, 2: 24; Ali ’Imrān, 3: 133.

Al-Rānīrī menyebut pintu pertama iaitu *Jannah al-Khuldī* syurga itu diperbuat daripada permata merah, pintu keduanya iaitu *Jannah al-Firdaus* pula daripada emas, pintu ketiganya iaitu *Jannah al-Ma'wā* daripada Zamrud yang hijau manakala pintu keempat iaitu *Jannah 'Adnī* daripada mutiara.<sup>294</sup>

Kejadian pintu syurga yang diperkatakan al-Rānīrī tidak disebut di kalangan ulama tafsir dan ulama hadith. Namun begitu, nama-nama syurga dan golongan yang dianugerahkan Allah S.W.T dijelaskan di dalam kitab-kitab akidah. Sebagaimana pandangan di kalangan ulama kalam mengenai jumlah nama-nama syurga mempunyai pelbagai tanggapan. Antaranya ada yang menyebut lapan, tujuh dan empat kesemuanya.<sup>295</sup> Nama syurga dipetik sebagai *al-Firdaus*, *'Adnī*, *al-Khuld*, *al-Na'im*, *al-Ma'wa*, *Dar al-Salam*, *Dar al-Jalal*, *'Illiyyin*, *Dar al-Mazid*, *Dar al-Muttaqin*, *Dar al-Muqamah* dan *Dār al-Qarār*.<sup>296</sup> Di samping itu, terdapat juga lafaz-lafaz syurga yang terkandung di dalam al-Qur'an seperti lafaz *Raudah*, *Fadl*, *al-Husna*, *dar al-Akhira*, *al-Ghurfah* dan *'Uqbah al-Dar*.<sup>297</sup> Begitu juga syurga dikatakan mempunyai 6 pintu (*bab*), antaranya *Bāb al-Rahmah*, *Bāb al-Sabr*, *Bāb al-Syukr*, *Bāb al-Ālam* dan *Bāb al-Akbar*. Dari segi bentuk dan jenis, tiada sesuatu yang boleh menggantikan nikmat

<sup>294</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq*, op.cit., h.67.

<sup>295</sup> Ibrāhīm al-Laqqāni, *Jawharah al-Tawhīd ma'a Hasiatūha Tuḥfa al-Murīd*, Qaherah: Matba'ah al-Istiqamah, t.t, h.183. Lihat juga Fu'ad Kharza' al-'Aqli, *Dirasah fī al-'Aqidah al-Islamiyyah*, (T.T.P. Huquq al-Taba' wa al-Nashr Mahfuzah li al-Muallif, t.t, h.205. Lihat juga Mustafa Ahmad 'Aqbawi, *Hasiyah 'ala Syarh 'Aqidah al-Dārdir*, Qaherah: Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladih bi Misr, 1949, h.27.

<sup>296</sup> Ahmad bin al-Mubarak, *al-Ibrīz min Kalām 'Abd al-'Azīz al-Dibbāgh*. T.T.P. Maktabah al-Sya'biah, t.t, h.550. Lihat juga Abu Bakar Jabir al-Jazā'iyy (m. 1986) 'Aqidah al-Mu'min'. Jeddah: dar al-Syuruq li al-Nashr wa al-Tauzi wa al-Tiba'ah, t.t, h.363.

<sup>297</sup> Muḥammad Khalil 'Aytānī, *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal li Mawādī' al-Qur'an al-Munazzal*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2000, h.35-36.

syurga.<sup>298</sup> Pintu-pintu itu terdiri daripada beberapa tingkat<sup>299</sup> dan peringkat<sup>300</sup> berdasarkan kebaikan setiap *mu'min*.<sup>301</sup>

Selain itu, al-Rānīrī menyebut syurga mempunyai beberapa nama dan tahap yang berbeza. Menurut beliau, syurga bukan sahaja mempunyai nama malah mempunyai pelbagai pintu dan hanya golongan yang layak menghuninya.

Di dalam kitab al-Bukhārī ada menyebut mengenai golongan manusia yang diberi ganjaran oleh Allah S.W.T dengan syurga. Merujuk kepada hadith:

dari Rasūlullāh ᷲ. "Barang siapa memberi nafkah isterinya di jalan Allah, maka akan dipanggil dari pintu surga, 'Wahai Hamba Allah! Ini adalah pintu kebaikan.' Barangsiapa termasuk ahli solat, maka akan dipanggil dari pintu al-Solāh. Barangsiapa termasuk ahli jihad, maka akan dipanggil dari pintu al-Jihad. Barangsiapa termasuk ahli puasa, maka akan dipanggil dari pintu al-Rayyan. Dan barangsiapa termasuk ahli sedekah, maka akan dipanggil dari pintu al-Sadaqah. Abū Bakr lantas berkata, 'Demi engkau dan ibuku (um al-Mu'min), ya, Rasūlullāh! Apakah seseorang harus dipanggil dari pintu-pintu itu, dan adakah seseorang yang dipanggil dari pintu-pintu itu seluruhnya?' Rasūlullāh menjawab, Ya. Dan aku berharap semoga engkau termasuk dari mereka".<sup>302</sup>

Al-Qur'ān pula menyebut lapan nama syurga serta penghuninya melalui beberapa surah. Antaranya, di dalam surah *al-Mu'minūn* disebut mengenai syurga *Firdaus* untuk orang yang khusyuk dalam solatnya, orang dapat menahan diri daripada perbuatan sia-

<sup>298</sup> Al-Qur'ān, surah al-Zukhruf 43:17.

<sup>299</sup> Al-Tūsī, *al-'Amālī*, op.cit., h.24; Al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, VIII, op.cit., h.144-145

<sup>300</sup> Al-Sadūq, *al-'Amālī*, ibid., h.372.

<sup>301</sup> Al-Tūsī, *Tahdhīb al-Ahkām*, II, op.cit., h.18. Lihat juga Al-Mūsawī, *Iqbāl al-A'māl*, op.cit., h.468.

<sup>302</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* bab Puasa, op.cit., no.931.

sia, menunaikan zakat, menjaga kemaluannya, memelihara amanah, menepati janji, dan memelihara sembahyangnya.<sup>303</sup> Syurga '*Adni* pula adalah penghuni bagi orang yang bertaqwa<sup>304</sup>, sabar<sup>305</sup>, beramal soleh<sup>306</sup> dan suka menginfakkan harta di jalan Allah S.W.T.<sup>307</sup> Syurga *Na'im* pula diperuntukkan bagi orang yang benar-benar bertakwa kepada Allah dan beramal soleh.<sup>308</sup> Syurga *al-Ma'wa* adalah tempat bagi orang yang bertaqwa kepada Allah S.W.T<sup>309</sup>, beramal soleh<sup>310</sup> serta takut kepada seksaan Allah S.W.T dan menahan hawa nafsunya.<sup>311</sup> Syurga *Dar al-Salam* pula dipenghuni orang-orang yang beriman, banyak membaca al-Qur'ān serta beramal soleh.<sup>312</sup>

Seterusnya, Syurga *Dār al-Muqamah* atau *Dār al-Jalāl* dihuni oleh orang-orang yang kuat iman Islamnya, banyak berbuat kebajikan, dan jarang berbuat kesalahan. Syurga *al-Maqam al-Amin* iaitu kediaman bagi orang-orang yang bertakwa.<sup>313</sup> Terakhirnya, syurga *Khuldi*, yakni dihuni oleh orang-orang yang taat menjalankan perintah Allah S.W.T dan menjauhi segala larangannya.<sup>314</sup>

Al-Rānīrī menyebut tujuh nama pintu yang perlu dilalui oleh golongan ahli syurga. Pertamanya *Dār al-Jalal* iaitu diperbuat daripada mutiara yang putih dan tempat

---

<sup>303</sup> Al-Qur'ān, surah al-Mukminūn 23:1-11

<sup>304</sup> Al-Qur'ān, surah al-Nahl 16:30-31

<sup>305</sup> Al-Qur'ān, surah Fātir 35:32-33

<sup>306</sup> Al-Qur'ān, surah Tāha 20:75-76

<sup>307</sup> Al-Qur'ān, surah al-Rā'ḍ 13:22-23

<sup>308</sup> Al-Qur'ān , surah al-Qalam 68:34, Luqmān 31:8, Yūnus 10:9, dan Al-Hajj 22:56

<sup>309</sup> Al-Qur'ān, surah al-Najm 53:15

<sup>310</sup> Al-Qur'ān, surah al-Sajdah 32:19

<sup>311</sup> Al-Qur'ān, surah al-Naziat 79:40-41

<sup>312</sup> Al-Qur'ān, surah al-An'am 6:27

<sup>313</sup> Al-Qur'ān, surah al-Dukhān 44:51

<sup>314</sup> Al-Qur'ān, surah al-Furqān 25:15

segala hamba yang bertaubat. Keduanya, *Dār al-Salam* yang diperbuat daripada yākūt yang merah iaitulah tempat kediaman golongan hamba yang sabar. Ketiganya *Jannah al-Ma'wa* yang diperbuat daripada *zabarjad*<sup>315</sup> yang hijau iaitulah tempat kediaman golongan hamba yang sangat takut akan Allah S.W.T. Keempatnya, *Jannah al-Khuldi* namanya iaitu diperbuat daripada kolam yang merah dan ada riwayat menyebut daripada emas yang merah dan merupakan tempat sekalian hamba Allah S.W.T. Kelimanya, *Jannah al-Na'im* diperbuat daripada perak yang putih iaitulah tempat kediaman golongan hamba yang kasih sayang akan Allah S.W.T. Keenamnya, *Jannah al-Firdaus* diperbuat daripada emas yang merah iaitulah tempat kediaman golongan hamba yang redha akan qadhdanya. Ketujuh yakni pintu terakhir bernama *Jannah Dar al-Qarār* diperbuat daripada kasturi yang amat harum baunya iaitulah tempat sekalian hamba yang kasih akan Tuhan".<sup>316</sup>

Ibn ‘Abbās r.a juga menyebut penghuni bagi golongan pintu pertama terdiri daripada para anbiā, *syuhadā* dan dermawan. Keduanya, orang yang mendirikan solat. Ketiganya, orang yang menuaikan zakat. Keempatnya, orang yang melaksanakan *am al-ma'rūf wa al-nahi munkar*. Kelimanya, orang dapat menahan nafsu dan perilaku yang tidak baik. Keenamnya, orang yang mengerjakan haji. Ketujuhnya, orang yang berjihad di jalan Allah S.W.T. Kelapannya, orang yang bertaqwā.<sup>317</sup>

Oleh demikian, kisah al-Rānīrī mengenai nama pintu syurga, ahli syurga, kejadian pintu syurga seperti dijadikan daripada mutiara berwarna putih, emas kemerahan dan

---

<sup>315</sup> Zabarjad membawa erti permata hijau.

<sup>316</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit, h.65.

<sup>317</sup> Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur'an al-Āzīm@Tafsir Ibn Kathīr*, op.cit.

perak serta jalan ke syurga telah banyak dikupas oleh para ulama. Hal ini menunjukkan kejadian syurga yang dikarang al-Rānīrī mempunyai sandaran yang kukuh dan selari dengan pandangan al-Qur’ān.<sup>318</sup> Bukti daripada ayat al-Qur’ān dan ulama hadith yang telah disebut memberi gambaran yang jelas keindahan syurga Allah S.W.T.

Al-Rānīrī juga menukilkan suasana sungai di dalam syurga. Menurut beliau, sungai pertama yang bernama *Jannah ‘Adni* di mana kedua tebing sungai itu daripada emas yang merah dan luasnya antara dua tebing itu seperti antara langit dan bumi. Dindingnya pula disusun daripada batu emas dan batu perak dan rapatnya daripada kasturi yang harum dan *'inbār* dan *za'faran*. Biliknya daripada mutiara yang putih dan setengah daripada *yakūt* yang merah dan pintunya daripada manikam.

Keduanya, sungai yang bernama *kauthar* di mana airnya mengalir pada seluruh syurga yang lain. Sungai ini juga dinamakan sebagai sungai Muḥammad s.‘a.w. Air sungainya yang amat putih daripada susu dan airnya amat manis daripada madu. Tebing kiri dan kanan sungai itu daripada merah yang dititihkan daripada manikam, mutiara yang putih dan setengah daripada permata yang merah.<sup>319</sup>

Menurut al-Qur’ān, keadaan sungai yang mengalir di syurga berupa susu dan manis seperti madu.<sup>320</sup> Namun keadaan bilik di syurga yang dibawa al-Rānīrī dijelaskan

<sup>318</sup> Ahmad Daudy, N.A, *Allah dan Manusia dalam KONSEPSI Syeikh Nuruddin ar-Raniri*, 1983. Lihat juga Al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago*, 1969, h.29-30.

<sup>319</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.65.

<sup>320</sup> Al-Qur’ān, surah Muḥammad, 47:15. *Allah Ta'ala berfirman yang artinya," (Apakah) perumpamaan (penghuni) surga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa yang di*

berdasarkan sabda Rasūlullāh ᷱ. mengatakan bahawa bilik (*al-Ghurfah*) dibina daripada batu permata yaqut merah, atau batu permata zābārjād hijau atau mutiara putih yang tidak ada kesan pecahan kesan sambungan. Keadaan bilik itu kelihatan seperti melihat bintang di kaki langit sama ada di sebelah timur atau barat. Ada bilik-bilik yang bahagian luarnya boleh dilihat dari dalam dan bahagian dalamnya juga boleh dilihat dari luar. Bilik-bilik ini disediakan kepada sesiapa yang menjaga lidahnya di dalam percakapan, membelanjakan rezeki yang membawa keberkatan, sentiasa berpuasa dan solat di malam hari kerana Allah S.W.T.<sup>321</sup>

Al-Rānīrī menyebut tentang sungai Kauthar di syurga sebagai sungai Nabi Muhammad ᷱ. Hal ini dipetik di dalam surah al-Kauthar<sup>322</sup> dan tafsir oleh kitab hadith yang sahih. Kebahagiaan dan kenikmatan syurga memang sukar diterangkan berdasarkan akal manusia yang singkat. Namun, Rasūlullāh ᷱ. ada menceritakannya dalam hadith mengenai sungai al-Kauthar di syurga.<sup>323</sup> Begitulah peri kejadian syurga yang membawa pelbagai kenikmatan kepada penghuni-Nya.

---

*dalamnya ada sungai-sungai dari air yang tidak berubah rasa dan baunya, sungai-sungai dari air susu yang tidak berubah rasanya, sungai-sungai dari khamer (arak) yang lezat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai dari madu yang disaring."*

<sup>321</sup> Al-Tarmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* dan al-Hakim, *Al-Mustadrak ‘ala al-Šaḥīḥayn fī al-Hadīth*. Beirut: Dar al-Fikr, 1390H/1983M.

<sup>322</sup> Al-Qur’ān, surah al-Kauthar 108:1-3

<sup>323</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī dan Ahmad, *Dari pada Abu Sa'id al-Khudri*, bahawa Rasūlullāh s.‘a.w bersabda bermaksud :

"Sesungguhnya Allah berfirman kepada ahli syurga : Wahai ahli syurga!  
Mendengarkan yang demikian, mereka menjawab : Kami sentiasa menyahut seruan-Mu ya Tuhan kami! Dan sentiasa memuliakan-Mu, sedangkan segala kebaikan tetap dalam kekuasaan-Mu! Tuhan berfirman lagi: Adakah kamu berpuas hati dengan balasan nikmat syurga yang ada ini? Mereka menjawab : Mengapa pula kami tidak berpuas hati ya Tuhan kami, sedang Engkau telah mengurniakan kami dengan pemberian-pemberian yang tidak pernah Engkau berikan kepada sesiapa pun daripada makhluk-makhluk yang Engkau jadikan?"

### 3.9 Kejadian Neraka

Al-Rānīrī mengarang fasal kejadian neraka sebagai bukti keadilan Allah S.W.T. Perkataan *Nār* berasal dari perkataan *Nūr* yang bermaksud cahaya.<sup>324</sup> Perkataan tersebut bermaksud sesuatu yang membakar apabila dirujuk kepada api yang menyala (*lahīb*) dan dapat diperhatikan pancaindera manusia berdasarkan keterangan al-Qur'ān yang bermaksud:

*"maka terangkanlah kepadaku tentang api yang kamu nyalakan (daripada gosokan kayu),"*<sup>325</sup>

dan juga kepada kepanasan (*al-hararah*) sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*" dan peliharalah dirimu daripada neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir."*<sup>326</sup>

Dalam al-Qur'ān, perkataan neraka (*al-Nār*) dikemukakan sebanyak 126 kali<sup>327</sup> iaitu dalam 69 buah surah.<sup>328</sup> Al-Rānīrī menyatakan peri kejadian neraka dijadikan Allah

---

Mendengarkan itu, Tuhan berfirman : Mahukah Aku berikan kepada kamu yang lebih baik daripada itu? Bagi menjawab pertanyaan itu mereka pula bertanya : Apa dia yang lebih baik daripada itu? Allah berfirman: Aku limpahkan kepada kamu keredaan-Ku, maka dengan yang demikian Aku tidak murka kepada kamu sesudah itu selama-lamanya."..

<sup>324</sup> Ibn Faris, *Mu'jam Māqāyiṣ*, V, h.308

<sup>325</sup> Al-Qur'ān, surah al-Wāqi'ah 56:71

<sup>326</sup> Al-Qur'ān, surah al-Baqarah 2:24, al-Hajj 22:72, al-Humazah 104:6

<sup>327</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, 723-725.

<sup>328</sup> Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, VIII, h.222-235.

S.W.T pada hari Ahad. Menurut ulama kontemporari Saudi iaitu Ahmādī<sup>329</sup> ada menyebut tujuh kejadian penciptaan pada hari Ahad iaitu, penciptaan falak (orbit), penciptaan bintang, penciptaan neraka, penciptaan bumi, penciptaan tujuh laut, penciptaan tujuh organ di dalam tubuh Nabi Ādam ‘a.s dan penciptaan hari di bumi.<sup>330</sup> Beliau menyebut Allah S.W.T menciptakan neraka pada hari Ahad dan neraka itu mempunyai tujuh pintu kesemuanya. Oleh demikian huraian tentang kejadian neraka pada hari Ahad tidak mendapat tempat di kalangan ulama kalām dan ulama hadith seperti al-Bukhārī dan Muslim. Hal ini merupakan pandangan Ahmadi semata malah kurang tepat dan beliau tidak menyatakan sumber yang diambilnya.

Menurut al-Rānīrī neraka itu mempunyai tujuh lapis. Pertamanya neraka bernama *Jahannam*, di mana Allah S.W.T memasukkan umat manusia ke dalamnya segala yang berbuat dosa daripada umat Nabi Muḥammad ṣ.‘a.w. Keduanya, neraka *Sa’ir* yakni golongan terdiri dari Nasrani dan yang ketiga bernama *Saqar* dan dimasukkan Allah S.W.T ke dalamnya bangsa Yahudi. Keempatnya, neraka *Muhim* yakni bagi orang yang takbur. Kelimanya, neraka *Huṭamah* yakni dimasukkan Allah S.W.T ke dalamnya manusia yang amarah lagi aniaya dan khianat. Keenam, neraka bernama *Lazo* yakni bagi manusia yang mendakwa akan dirinya sebagai tuhan. Lapisan terakhir merupakan neraka *Hawiyah* yakni golongan manusia yang *zindiq*.<sup>331</sup>

<sup>329</sup> Al-Hamdānī, Abī Nasir Muḥammad Ibn Abd al-Rahmān (d. 170H/786M) atau dikenali sebagai Ahmadi bin Hijazi merupakan ulama Sa’udi.

<sup>330</sup> Al-Hamdānī, Abī Nasir Muḥammad Ibn Abd al-Rahmān, *al-Sab’atū fi Mawā’idhi al-Barīyat*. Bulaq: T.P , 1292H, h.28-38.

<sup>331</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.117.

Al-Qur'an ada menyebut tentang 7 pintu neraka yang dihuni manusia yang berdosa.<sup>332</sup> Merujuk kepada kitab *Bihar al-Anwar* menceritakan suasana semasa Jibril 'a.s menurunkan ayat al-Qur'ān,<sup>333</sup> Rasūlullāh ᷲ.'a.w telah meminta kepada Jibrīl 'a.s untuk menjelaskan keadaan neraka yang diperkatakannya. Semasa Jibrīl 'a.s menyampaikan keadaan penghuni yang menuju pintu neraka yang ketujuh, Rasūlullāh ᷲ.'a.w begitu sedih sehingga baginda jatuh pengsan mendengar cerita yang dibawa Jibrīl 'a.s.<sup>334</sup> Analisis kisah ini, al-Rānīrī telah membincangkan keadaan 7 pintu neraka dengan berpandukan kepada sumber al-Qur'ān dan tafsir yang tidak diragui.

Seterusnya, al- Rānīrī memberi gambaran di dalam neraka banyak lapisan yang menuju ke bawah. Penjelasan melalui kitab *Ānwār Nū'māniyāh* menerangkan setiap lapisan bahagian neraka yang menuju ke bawah membawa kepada seksaan yang amat dahsyat dan jarak satu pintu kepada satu pintu neraka itu selama tujuh puluh tahun perjalanan.<sup>335</sup>

Jibril 'a.s juga menceritakan keadaan pintu dan perjalanan pintu untuk menuju kepada Rasūlullāh ᷲ.'a.w. Menurut Jibril 'a.s, neraka mempunyai 7 pintu (*abwāb*) dan setiap pintu dibahagikan kepada lelaki dan perempuan.<sup>336</sup> Setiap pintu itu sentiasa terbuka dan jarak satu pintu dengan pintu yang lain sejauh 70 tahun perjalan. Keadaan panas pintu yang berada dibawah lebih panas 70 kali ganda dari pintu yang

<sup>332</sup> Al-Qur'ān, surah al-Hijr 15:44

<sup>333</sup> *Ibid.*

<sup>334</sup> Ni'mat Allah al-Musawi Jaza'iri, *Anwār Nu'māniyāh*. Matba'ah, Shirkat-i Chāp, 1959, h.363. Lihat juga Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, op.cit., VIII, h.222-235.

<sup>335</sup> *Ibid.*

<sup>336</sup> Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, op.cit., VIII, h.222-235.

diatasnya.<sup>337</sup> Kesimpulannya, gambaran al-Rānīri mengenai neraka yang berlapis-lapis mempunyai sumber yang ada asasnya.

Namun begitu, di penghujung fasal kejadian neraka al-Rānīri telah menggambarkan rupa neraka itu seperti rupa harimau. Menurut beliau, harimau itu mempunyai tiga puluh ribu kepala. Manakala luas lapisan bibir atas dan bibir bawah harimau sejauh tujuh puluh ribu gumpalan besi rantai. Jika dihimpunkan besi rantai yang ada di dunia, maka amat jauh untuk dibezakan. Dan setiap rantaian besi itu dijaga oleh tujuh puluh malaikat bernama *Malik Zabaniyah* iaitu ketua segala malaikat yang begis rupanya. Al-Rānīri menyambung lagi, harimau itulah yang menghela segala isi neraka. Sekiranya diperintahkan Allah S.W.T untuk menghancurkan sebuah bukit maka dihancurkan dan dibalikkan.

Oleh demikian, analisis kisah mengenai rupa harimau yang diceritakan al-Rānīri hanyalah rekaan beliau. Analisis mengenai rupa harimau di dalam neraka ini tidak disebut di dalam al-Qur'an, malahan tiada pandangan ulama hadith seperti al-Bukhārī dan Muslim yang meriwayatkannya.

---

<sup>337</sup> Al-Majlisi, *Bihār al-Anwār*, op.cit., VIII, h.222-235.

### **3.10 Penutup**

Penciptaan alam *kubrā* merupakan perihal kejadian betapa hebatnya Allah S.W.T mencipta makhluknya. Perkara ini terkandung dalam rahsia Allah S.W.T dan menjadi kewajipan manusia untuk berfikir menerusi rasional akal dengan berpandukan al-Qur'an dan hadith. Demikianlah kejadian alam *kubrā* memperingatkan manusia agar memenuhi kehidupan di dunia dengan penuh amalan ketakwaan dan kebajikan.

## **BAB IV**

### **ALAM *SUGHRĀ***

#### **4.0 Pengenalan**

##### **4.0.1 Pengertian alam *sughrā* dari sudut bahasa**

Ibn ‘Arābi menjelaskan perkataan *sughrā* melalui susunan huruf arab *ṣād*, *ghayn*, *rā’* dan *yā’* bermaksud kecil.<sup>338</sup> Al-Rānīrī memberi pengertian alam *sughrā* sebagai alam yang mempunyai cakerawala seperti sistem siang dan malam, bulan, bintang dan matahari serta kewujudan planet-planet sebagai bukti kekuasaan Maha Esa.<sup>339</sup> Alam *sughrā* dapat definisikan sebagai alam kecil yang boleh dicapai oleh akal dan dijelaskan prosesnya dalam al-Qur’ān.

##### **4.0.2 Pengertian alam *sughrā* dari sudut istilah**

Perkataan *sughrā* di dalam al-Qur’ān disebut sebanyak 7 kali.<sup>340</sup> Alam *sughrā* merupakan alam yang boleh dihitung melalui ilmu hisab, dilihat dan didengar dengan pancar indera manusia.<sup>341</sup> Menerusi ilmu yang diberikan Allah S.W.T kepada manusia, alam ini pasti dapat dirungkai rahsianya bagi setiap satu penciptaan-Nya.

---

<sup>338</sup> Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mū’jam Alfāz al-Qur’ān al-Kārim*, op.cit., h.134.

<sup>339</sup> Al-Rānīrī, *Buṣṭān al-Salāṭīn:(Bab Pertama dan Kedua)* Jelani Harun, ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

<sup>340</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, op.cit., h.502.

<sup>341</sup> Ibn Khaldūn, Abḍūl Al-Rāḥmān Ibn Muḥammad Ibn Khālidūn, (m. 808H/ 1460M) *Al-Muqaddimah*, cet. ke-II, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1961.

Menurut al-Rāzī setiap bintang itu membentuk satu sistem yang tersusun rapi melalui planet-planet yang berputar umpama tergantung dan tidak berlanggar satu sama lain.<sup>342</sup> Keadaan ini dikenali sebagai alam kecil melalui bintang yang berkerlipan yang tidak terhitung bilangannya.<sup>343</sup>

Hal ini digambarkan di dalam al-Qur'ān, iaitu: (terj.)

وَسَخَّرَ لَكُمُ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَكِيدُ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

*“Dan Dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untukmu, dan bintang-bintang dikendalikan dengan perintah-Nya. Sesungguhnya, pada setiap aturan itu terdapat tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T bagi manusia yang mengetahuinya.”<sup>344</sup>*

Oleh itu, kejadian alam *sughrā* sebenarnya agenda Allah S.W.T yang telah tersusun rapi. Ayat yang terdapat dalam al-Qur'an ini jelas mahu umat Islam memiliki minda yang saintifik yang mampu menganalisis data dan fakta dan menolak sebarang laporan dan pandangan yang tidak berlandaskan bukti dan dalil.

---

<sup>342</sup> Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Abū 'Abd Allāh b. Muḥammad b. 'Umar (m. 502H/ 1109 M) *Māfātiḥ al-Ghāyb @ Tafsir al-Kābir*. Misr: al-Maktabah al-Bahiyyah, al-Misriyyah, 1345 H/ 1935 M. j.16, h.73.

<sup>343</sup> Al-Rāzī, *ibid.* h.73.

<sup>344</sup> Al-Qur'ān, surah al-Naḥl 16:12

## 4.1 Matahari, Bulan Dan Bintang

### 4.1.1 Matahari

Matahari merupakan salah satu cakerawala yang wujud di langit. Sains mendefinisikan matahari sebagai bintang yang paling besar, bentuknya bulat dan mempunyai cahaya yang amat panas sehingga mengeluarkan api.<sup>345</sup> Matahari mengeluarkan cahaya 85 peratus lebih cerah daripada bintang-bintang yang lain.<sup>346</sup> Al-Rānīrī menyebut cahaya matahari merupakan suku daripada cahaya ‘Arasy. Di dalam al-Qur’ān, istilah matahari disebut dengan perkataan *al-Syāms* sebanyak 32 kali.<sup>347</sup>

Firman di dalam al-Qur’ān:

وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَاجًَا ﴿١٣﴾

Ertinya: “*dan kami jadikan cahaya yang amat terang (matahari)*”<sup>348</sup>

Al-Rānīrī memulakan kejadian matahari dengan memetik kata-kata daripada Ibn ‘Abbās r.a tentang saiz matahari. Menurut beliau, ukur lilit matahari adalah 360 *farsakh*<sup>349</sup> yakni bersamaan 1,994.76 kilometer jaraknya.

Seterusnya, al-Rānīrī menjelaskan mengenai kedudukan matahari. Menurut beliau, kedudukan matahari berada di langit yang keempat dan jarak putaran matahari sejauh tiga ratus *kīn*<sup>350</sup> berbanding dengan bumi.<sup>351</sup>

<sup>345</sup> Ess, J.V, *The Encyclopedia of Islam*, edisi baru, (ed.-I, 1979 Leiden, 1997), 5:345 entri “*Syāms*”.

<sup>346</sup> Ess, J.V, *The Encyclopedia of Islam*, edisi baru, *ibid*.

<sup>347</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.476

<sup>348</sup> Al-Qur’ān, surah An-Nabā’ 78:13.

<sup>349</sup> ‘Abd. al-‘Azīm bin Badawi al-Khālāfī, *Al-Wajiz fi Fiqh as-Sunnah wal kitab al-‘Aziz*, bab solat, cet. ke-III (Cairo: Dar Ibn Rajab, 1421M, 2001). Kiraan 1 *farsākh* bersamaan 5541 meter.

Menurut al-Bukhārī dan Muslim menyebutkan bahawa matahari berputar mengelilingi bumi melalui lingkaran orbit dengan putaran 360 darjah.<sup>352</sup> Namun menurut tafsiran ulama hadith ini, tidak disebut sama sekali mengenai luas matahari itu sejauh 360 farṣākh. Begitu juga dengan kedudukan matahari tidak mendapat perhatian para ulama hadith dan tafsir mengenai mahatari terletak di langit yang keempat.

Oleh demikian teori sains masa kini memberitahu bahawa matahari merupakan planet yang paling besar saiznya berbanding dengan planet-planet yang lain.<sup>353</sup> Hal ini berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan berulang kali oleh ahli astronomi barat. Begitu juga dengan kedudukan matahari telah dibuktikan secara kajian empirikal menyatakan bahawa matahari boleh berputar sebanyak 360 darjah dalam satu-satu masa.<sup>354</sup>

Oleh itu, cerita mengenai putaran matahari sebanyak 360 darjah yang dibawa al-Rānīri mempunyai asas yang boleh dipercayai. Hal ini telah dibuktikan masa kini dengan menggunakan teknologi yang canggih malah ditayangkan kepada masyarakat hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh manusia. Ringkasnya, kekuasaan Allah S.W.T mengenai penciptaan alam semesta telah dikhabarkan pada abad pertama sebelum wujudnya teknologi masa kini.

---

<sup>350</sup> Kin adalah unit ukuran bagi kelajuan. 1 kin bersamaan 86400 saat.

<sup>351</sup> Al-Rānīri, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.77.

<sup>352</sup> Al-Bukhārī, *Bad' al-Khalq, bab Ṣifat al-Syām Wal Qamār* no.3199. Lihat juga Muslim, kitab *al-Imān, bab Bayan al-Zamān al-Ladhi La Yuqbāl Fihi Imān* no.159

<sup>353</sup> Dean Pesnell & Kevin Addison, "SDO:Solar Dynamics Observatory: SDO Specifications". (National Aeronautics and Space Administration (NASA), 5 Februari 2010).

<sup>354</sup> Dean Pesnell & Kevin Addison, *ibid*.

Selain itu, al-Rānīrī juga menyebut matahari berada di atas sebuah pedati.<sup>355</sup> Pada pedati itu terikat tiga ratus enam puluh tali dan tali itu akan dihela setiap sekali oleh tiga ratus enam puluh malaikat. Manakala jarak matahari tersebut seperti timur dan barat, dan sepanjang jaraknya itu terdapat lapan puluh mata air yang sentiasa mendidih.<sup>356</sup>

Cerita mengenai pedati yang dibawa al-Rānīrī tidak mendapat tempat dalam kalangan ulama tafsir dan ulama hadith. Ianya hanya sebuah corak pemikiran al-Rānīrī untuk disampaikan kepada awam. Ulasan mengenai jarak matahari yang dikatakan al-Rānīrī seperti timur dan barat pula menunjukkan bahawa tugas malaikat yang membawa matahari itu sentiasa berpusing sebanyak 360 darjah tanpa henti. Namun begitu, kajian berpendapat tokoh ilmuan astronomi Islam seperti al-Khawārizmī dan Ibn Haitham sama sekali tidak menyebut tentang keadaan malaikat yang wujud di sana.

Di samping itu, al-Rānīrī mengutip kata-kata dari Ka‘ab al-Ahbar mengenai matahari. Menurut beliau, pada hari kiamat kelak malaikat akan membawa matahari dan bulan kemudiannya dibuang kedua-duanya ke dalam neraka dengan keizinan daripada Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T mengenai matahari dan bulan dibuang ke neraka:

وَجْمَعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ  
“dan matahari dan bulan dikumpulkan”<sup>357</sup>

<sup>355</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.78.

<sup>356</sup> Al-Rānīrī, *ibid*, h.78

<sup>357</sup> Al-Qur’ān, surah al-Qiyāmah 75:9

Al-Qurṭubī menjelaskan mengenai matahari dan bulan dikumpulkan dan kemudiannya dibuang ke neraka apabila kiamat kelak. Sewaktu itu, langit akan terbelah, bintang-bintang akan berserakan dan lautan meluap kepanasan.<sup>358</sup>

Al-Tahawī<sup>359</sup> meriwayatkan hadith mengenai matahari dan bulan umpama sapi jantan dan betina yang terikat lalu dilemparkan ke dalam neraka.<sup>360</sup> Al-Suyūṭī dan Al-Banī mensahihkan hadith daripada al-Tahawi. Riwayat daripada Ka‘ab al-Ahbar juga menceritakan keadaan yang sama iaitu pada hari kiamat kelak matahari dan bulan akan muncul seperti dua ekor lembu betina yang mandul lalu mereka dibuang kedalam neraka.<sup>361</sup>

Oleh demikian, al-Rānīrī telah menceritakan perihal matahari dan bulan bersumberkan hadith dibawa oleh al-Taḥawī dan beberapa ulama hadith. Hal ini bukan khayalan beliau semata-mata atau pun corak pemikiran tetapi ia merupakan pandangan yang bersumberkan hadith daripada Nabi s.‘a.w.

---

<sup>358</sup> Al-Qurṭubī (671M), *Al-Tazkirah fī Aḥwālī al-Mauta wa ‘Umūr al-Akhīrah*, op.cit., bab 91, h.119. Ibn Wahab: (terj.) Diriwayatkan oleh Ibn Wahab dari Atha' bin Yassar, setelah membaca ayat, "Dan Matahari dan Bulan dikumpulkan". Dia berkata, "Pada hari kiamat nanti, setelah Matahari dan Bulan dikumpulkan, lalu keduanya dilemparkan kedalam Neraka sehingga muncul api Allah S.W.T yang sangat besar". Lihat juga Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, op.cit., j.24, h.58. Ibn Wāḥib dalam al-Ahwāl.: 'Asa' bin Yasar menafsirkan ayat: "Lalu matahari dan bulan dikumpulkan" iaitu keduanya dikumpulkan lalu di lemparkan ke dalam api neraka.

<sup>359</sup> Al-Taḥawī, Abu Ja'far Ahmad ibn Muḥammad al-Tahawi, (239H/321H) merupakan ulama hadith berfahaman mazhab hanafī.

<sup>360</sup> الشمس و القمر ثوران مكوران في النار يوم القيمة "أخرج الإمام الطحاوي في "مشكل الآثار": (67-66/1) الألباني وغيره (سلسلة الأحاديث الصحيحة): (124)

Al-Taḥawī (239H/321H), *Syarḥ Ma‘ānī al-Athār*, *Musykil al-Athar*, op.cit., j.1, h.66-67. Sabda Nabi s.‘a.w: "Matahari dan Bulan seolah-olah seperti sapi jantan yang terikat dan di lemparkan kedalam Neraka di hari kiamat" di sahihkan oleh al-Suyūṭī dan Al-Banī dalam kitab al-Ṣāḥihāh h.124

<sup>361</sup> Al-Qurṭubī (671M), *Al-Tadzkirah fī Aḥwālī al-Mauta wa ‘Umūr al-Akhīrah*, op.cit., bab 91, h.119.

#### 4.1.2 Bintang

Bintang dari segi bahasa merupakan benda yang berada di langit yang memancarkan cahaya,<sup>362</sup> manakala definisi bintang berdasarkan ahli astronomi adalah berbentuk bola dan mempunyai jisim, di dalamnya wujud gas yang terbentuk disebabkan tarikan graviti bintang itu sendiri.<sup>363</sup> Bintang yang paling hampir dengan bumi adalah matahari. Di dalam al-Qur'an bintang disebut *mūfrād* sebagai *al-Nājm* sebanyak 4 kali dan *jamā'* disebut sebagai *al-Nujūm* sebanyak 9 kali.<sup>364</sup>

Al-Rānīrī membawa pandangan orang dahulu kala yang menganggap bumi sebagai pusat alam semesta. Menurut beliau, terdapat tujuh langit yang menempatkan bintang-bintang diangkasa. Di langit yang pertama ada bulan dan beberapa benda yang berada di langit. Kedudukannya sangat dekat dan bergerak cepat. Manakala di langit yang ke dua, ditempatkan Merkurius yakni bintang Utarid. Venus atau bintang kejora berada di langit ke tiga. Sedangkan matahari ada di langit ke empat. Di langit ke lima ada Mars yakni bintang Marikh. Di langit ke enam ada Jupiter yakni bintang Musytari. Langit ke tujuh ditempati Saturnus yakni bintang Siarah atau dikenali sebagai Zuhal. Itu keyakinan lama yang menganggap bumi sebagai pusat alam semesta.

Oleh demikian, susunan tujuh objek langit yang terdiri daripada *Qamar*/Bulan(langit pertama), Utarid (kedua), Zuhrah (ketiga), *Syams*/ Matahari (keempat), Marikh (kelima), Musytari (keenam) dan Zuhal pada langit ketujuh. Bintang

<sup>362</sup> Arnaldez, R., *The Encyclopedia of Islam*, edisi baru, (ed.-I, 1979, Leiden, 1997):5 entri "Nājm".

<sup>363</sup> *Ibid.*

<sup>364</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, op.cit., h.784.

tetap tidak menjadi sebahagian daripada ‘bintang Tujuh’ kerana sifat-sifat astrometri yang berbeza. Konsep susunan langit ini sama dengan penggunaan bintang Tujuh sebagaimana pengaruh Hindu dan Yunani. Bintang Tujuh yang berasaskan pengetahuan Hindu dan berleluasa digunakan dalam takwim Jawa-Hindu, iaitu ‘ketika Tujuh’. Bintang Tujuh ini menjadi nama hari dalam sistem satu minggu tujuh hari pada takwim Hindu-Jawa: *Diti, Soma, Ang'gara, B'udha, Raspat'i, Sukra dan Sanischara*.<sup>365</sup>

Penelitian kajian mendapati, al-Rānīrī telah mengambil beberapa sumber yang berunsurkan ramalan yang wujud di dalam kitab Jawa-Hindu. Hal ini tidak mendapat perhatian dalam kalangan ulama tafsir dan ulama hadith. Namun begitu, kajian berpendapat ilmu Bintang Tujuh yang dikemukakan al-Rānīrī ini bertujuan untuk ramalan masyarakat ketika ia berada di Aceh. Bacaan terperinci mengenai Bintang Tujuh ini telah dijelaskan al-Rānīrī di dalam kitabnya *Buṣṭān al-Salāṭīn*.

Berikut adalah susunan bintang-bintang yang diungkap oleh al-Rānīrī beserta kiraan mengorbit mengikut kalender syamsiah:

*(adapun) hikmat Allah S.W.T menjadikan tujuh bintang ini dianugerahinya akan dia kerajaan pada tiap-tap langit itu supaya ia mempertahankan dunia ini maka*<sup>366</sup>

---

<sup>365</sup> Raffles T. Stamford. *The History of Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965. Lihat juga Baharrudin Zainal, *Konsep Alam Geopusatian Dalam Naskhah Buṣṭān al-Salāṭīn*. Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu (Universiti Darul Iman, Julai, 2009) Malaysia. Lihat juga teks asal, al-Rānīrī, *Buṣṭān al-Salāṭīn*, MS 781.

<sup>366</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.80-83.

**(pertama)** daripada bintang tujuh ini qamar ertinya bulan tempat kediamannya keluarnya pada langit yang pertama maka ia diam pada tiap-tiap buruj tengah tiga hari maka dilaluinya segala langit itu di dalam sebulan jua<sup>367</sup>

**(kedua)** bintang utarid tempat keluarnya dan kediamannya pada langit yang kedua maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu lima belas hari maka dilalunya segala langit itu di dalam enam bulan<sup>368</sup>

**(ketiga)** bintang zahrah tempat kediamannya dan keluarnya pada langit yang ketiga maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu dua puluh lima hari maka dilaluinya segala langit itu di dalam sepuluh bulan jua<sup>369</sup>

**(keempat)** bintang shams tempat kediamannya dan keluarnya pada langit keempat maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu sebulan maka dilaluinya segala langit itu di dalam setahun jua<sup>370</sup>

**(kelima)** bintang Marikh tempat kediamannya dan keluarnya pada langit yang kelima maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu lima puluh hari maka di laluinya segala langit itu di dalam du lapan belas tahun jua<sup>371</sup>

**(keenam)** bintang Musytari tempat kediamannya dan keluarnya pada langit yang keenam maka ia diam pada tiap-tiap buruj itu dua lapan tiga bulan maka dilaluinya segala langit itu di dalam tiga belas tahun jua<sup>372</sup>

**(ketujuh)** bintang zuhal tempat kediamannya dan keluarnya pada langit yang ketujuh maka diam pada tiap-tiap buruj itu tengah tiga tahun maka dilaluinya segala langit itu di dalam tiga puluh tahun jua<sup>373</sup>

**(adapun)** segala bintang syarban ertinya yang tetap iaitu dua belas bintang bernama buruj<sup>374</sup>

---

<sup>367</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.80-83.

<sup>368</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>369</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>370</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>371</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>372</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>373</sup> *Ibid.*, h.80-83.

<sup>374</sup> *Ibid.*, h.80-83.

Jadual 1: Tempoh mengorbit bagi ‘bintang Tujuh’

‘Bintang Tujuh’	Tempoh ‘diam pada tiap-tiap buruj’	Tempoh semasa	Tempoh ‘dilaluinya segala langit’	Tempoh semasa
Bulan	3½ hari	2 - 2½ hari	1 bulan	1 bulan
Utarid	15 hari	15 hari – 2 bulan	6 bulan	88 hari
Zuhrah	1 bulan	30 hari	10 bulan	225 hari
Syamsi	1 bulan	29-31 hari	1 tahun	1 tahun (365¼ hari)
Marikh	50 hari	2 - 7 bulan	18 tahun	18 bulan
Musytari	23 bulan	1 tahun	13 tahun	12 tahun
Zuhal	3½	2½	30 tahun	29.5 tahun

(Sumber: Kitab *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*)

Unit hari yang dinyatakan dalam manuskrip ialah unit hari dalam kiraan syamsiah. Tempoh masa purata Bumi membuat satu pusingan lengkap dengan Matahari selama 365.242191 hari (dalam sistem heliopusatan). Apabila dianggapkan Bumi menjadi pusat (sistem geopusatan), tempoh masa yang sama digunakan bagi Matahari. Apabila perubahan kedudukan bintang Tujuh dikesan dari satu buruj ke satu buruj lain, tempoh ini dinyatakan sebagai tempoh ...*diam pada tiap-tiap buruj*.... Satu bulan syamsiyah berdasarkan latarbelakang buruj ini pula bersamaan 29, 30 atau 31 hari, bersamaan seluas  $30^\circ$  kawasan langit yang akan dilaluinya. Dalam catatan manuskrip, Bulan berada pada sesuatu buruj selama 3½ hari, iaitu satu hari Bulan telah melalui hampir  $9^\circ$ . Nilai ini lebih rendah berbanding kadar purata pergerakan Bulan pada kadar  $12^\circ$  hingga  $13^\circ$ .

sehari. Manakala catatan *...dilaluinya segala langit itu...* ialah tempoh masa planet mengorbit ‘Bumi’ dalam sistem geopusatan. Dalam petikan manuskrip MS 781 sebagaimana Jadual 1, sebahagian catatan tempoh mengorbit bagi planet-planet ini sama dengan nilai moden, kecuali tempoh bagi planet Marikh yang tidak tepat. Tempoh mengorbit Marikh selama 18 tahun sepatutnya ditulis sebagai 18 bulan, kemungkinan terdapat kesilapan dalam proses penyalinan semula dari manuskrip ke manuskrip atau dari manuskrip ke naskhah cetakan.

Dalam sistem geopusat, cakerawala dianggapkan mengorbit berpusatkan Bumi, berbanding dengan sistem Matahari pusat. Justeru itu, tempoh mengorbit Matahari sebenarnya ialah tempoh Bumi mengelilingi Matahari, bersamaan satu tahun syamsiah. Catatan *...dilaluinya segala langit itu...*, apabila dirujukkan kepada Matahari, menunjukkan yang Matahari bergerak pada latarbelakang langit. Tempoh masa pergerakan ini bersamaan satu tahun tropika (bersamaan 365.242191 hari), jumlah yang dibundarkan menjadi jumlah hari untuk satu tahun takwim Miladiyah.

#### **4.1.3 Bulan**

Bulan merupakan bintang bagi planet seperti di bumi. Bulan akan beredar secara satelit semula jadi untuk mengelilingi bumi. Dari sudut sains, bulan diistilahkan bintang yang mempunyai jisim, berbentuk sfera, tidak mempunyai cahaya melainkan mendapat cahaya daripada matahari serta akan mengelilingi sebuah planet yang lebih besar

daripadanya.<sup>375</sup> Al-Rānīrī juga mengatakan cahaya bulan ada ketikanya lebih dan kurang disebabkan cahayanya datang daripada matahari.<sup>376</sup> Perkataan bulan di dalam al-Qur’ān disebut sebagai *al-Qamar* sebanyak 26 kali.<sup>377</sup>

Al-Rānīrī menyatakan kejadian bulan datangnya daripada ‘Arasy Allah S.W.T.<sup>378</sup> Saiz bulan seperti biji sawi, jumlahnya terlalu banyak umpama buih ketika berada di ‘Arasy Allah S.W.T.<sup>379</sup> Menurut beliau, keadaan bulan terapung di udara semasa di langit mahupun di ‘Arasy *al-Rahman*.<sup>380</sup> Jumlah bulan yang begitu banyak telah meliputi langit yang pertama yakni langit atas sehingga langit kedua yakni langit dibawah yang meliputi langit di bumi.<sup>381</sup> Tambah beliau lagi, keadaan bulan itu tidak berhubung antara satu sama lain tetapi ianya terapung mengikut arahan daripada Allah S.W.T.<sup>382</sup>

Di dalam al-Qur’ān, matahari dan bulan beredar melalui orbit. Berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الْأَيَّلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ فِي قَلْبِكِ يَسْبَحُونَ ﴿٢٣﴾

“dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Masing-masing dari keduanya itu beredar di dalam garis edarnya”<sup>383</sup>

<sup>375</sup> Abdsalem, *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, ed. John L. Esposito (Oxford: Oxford University Press, 1995, 2:242-3 entri “Qamar”). Lihat juga A.J Winseck, *The Encyclopedia of Islam*, edisi lama [ E.1(2)], 4 Vol. & 1 Suplement, Vol. III, Leiden 1913-1979 entri “Qamar”.

<sup>376</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *op.cit.*, h.79.

<sup>377</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.661.

<sup>378</sup> Al-Rānīrī, *ibid*, h.79.

<sup>379</sup> *Ibid.*, h.79.

<sup>380</sup> *Ibid.*, h.79.

<sup>381</sup> *Ibid.*, h.79.

<sup>382</sup> *Ibid.*, h.79.

<sup>383</sup> Al-Qur’ān, surah al-Anbiā 21:33

Begitu juga di dalam surah al-Ra'd menjelaskan tentang matahari dan bulan diatur semasa di 'Arasy. Firman Allah S.W.T:

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ وَسَحَرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ  
يَجْرِي لِأَجَلٍ مُسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَتِ لَعَلَّكُمْ يَلْقَاءُونِي رَبِّكُمْ تُوقُنُونَ ﴿٢﴾

"Allah-lah yang meninggikan langit tanpa tiang (sebagaimana) yang kamu lihat, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy, dan menundukkan matahari dan bulan. Masing-masing beredar hingga waktu yang ditentukan. Allah mengatur urusan (makhluq-Nya), menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya), supaya kamu meyakini pertemuan (mu) dengan Tuhanmu.."<sup>384</sup>

Ringkasnya, al-Rānīrī mengambil petikan daripada al-Qur'ān mengenai cerita bulan berada di 'Arasy dan beredar mengelilingi orbit tanpa bertemu antara satu sama lain. Keadaan bulan seolah-olah tergantung dan terapung seperti yang diperkatakan al-Rānīrī merujuk kepada keadaan langit dan kedudukannya telah disusun Allah S.W.T sejak awal kejadian sehingga dikumpulkan semula pada hari kiamat kelak. Hal ini menjelaskan bahawa al-Rānīrī menggunakan sumber primer iaitu al-Qur'ān sebagai bukti dalam fasal kejadian bulan.

#### 4.2 Awan

Awan dari segi bahasa bermaksud sekumpulan titisan air yang berbentuk kristal.<sup>385</sup> Kedudukannya umpama tergantung di atmosfera yang terhasil daripada proses

<sup>384</sup> Al-Qur'ān, surah al-Rā'ḍ 13:2

<sup>385</sup> B. Lewis, *The Encyclopedia of Islam*, edisi baru, (ed.-I, Leiden, 1979,1997):9 entri "hawā'".

kondensasi.<sup>386</sup> Al-Rānīrī menyebut kedudukan awan ini berada di udara dan sifat fizikalnya lembut kerana dihasilkan daripada titisan air sejuk.<sup>387</sup> Di dalam al-Qur’ān perkataan *mufrād* awan disebut dengan lafaz *sahāb* sebanyak 5 kali dan lafaz *sahabān* dicatat sebanyak 4 kali.<sup>388</sup>

Pandangan al-Qur’ān, definisi awan dari segi istilah merupakan zarah air yang dibawah ke udara<sup>389</sup> lalu terbentuk gumpalan di langit yang terbentang luas. Kemudian Allah S.W.T mengirimkan angin untuk menggerakkan awan dan hujan akan keluar dari celahannya.<sup>390</sup> Begitu indah dan cantik apabila manusia dapat melihat proses yang dijelaskan di dalam al-Qur’ān.

Al-Rānīrī mengemukakan kejadian awan itu dengan menggambarkan sifat fizikal awan itu amat lembut apabila disentuh dan kedudukannya berada di udara.<sup>391</sup> Al-Rānīrī memetik kata-kata dari Ibn ‘Abbās r.a mengatakan bahawasanya awan itu sangat lembut (*laṭīf*) tubuhnya dan terapung di udara. Keadaan di sekelilingnya dikawal oleh tentera malaikat Mikā’īl.<sup>392</sup>

Al-Suyūtī juga menyebut keadaan awan yang dikawal oleh para malaikat. Menurut beliau, kisah golongan Yahudi datang berjumpa Rasūlullāh ᷱ.a.w dan bertanyakan

<sup>386</sup> Ahmad Yousef Al-Hassan (Dr) *Science and Technology in Islam: The exact and natural sciences*. Part I, Lebanon, Beirut: United Nation Educational Scientific and Culture Organization, 2011, h.405.

<sup>387</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt al-’Ard*, *op.cit.*, h.85.

<sup>388</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, 424.

<sup>389</sup> Al-Qur’ān, surah al-Ḥijr 15:22.

<sup>390</sup> Al-Qur’ān, surah āl-Rūm 30:48.

<sup>391</sup> Al-Rānīrī, *op.cit.*, h.86.

<sup>392</sup> *Ibid.*, h.86.

tentang halilintar (*al-ra’du*), lalu baginda menjelaskan sewaktu halilintar memancarkan cahayanya diselangi dentuman guruh yang kuat merupakan perintah-Nya ke atas malaikat untuk mengiringi awan. Ketika itu para malaikat bersama angin akan membawa awan dan berhenti atas perintah-Nya.<sup>393</sup>

Analisis kajian mengenai sifat fizikal awan yang diutarakan al-Rānīrī diambil berdasarkan hadith yang diriwayat oleh al-Tirmidhī.<sup>394</sup> Ulama tafsir seperti al-Suyūtī telah mengemukakan begitu banyak kisah mengenai awan melalui surah al-Bāqārah di dalam ayat yang ke 19. Oleh itu, al-Rānīrī telah membuktikan karangan beliau mengenai awan bersumberkan daripada pendapat yang masyhur dan diterima oleh para ulama hadith dan ulama tafsir.

Malaikat Mikā’īl yang disebut al-Rānīrī merupakan malaikat yang tugaskan memberi rezeki. Oleh itu, pengertian rezeki yang dapat difahami melalui tafsiran al-Qur’ān adalah melalui turunnya hujan ke muka bumi.<sup>395</sup> Malaikat Mikā’īl memiliki

---

<sup>393</sup> Abū ‘Isā mengatakan bahawa hadith ini hasan gharib. Hadith riwayat al-Tirmidhī, turut diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasa’i, dihasangkan oleh al-Bani dalam *al-Sahīhah*, no.1872: *Dari Ibn ‘Abbās r.a berkata: Orang-orang Yahudi mendatangi Rasūlullāh ᷲ. ‘a.w dan berkata: Wahai Abu al-Qasim, ceritakan kepada kami apakah halilintar itu!* Beliau menjawab: *"Itu adalah seorang malaikat yang ditugaskan (mengatur) awan, bersamanya ada angin dari api untuk menggiring awan sesuai kehendak Allāh."* Mereka bertanya: *Lalu dari mana asal suara (halilintar) yang kita dengar itu?* Beliau menjawab: *"Itu adalah benturan dengan awan dan akan berhenti sesuai dengan perintah Allah."* mereka berkata: *Engkau benar, lalu ceritakan kepada kami tentang yang diharamkan Isrā’īl terhadap dirinya sendiri.* Beliau menjawab: *"Ia (Ya’qub) menderita penyakit sendi tetapi ia tidak mendapati sesuatu yang sesuai baginya, yang ada hanyalah daging unta dan susunya, kerana itulah beliau mengharamkannya."* mereka berkata: *Engkau benar.* Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Rūm 30:48. Lihat juga Ibn Baz, *Mājma‘ al-Fatāwa*, (XIII/87).

<sup>394</sup> *Ibid.*

<sup>395</sup> Al-Bukhārī, kitab *al-Tafsīr*, surah Nūh 8/666. Lihat juga Qurṭubī, *Tafsīr al-Qurṭubī*, 18/302. Lihat juga al-Suyūtī, *al-Iklīl fī Isti’nbāt al-Tanzīl*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kitab al-‘Alamiah, 1981M/

pembantu-pembantu dari kalangan malaikat yang sentiasa taat terhadap perintah Allah S.W.T, mereka mengatur dan menggerakkan angin dan menggiring awan mendung sebagaimana atas kehendak Allah S.W.T.<sup>396</sup>

Al-Rānīrī menyambung ceritanya mengenai pergerakan awan yang membawa hujan. Menurut beliau, apabila awan itu diperintahkan oleh Allah S.W.T hampir ke bumi maka awan itu bertukar menjadi gelap dan kelam. Kemudian, apabila awan itu diperintahkan naik ke langit, awan itu bertukar menjadi putih yang jernih.<sup>397</sup> Tambahan beliau lagi, apabila awan itu menurunkan hujan pada suatu bahagian di permukaan bumi maka segala malaikat akan mengawalnya.<sup>398</sup> Seandainya awan tersebut tiada di langit nescaya hujan tidak akan turun ke bumi.<sup>399</sup>

Di dalam kitab tafsir *al-Jalālayn*, Allah S.W.T memerintahkan para malaikat untuk membawa serta mengawal awan lalu diturunkan hujan membasahi bumi.<sup>400</sup>

---

1401H, h.274. Lihat juga Al-Syawkānī, *Fath al-Qadir*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kitab al-'Alamiah, 1981M/ 1401H, 5:417. Lihat juga Ibn Kathīr, *Tafsir Ibn Kathīr*, 4:449. Lihat juga al-Qur'ān, surah al-An'ām 6:99, surah al-Rūm 15:24.

<sup>396</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wan Nihāyah*. al-Qahīrah: Matba'āh al-Sa'ādāh, 1932, 14, 1:h.50.

<sup>397</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.86.

<sup>398</sup> *Ibid.*

<sup>399</sup> *Ibid.*

<sup>400</sup> Al-Suyūtī, *Tafsīr al-Jalālayn* (cet. ke-1,Maktabah al-Sofa, 1425H) 434. Lihat juga al-Qur'ān, surah al-Bāqārah, 2:19. Terj. ayat: "Petir adalah malaikat yang ditugasi mengatur awan. Ada juga yang berpendapat bahwa petir adalah suara malaikat. Sedangkan kilat (barq) adalah kilatan cahaya dari cambuk malaikat untuk menggiring awan mendung". Lihat juga Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: No. 2288, Abu Hurairah dari Muhammad bersabda, "Tatkala seorang laki-laki berada di tanah lapang (gurun) dia mendengar suara di awan, 'Siramilah kebun fulan', maka menjauhlah awan tersebut kemudian menumpahkan air di suatu tanah berbatu hitam, maka saluran air di situ (dari saluran-saluran yang ada) telah memuat air seluruhnya."

Malahan, para malaikat juga berperanan memindahkan awan dari satu tempat ke tempat yang lain atas arahan Allah S.W.T.<sup>401</sup>

Ringkasnya, kajian mengenai awan yang dikemukakan al-Rānīrī ada asasnya. Riwayat mengenai awan begitu banyak diriwayat oleh sarjana Islam seperti al-Bukhārī, Mūslim dan Ibn Kathīr. Al-Rānīrī mengakhiri fasal kejadian awan dengan menyatakan kejadian awan dan halilintar adalah salah satu bukti kekuasaan Allah S.W.T.

#### 4.3 Sejuk Dan Air Beku

Pengertian sejuk dari segi bahasa bererti dingin, segar dan nyaman,<sup>402</sup> manakala perkataan sejuk dari segi istilah merujuk kepada keadaan mahupun suasana yang nyaman dan mendinginkan.<sup>403</sup> Perkataan sejuk di dalam al-Qur’ān menggunakan lafaz *bard* manakala perkataan *bardan* (*masdār*) membawa erti mendinginkan. Kedua-dua perkataan ini disebut di dalam al-Qur’ān sebanyak 4 kali.<sup>404</sup> Perkataan *bard* dipetik melalui peristiwa mukjizat Nabi Ibrāhīm ‘a.s dibakar di dalam api, firman Allah S.W.T:

﴿قُلْنَا يَنَارٌ كُوْنِي بَرْدًا وَسَلَمًا عَلَى إِبْرَاهِيمَ ﴾

ertinya: *Kami berfirman: "Hai api menjadi dinginlah, dan menjadi keselamatanlah bagi Ibrahim"*<sup>405</sup>

<sup>401</sup> Muslim, *Şâfiî Muslim*, *op.cit.* 4: No. 2288.

<sup>402</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, *ibid.*, h.1412 entri “sejuk”

<sup>403</sup> *Ibid.*, h.1413.

<sup>404</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.143

<sup>405</sup> Al-Qur’ān, surah al-Anbiā 21:69

Perkataan air beku pula membawa erti air yang dingin sehingga membawa ke paras yang amat sejuk dan menjadi ais.<sup>406</sup> Di dalam al-Qur'an, perkataan air beku tidak disebut tetapi digantikan dengan perkataan ais (*bard*) sebanyak satu kali menerusi surah al-Nūr. Firman Allah S.W.T:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُزِحِّي سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ وَثُمَّ يَجْعَلُهُ وَرُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلَلِهِ وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جَبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِفُهُ عَنْ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقَهُ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَرِ ﴿٤٣﴾

Ertinya: "Tidakkah kamu melihat bahwa Allah S.W.T mengarak awan, kemudian mengumpulkan antara bahagian-bahagiannya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatan olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah S.W.T (juga) menurunkan butiran ais dari langit, dari gumpalan-gumpalan awan seperti gunung-gunung, maka ditimpakan-Nya (butiran-butiran) ais itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan",<sup>407</sup>

Di dalam fasal kejadian sejuk dan air beku, al-Rānīrī menyebut kejadian tersebut daripada sebuah bukit. Di dalamnya terdapat air dan embun yang sejuk. Menerusi perbincangan al-Rānīrī, perihal kejadian sejuk dan air beku ini dikawal oleh seorang malaikat apabila diperintahkan Allah S.W.T menurunkan sejuk dan air beku itu kepada permukaan bumi.<sup>408</sup>

<sup>406</sup> Ahmad Yousef Al-Hassan (Dr) *Science and Technology in Islam: The Exact And Natural Sciences*, op.cit., h.405.

<sup>407</sup> Al-Qur'an, surah an-Nūr 24:43

<sup>408</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.86.

Kitab al-Qur'ān telah memberi gambaran sebenar keadaan air sejuk yang diturunkan daripada langit ke bumi untuk dinikmati oleh semua makhluknya melalui surah al-Nūr ayat yang ke 43. Sepertimana al-Suyūṭī menjelaskan bahawa daripada hujan yang dibawa oleh malaikat itu diturunkan air sejuk dan hal ini telah diatur oleh Allah S.W.T.<sup>409</sup> Begitu juga dengan angin yang sedang bertiup merupakan sebahagian daripada tugas malaikat.<sup>410</sup>

Oleh itu, analisis kajian mengenai air sejuk dan beku boleh diertikan sebagai ais. Al-Suyūṭī telah menerangkan mengenai air sejuk daripada hujan. Hal ini sejajar dengan pendapat yang diambil oleh al-Rānīrī dan dimasukkan di dalam fasal kejadian air sejuk dan beku. Proses hujan turun ke bumi juga telah dijelaskan melalui fakta sains oleh sarjana Islam seperti Ibn Sīnā<sup>411</sup>, al-Farābī<sup>412</sup> dan al-Khawārizmī<sup>413</sup> dengan berpandukan al-Qur'ān.

Seterusnya, al-Rānīrī menyambung apabila malaikat menurunkan air sejuk itu maka jadilah embun dan dengan izin-Nya hujan batu turun ke bumi dengan timbangan sukatan yang tidak terkira bilangannya<sup>414</sup> Oleh demikian, kejadian sejuk dan air beku

<sup>409</sup> Al-Suyūṭī, *Al-Jāmi' al-Saghīr fi Aḥādīth al-Basyīr al-Nadhīr* cet. ke- IV (Beirut: Dar al-Fikr, t.t).

<sup>410</sup> Al-Tirmidhī, beliau mengatakan hasan sahih, sanadnya: Rasūlullāh ᷱ.‘a.w juga bersabda, “Janganlah kamu mencaci maki angin.”.

<sup>411</sup> Ibn Sīnā, *Danīshnamai 'alā'i* (*The Book of Scientific Knowledge*), ed. and trans. P Morewedge, *The Metaphysics of Avicenna*, London: Routledge and Kegan Paul, 1973.

<sup>412</sup> Al-Farābī, Abū Naṣr, *Ihsā al-'Ulum*, *tahqiq* oleh Uthman Amin, cet. ke-III. Misr: Matba'ah al-Anjlu, 1323 H/ 1903 M.). Lihat juga Al-Fārābī (m. 870/950 H), Kitab *Ihsā al-'Ulum* dalam *Catálogo de las Ciencias (Textedition, lateinische und spanische Übersetzung)*, ed. González Palencia. Madrid: Imprenta y Editorial Maestre 2. A,1953.

<sup>413</sup> Al-Khawārizmī (m. 780/850 H) Kitab *Surat al-'Ārd* dalam *The image of the Earth 'translated as Geography'*, ed. Hubert Daunicht's (Madrid: Biblioteca Nacional de España, 833 M.)

<sup>414</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.86.

adalah kesinambungan daripada kejadian awan di mana setiap proses yang berlaku telah diatur oleh Allah S.W.T. Seperti firman Allah S.W.T:

﴿أَفَرَءَيْتُمْ أَلْمَاءَ الَّذِي تَشَرَّبُونَ ﴾٦٨

Ertinya: “Maka terangkanlah kepadaku tentang air yang kamu minum Kamukah yang menurunkannya atau Kamikah yang menurunkannya”<sup>415</sup>

Berdasarkan ayat di atas, Allah S.W.T menyebut tentang hujan yang diturunkan dari celah-celah awan daripada langit<sup>416</sup> yang tinggi. Proses pembentukan hujan bermula dari udara (*hawā*) yang berada di langit di mana wap air naik dari permukaan bumi. Lalu hujan turun dari celah-celah awan. Keadaan ini telah dipersetujui oleh ahli ilmuwan sains Islam yang bersepakat tentang perkara ini.<sup>417</sup>

Ringkasnya, kejadian air sejuk dan ais yang diperkatakan al-Rānīrī mempunyai sandaran yang kuat iaitu melalui kitab al-Qur’ān al-Kārim. Kemudiannya, ulama hadith seperti Muslim dan Ahmad menguatkan lagi hujah mengenai kejadian air sejuk dan beku yang turun ke bumi melalui awan adalah dikawal oleh para malaikat yang sentiasa taat dan patuh pada perintah-Nya.<sup>418</sup>

<sup>415</sup> Al-Qur’ān, surah al-Wāqi’āh 56:68-69

<sup>416</sup> Langit disini membawa erti Arasy. Lihat juga al-Qur’ān, surah An-Nūr 24:43

<sup>417</sup> Ibn Taimiyah, *Majmū’ul Fatāwā, tahqiq, ‘Abd al-Rahmān Muḥammad Ibn al-Qāsim al-Asimi al-Najāfi* (Matba’ah al-Riyad, 1381 H.) XXIV:262. Lihat juga Iblīs Qayyim, *Miftāh Dar al-Sa‘ādah* (II/35-37,38).

<sup>418</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *ibid.*, 4: No. 2288 dan Ahmād. Lihat juga Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, *ibid.*, j.1, h.50. Lihat juga al-Qur’ān, surah ar-Rūm 30:48

#### 4.4 Kilat, Halilintar Dan Guruh

Guruh di dalam bahasa arab berasal dari kata *ra'ada*, *yar'udu*, atau *ra'dan*, yang bererti gemuruh.<sup>419</sup> Al-Rānīrī menyatakan bunyi gemuruh yang dimaksudkan adalah suara yang kedengaran dari langit yang tinggi iaitu awan.<sup>420</sup> Di dalam al-Qur'an perkataan kilat di sebut dengan lafaz *ra'd* sebanyak 2 kali, iaitu:

Firman Allah S.W.T menerusi surah al-Baqarah:

أَوْ كَصَّبَ مِنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلْمَتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبَعَهُمْ فِي إِذَا نِيمَهُ  
مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتَ وَاللَّهُ هُمْ يُحِيطُ بِالْكُفَّارِينَ ﴿١٩﴾

“atau seperti (orang-orang yang ditimpak) hujan lebat dari langit disertai gelap gelita, guruh dan kilat; mereka menyumbat telinga dengan anak jari karena mendengar suara petir, sebab takut akan mati. Dan Allah meliputi orang-orang yang kafir”<sup>421</sup>

Di dalam surah al-Ra'd:

وَيُسَبِّحُ الْرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ وَيُرْسِلُ الْصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَنْ يَشَاءُ  
وَهُمْ يُجَادِلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ الْمِحَالِ ﴿٢٣﴾

“Dan guruh itu bertasbih dengan memuji Allah S.W.T, dan para malaikat pula sentiasa taat kepada-Nya, dan Allah S.W.T melepaskan halilintar, lalu menimpakannya kepada siapa yang Dia kehendaki,

<sup>419</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Al-Mu'jam Alfāz al-Qur'ān al-Kārim*, cet. ke-III (al-Qahirah, 1390 H/ 1970 M. h.74.

<sup>420</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, op.cit., h.87.

<sup>421</sup> Al-Qur'an, surah al-Bāqarah 2:19

*dan mereka berdebat tentang Allah S.W.T, dan Dialah Tuhan Yang amat keras siksaan-Nya”<sup>422</sup>*

Manakala perkataan kilat dari segi bahasa adalah *al-ṣawā’iq* yang dicipta daripada api (*nūr*).<sup>423</sup> Kilat dari segi istilah akan muncul dari langit disulami dengan dentuman petir yang keras. Sinonim perkataan kilat adalah halilintar. Bagitu juga di dalam bahasa arab *al-ṣawā’iq* sinonim dengan perkataan *barg* bererti kilat. Lafaz *barg* di dalam al-Qur’ān disebut sebanyak 5 kali.<sup>424</sup>

Pengenalan dalam fasal kejadian kilat dan guruh al-Rānīrī telah mengambil kata-kata dari Ibn ‘Abbās r.‘a. Menurut beliau, seorang lelaki telah datang kepada Rasūlullāh Ḥ.‘a.w lalu bertanyakan tentang kejadian halilintar dan guruh.<sup>425</sup> Rasūlullāh Ḥ.‘a.w menceritakan bahawa seorang malaikat yang telah ditugaskan untuk mengawal awan dan di tangannya memegang cemeti daripada api dan dipalu ke awan.<sup>426</sup> Dengan cemeti itulah kedengaran guruh serta kilat.<sup>427</sup>

Oleh itu, al-Tirmidhī meriwayatkan hadith tentang golongan Yahudi berjumpa Rasūlullāh Ḥ.‘a.w dan menanyakan tentang halilintar. Lalu baginda menjawab halilintar itu adalah seorang malaikat yang sedang melaksanakan tugasnya.<sup>428</sup> Di samping itu juga,

<sup>422</sup> Al-Qur’ān, surah al-Ra’d 13:13

<sup>423</sup> Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mū’jam Alfāz al-Qur’ān al-Kārīm*, cet. ke-III. al-Qahirah, 1390 H/ 1970 M. h.65.

<sup>424</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu’jam al-Mufahras*, *ibid.*, 144

<sup>425</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, *op.cit.*, h.86.

<sup>426</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, 87.

<sup>427</sup> *Ibid.*

<sup>428</sup> Al-Tirmidhī, kitab *Tafsir al-Qu’rān, bab Min Surah al-Ra’d*, *op.cit.*, no.3117. Disahihkan oleh al-Banī di dalam *Sahīh al-Tirmidhī* (III/262) dan *Silsil al-Aḥadīth al-Ṣaḥīḥah*, no.1872.

Ibn Taimiyyah juga menyebut riwayat daripada al-Tirmidhi dengan versi yang berbeza, iaitu:

*“Nabi s. ‘a.w ditanya tentang petir, lalu beliau menjawab, petir adalah malaikat yang diberi tugas untuk menguruskan awan dan bersamanya cemeti daripada api dan yang mengarahkan awan dengannya merupakan kehendak Allah S.W.T”.*<sup>429</sup>

Analisis kajian mengenai kisah kilat ini menunjukkan sumber yang digunakan al-Rānīri adalah berdasarkan riwayat dari al-Tirmidhi. Cerita ini telah tercatat walau pun dari segi sanad hadith ni bertaraf *marfū'* seperti pendapat Ibn Taimiyyah. Tetapi, terdapat golongan ulama tafsir seperti al-Bani<sup>430</sup> yang mentakhrij semula hadith ini pada abad ke-20 dan mengketagorikan hadith ini sebagai *hāṣān*.<sup>431</sup>

Al-Rānīri selanjutnya menyambung cerita guruh. Menurut beliau, golongan Yahudi telah datang kepada Rasūlullāh s.‘a.w berjumpa dan bertanya kepada baginda tentang suara apa yang berbunyi di langit. Maka baginda menjawab ianya suara tasbih seorang malaikat yang bernama Mālik al-Ra‘d.

---

Abū ‘Isā mengatakan bahawa hadith ini hasan gharib. Hadith riwayat al-Tirmidhi, turut diriwayatkan oleh Ahmad dan Nasa‘i, dihasankan oleh al-Bani dalam *al-Ṣaḥīḥāt* no. 1872.

<sup>429</sup> Al-Bānī, Muhammad Naṣīrūddīn al-Bānī (1941M/1999M) seorang muhadith kurun ke-20. Karya agung beliau berjudul *al-Ṣaḥīḥāt*. Mentakhrij hadith berdasarkan kitab *Sunan al-Sittah* kepada dua bahagian iaitu *ṣaḥīḥ* dan *da‘if*.

<sup>430</sup> Ibn Taimiyyah, kitab *Mājmū’ul Fāṭāwā*, *op.cit.*, XXIV, h.263-264.

<sup>431</sup> Ibn Taimiyyah, kitab *Mājmū’ul Fāṭāwā*, *op.cit.* Lihat juga Abdūl al-Rāḥmān Qāsim, *Hāṣīyāt Ibn Qāsim ‘alā Raudil Murbi*’ (al-Qahirah: Hūqūq at-Ṭiba’ Mahfūzah, 1397 H.) j.2, h.563.

Al-Suyūṭī telah menjelaskan hal yang sama mengenai guruh. Beliau menyebutkan guruh itu adalah malaikat yang ditugaskan mengatur awan dan merupakan suara malaikat sedang bertasbih kepada Allah S.W.T. Manakala kilat (*barq*) adalah kilat cahaya dari cemeti besi malaikat untuk menggiring awan mendung yang gelap.<sup>432</sup> Namun begitu, nama malaikat Malik al-Ra‘d yang disebut al-Rānīrī tidak mendapat perhatian di kalangan ulama tafsir untuk dibincangkan.

Pandangan ‘Ali k.w juga diambil oleh al-Rānīrī dan dimasukkan di dalam fasal ini. Menurut al-Rānīrī, ‘Ali k.w membicarakan seorang malaikat bernama Malík al-Ra‘d sedang bertasbih sambil memalukan cemeti daripada besi berapi diselangi suara guruh.<sup>433</sup> Gambaran malaikat yang mengawal awan itu seperti manusia sedang menghalau seekor unta sambil bibirnya mengucap tasbih.<sup>434</sup> Seterusnya, apabila keadaan awan itu bertembung antara satu sama lain maka bertempik suara guruh yang amat keras. Lalu malaikat itu mempalukan cemeti maka jadilah kilat.<sup>435</sup>

Al-Khara‘īti di dalam karangannya menyebut riwayat dari ‘Ali k.w mengenai petir. ‘Ali k.w menjawab petir itu adalah malaikat. Kemudian, ditanya pula mengenai kilat, beliau menjawab itulah cemeti-cemeti di tangan para Malaikat yang sedang mempalukannya.<sup>436</sup>

<sup>432</sup> Al-Suyūṭī, *Tafsir Jalālāin*. Beirut: Dar al-Ma‘arif, t.t. Lihat juga al-Qur’ān, surah al-Baqarah 2:20.

<sup>433</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-‘Ard*, *op.cit.*, h.87.

<sup>434</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, h.87.

<sup>435</sup> *Ibid.*

<sup>436</sup> Abu Bakr Muḥammad ibn Ja‘far ibn Muḥammad Ibn Sahl al-Khara‘īti (m. 327H / 938 M) *‘Itīla al-Qulūb*. Beirut: al-Maktab al-‘Asriyya, 2005, h.28. Lihat Ibn Taimiyah, *Mājmā’ al-Fatawa*, *ibid.*, XXIV, 263-264. Lihat juga ‘Abdūl al-Rāhmān Qāsim, *Hasiyah Ibn Qasim ‘ālā Raud al-Murbi*, j.II, *op.cit.*, h.563.

Oleh demikian, penelitian kajian al-Rānīrī tentang petir mempunyai sumber yang boleh dipercayai dan dapat diterima oleh logik akal manusia. Pemahaman mengenai petir ini secara ringkasnya merujuk kepada suara perintah dari Allah S.W.T kepada malaikat untuk menggerakkan awan.<sup>437</sup> Kemudian, kilat pula berupa cemeti api yang berada di tangan malaikat dan akan dipalu ketika hujan turun ke bumi.<sup>438</sup>

Kesimpulannya, kejadian kilat, halilintar dan guruh diciptakan agar kita selalu ingat kepada Allah S.W.T atas segala yang diciptakan-nya di dunia ini. Perkara ini adalah salah satu peringatan Tuhan dalam bentuk yang lain terhadap makhluknya.

#### 4.5 Kerak Bumi

Perkataan kerak bumi tidak disebut di dalam al-Qur'ān secara khusus, namun peranan gunung ganang yang diciptakan Allah S.W.T dijelaskan melalui fungsinya terhadap pergerakan kerak bumi. Allah S.W.T berfirman:

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَسًا أَن تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُّلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

*"Dan kami jadikan di bumi ini gunung-gunung yang kukuh supaya bumi tidak bergoncang sesama mereka dan telah kami jadikan bumi itu jalan yang luas, agar mereka mendapat petunjuk"*<sup>439</sup>

<sup>437</sup> Ibn Taimiyah, *Majmā' al-Fatawa*, op.cit., XXIV, h.264.

<sup>438</sup> *Ibid.*, h.264.

<sup>439</sup> Al-Qur'ān, surah al-Anbiā 21:31

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, Allah S.W.T telah menciptakan gunung-ganang sebagai pasak utama agar tidak berlanggar satu sama lain apabila bumi bergoncang. Oleh demikian, kerak bumi merupakan pusat utama bagi mengawal suhu bumi agar sistem yang diciptakan Allah S.W.T dimanfaatkan oleh manusia.

Al-Rānīrī memulakan penulisan mengenai kejadian kerak bumi dengan memberi gambaran fizikal, bentuk dan saiz. Beliau mengutip kata-kata dari Ibn 'Abbās r.'a yang menyebut kerak bumi ini bentuknya bulat seperti buah yang buntar.<sup>440</sup> Kedalamannya sejauh tujuh petala bumi ke bawah,<sup>441</sup> manakala isi kerak bumi itu diperbuat daripada pelbagai jenis bukit dan laut.<sup>442</sup>

Ringkasnya, al-Rānīrī memberi kesimpulan bahawa saiz kerak bumi itu umpama sebiji telur, keadaan langitnya diluarnya pula seperti kulit. Manakala laut itu seperti kuningnya. Menurut beliau lagi, kerak bumi itu seperti sebuah kelembar di dalam air maka banyak yang tenggelam dan sedikit sahaja yang timbul. Di dalamnya pula terdapat beberapa daripada tumbuh-tumbuhan, bukit dan sungai yang bilangannya tidak terkira.

Ujar beliau lagi, apabila petala bumi ketujuh ini hendak bergerak maka Allah S.W.T menetapkan bukit Qāf yang mengelilingnya berperanan sebagai urat. Seterusnya, daripada bukit Qāf itu timbul urat yang pertama iaitu Jābāl Abī Qābis dan bumi yang pertama timbul ketika itu adalah bumi Mekah.

---

<sup>440</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.118.

<sup>441</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, h.119.

<sup>442</sup> *Ibid.*

Al-‘Uqailī<sup>443</sup> meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās r.‘a secara *marfū‘* mengenai bumi Mekah. Menurutnya, tempat pertama yang dihamparkan Allah S.W.T di atas muka bumi ini adalah tanah terdirinya Ka‘abah, kemudian baru dibentangkan hamparan bumi. Seterusnya, Ibn ‘Abbās r.‘a juga menyebut gunung pertama yang Allah S.W.T dirikan di muka bumi ini adalah gunung Abū Qūbāīs, kemudian gunung-gunung dan yang lain-lain dibentangkan selepasnya.<sup>444</sup>

Al-Bāni juga meriwayatkan kisah yang sama tentang bumi Ka‘abah. Beliau mengutip kata-kata dari Ibn ‘Abbās r.‘a menyebutkan bahawa tanah pertama yang diletakkan oleh Allah S.W.T adalah Ka‘abah yang berada di Mekah kemudian dibentangkan gunung Abū Qūbāīs dan kemudiannya hal-hal lain.<sup>445</sup>

Oleh demikian, al-Rānīrī telah memetik kisah mengenai bumi Mekah dan kejadian gunung Abū Qūbāīs daripada sumber yang samar dari segi sanadnya. Analisis kajian berdasarkan pendapat ulama tafsir dan ulama hadith menunjukkan kisah mengenai bumi Mekah dan gunung Abū Qubais ini adalah *da‘if* riwayatnya.

<sup>443</sup> Abū Rāzin al-‘Uqailī Laqīth bin ‘Amīr al-Muntafāq, merupakan seorang muhaddith pada kurun ke-4 Hijrah.

<sup>444</sup> Al-‘Uqailī, *Al-Du‘āfa’ al-Kabīr* 2:341. Lihat juga Muhammad Nasiruddin Al-Bani, *Silsilah al-Da‘ifah* no.5881. Dari Ibn ‘Abbās r.‘a yang menyatakan: “Tempat pertama yang Allah letakkan di bumi adalah tanah pijakan Ka‘bah, kemudian bumi dibentangkan darinya. Dan gunung pertama yang Allah letakkan di muka bumi adalah gunung Abu Qubais, kemudian gunung-gunung lainnya dibentangkan darinya.”

<sup>445</sup> Muhammad Nasir al-Dīn Al-Bānī, *Silsilah al-Da‘ifah*, op.cit., no.5881. Lihat juga Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur‘ān al-Āzīm@Tafsir Ibn Kathīr*, op.cit., j.4,h.129-130.

Al-Rānīrī seterusnya membahagikan lapisan tujuh petala bumi kepada dua bahagian. Lapisan yang pertama merupakan golongan manusia, malaikat, binatang, tumbuh-tumbuhan, jin dan syaitan dan lainnya. Lapisan yang kedua adalah segala makhluk Allah S.W.T yang ada di darat dan di laut dan tiada siapa mengetahui banyaknya, hanya Dia maha mengetahui.<sup>446</sup> Manakala di bawah tujuh petala bumi itu terdapat tujuh jenis laut daripada kegelapan (*zulmah*) yang berganda bilangnya dan hanya Allah Taala sahaja yang mengetahui.<sup>447</sup>

Al-Qur’ān menjelaskan Allah S.W.T menciptakan tujuh petala langit dan bumi atas agar manusia memikirkan dan mengetahui kekuasaan Allah S.W.T tidak dapat ditandingi malah tiada sesuatu yang boleh menandingi ilmu pengetahuan-Nya.<sup>448</sup>

Pandangan al-Bīrūnī<sup>449</sup> pakar geologi Islam pada abad ke-10 menyatakan secara teori tentang kedalaman kerak bumi. Menurut beliau, kedalam bumi sudah dikaji sedalam-dalamnya tetapi masih berada di dalam lapisan yang keras, namun masih ada tiga struktur tanah yang berbeza.<sup>450</sup>

---

<sup>446</sup> Al-Rānīrī, *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.118.

<sup>447</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, h.118.

<sup>448</sup> Al-Qur’ān, surah al-‘Alāq 96:12

<sup>449</sup> Al-Bīrūnī, Abu Rāīhān Muḥammad ibn Ahmad al-Bīrūnī, (362 H, 973M/ 439 H,1048 M). Beliau merupakan ilmuan Islam dan pakar geologi pertama dunia yang mendedahkan lakaran asal benua India.

<sup>450</sup> Al-Bīrūnī, D.J. Boile, *The Encyclopedia of Islam*, Vol. I, ed. H.A.R. Gibb, J.H. Kramers, E. Levi-Provencal, J. Schacht, (Brill, 1986), h.1236. Lihat juga The Exact Sciences, E.S.Kennedy, The Cambridge History of Creator's: *The period from the Big-bang Theory*, Ed. Richard Nelson Frye, Cambridge University Press, 1999, h.394.

Tambah beliau lagi, struktur mantel bumi mempunyai dua bahagian dan kedua-dua bahagian adalah lembut tetapi panas seperti lava gunung berapi. Sebenarnya lava gunung berapi memang berasal dari kawasan mantel.<sup>451</sup> Teras pula mempunyai dua bahagian iaitu bahagian pertama sangat keras dan bahagian kedua tidak diketahui.<sup>452</sup>

Kesimpulan daripada pandangan al-Bīrūni itu, Scotsman<sup>453</sup> telah mengesan keadaan ini dengan menggunakan sistem pantulan frekuensi radio yang bertindak-balas sebanyak tujuh nada bunyi yang berbeza. Hal ini bermaksud ada tujuh lapisan dibawah bumi.<sup>454</sup>

Analisis cerita al-Rānīrī mengenai tujuh lapisan bumi telah disebutkan di dalam al-Qur’ān menerusi surah al-Talāq. Namun golongan yang diperkatakan beliau tidak mendapat tempat dalam kalangan ulama tafsir dan hadith untuk menghuraikannya secara mendalam. Jumlah kesemua lapisan bumi ke bawah sebanyak tujuh lapisan dan ianya telah dibuktikan oleh ahli geologi Islam seperti al-Bīrūnī dan ahli geologi barat iaitu Scotsman.

Seterusnya, al-Rānīrī membawa riwayat mengenai bumi Mekah. Menurut beliau, bumi Mekah itu berada di atas air dan keadaannya seperti suatu pusu<sup>455</sup>. Ujar beliau lagi,

---

<sup>451</sup> Al-Bīrūnī, D.J. Boilet, *The Encyclopedia of Islam*, op.cit., h.1236.

<sup>452</sup> *Ibid.*, h.1236.

<sup>453</sup> Scotsman James Hutton, (1726M/1797M). Beliau merupakan ahli geologi barat abad ke-18 dan bapa geologi moden.

<sup>454</sup> Scotsman James Hutton , *Theory of The Earth; or an Investigation of The Laws Observable in The Composition, Dissolution, and Restoration of Land Upon The Globe*. Transactions of the Royal Society of Edinburgh, Edinburgh & London,1788.vol. 1, 2:209–304.

<sup>455</sup> Pusu membawa erti longgokan atau timbunan.

di atas pusu itu ada seorang malaikat berupa lembu bernama *kitū nāt* yang berbuat ibadat kepada Allah S.W.T selama dua ribu tahun lamanya. Bukit Abū Qūbais dan bumi Mekah dijunjung oleh malaikat tersebut. Kerak bumi berada suku daripada kedua tempat itu.<sup>456</sup>

Al-Suyūṭī mengemukakan riwayat dariapda Abū Ḥurairah mengenai Ka‘abah. Menurut beliau, Ka‘abah diciptakan 2000 tahun sebelum bumi diciptakan. Ketika itu, bumi adalah sebuah pulau di atas air disamping ada dua malaikat yang sentiasa bertasbih ke atas Allah S.W.T selama 2000 tahun. Kemudian, Allah S.W.T membentangkan pulau itu dan dijadikan Ka‘abah sebagai pusat bumi.<sup>457</sup> Oleh demikian bumi Mekah terletak di atas air pada asalnya dan merupakan tempat tertua berkumpul bagi ribuan golongan manusia.<sup>458</sup>

Penelitian kajian mengenai bumi Mekah yang diperkatakan oleh al-Rānīrī mempunyai sumber yang sahif seperti hadith yang dipetik oleh al-Suyūṭī. Namun begitu, keadaan malaikat seperti berupa lembu, beribadat selama 2000 tahun malah ditugaskan untuk menjunjung Ka‘abah tidak ditafsir oleh ulama hadith dan ulama tafsir. Hal ini adalah pandangan al-Rānīrī secara kasar dan mahu manusia menggunakan logikal akal tentang kedudukan kerak bumi yang sebenar iaitu berada di tengah-tengah antara bukit Abū Qubāis dan bumi Mekah.

<sup>456</sup> Al-‘Abbās ibn ‘Abd al-Muttalib (m. 566/653H.), *Tānwīr al-Miqbās min Tafsir Ibn ‘Abbās*, (t.t) h.129-130.

<sup>457</sup> Al-Suyūṭī, *Al-Dūrr Al-Mānthur Fi Tafsir Bil-Mā’thur* (T.T.P, 849H-911H), 1:115. Abu Hurairah “Ka‘abah diciptakan 2000 tahun sebelum bumi. Muridnya bertanya: ‘Bagaimana ka‘abah diciptakan sebelumnya, sedangkan Ka‘abah itu sebahagian dari bumi?’ Abu Hurairah menjawab: ‘Bumi ketika itu sebuah pulau kecil di atas air. Di atasnya ada dua malaikat yang khusyuk bertasbih siang dan malam selama 2000 tahun. Ketika Allah berkehendak untuk menciptakan bumi, Dia bentangkan pulau itu, dan Dia jadikan Ka‘abah sebagai pusat bumi’”.

<sup>458</sup> Al-Suyūṭī, *ibid.*, 1:115.

#### 4.6 Laut Dan Sungai

Perkataan laut dari segi bahasa bermaksud air masin yang menggenangi sebahagian besar daripada muka bumi.<sup>459</sup> Al-Rānīrī menyebut laut adalah hamparan terbesar Allah S.W.T di bumi sebelum adanya daratan.<sup>460</sup> Perkataan laut di dalam al-Qur’ān disebut dengan perkataan *al-bāhr* sebanyak 33 kali.<sup>461</sup> Pandangan sains mengenai laut ialah kumpulan air masin yang meliputi 75 peratus daripada permukaan bumi.<sup>462</sup> Unsur air laut adalah campuran 96.5 peratus daripada sebatian air ( $H_2O$ ), dan 3.5 peratus daripadanya unsur garam seperti kalium, kalsium, natrium, magnesium bikarbonat, sulfat, klorida dan bahan-bahan organik.<sup>463</sup>

Sungai pula dari sudut bahasa diertikan sebagai tali air yang semula jadi.<sup>464</sup> Perkataan sungai di dalam al-Qur'an disebut dengan lafaz *mufrād al-anhār* sebanyak 47 kali<sup>465</sup> diikuti lafaz *jamā'* iaitu *anhār* sebanyak 4 kali.<sup>466</sup>

Al-Rānīrī memulakan kejadian laut dan sungai dengan memetik ayat al-Qur’ān daripada surah Lūqmān, iaitu: (terj.)

<sup>459</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 899, entri “laut”.

<sup>460</sup> Al-Rānīrī, *Bād' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, *op.cit.*, h.121.

<sup>461</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.33.

<sup>462</sup> Anderson, Malcolm G.; McDonnell, Jeffrey J., eds. *Encyclopedia of hydrological sciences*. Hoboken, NJ: Wiley, 2005.

<sup>463</sup> Anderson, Malcolm G.; McDonnell, Jeffrey J., *ibid.*

<sup>464</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, *ibid.*, 1544, entri “sungai”.

<sup>465</sup> Al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras*, *op.cit.*, h.812.

<sup>466</sup> *Ibid.*, h.813.

*“Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut sebagai dakwatnya, ditambahkan kepadanya tujuh laut lagi sesudah keringnya, niscaya tidak akan habis-habisnya (dituliskan) kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”<sup>467</sup>*

Menurut al-Rānīrī tujuh laut yang dimaksudkan di dalam al-Qur’ān adalah pertamanya laut benua Tabaristān, keduanya laut benua Kirmān, ketiganya laut benua Omān, keempatnya laut Qalzūm, kelimanya laut Hindustan, keenamnya laut benua Rom, dan yang ketujuhnya laut benua Maghrib.<sup>468</sup>

Penelitian kajian terhadap cerita al-Rānīrī mengenai nama tujuh lautan di benua di dunia ini tidak mendapat tempat dalam kalangan ulama tafsir dan ulama hadith. Analisis berdasarkan kitab tafsir seperti Ibn ‘Abbās r.‘a, al-Ṭabarī dan Ibn Kathīr tidak menyebutkan nama tujuh lautan yang diperkatakan oleh al-Rānīrī. Perkara ini jelas menunjukkan ianya hanya pentafsiran al-Rānīrī berdasarkan ilmu pengetahuan beliau dalam pelayaran.

Al-Rānīrī menyebut tentang jumlah sungai di dunia yang mengalir hingga ke syurga. Menurut beliau, sungai yang paling besar di dalam dunia hingga mengalir ke dalam syurga sebanyak empat batang sungai.<sup>469</sup> Pertamanya sungai Nil iaitu di negeri Mesir yang keduanya sungai Furāt iaitu daripada negeri Baghdād yang ketiganya sungai Jaihūn iaitu daripada negeri Hindi.<sup>470</sup>

<sup>467</sup> Al-Qur’ān, surah Lūqman, 31:27

<sup>468</sup> Al-Rānīrī, *Bad’ Khalq al-Samāwāt wa al-’Ard*, op.cit., h.121.

<sup>469</sup> Al-Rānīrī, *ibid.*, h.121.

<sup>470</sup> *Ibid.*

Al-Bukhārī dalam riwayatnya menyebut bahawa apabila Rasūlullāh ﷺ tiba di *sidrah al-Muntahā* pada malam Isrā'. Baginda melihat ke dasar lalu ternampak empat batang sungai. Menurut banginda dua daripada dapat dilihat dengan zahir dan dua daripadanya melalui batin. Baginda bertanya kepada Jibrīl ‘a.s. tentang sungai-sungai tersebut. Jibril menjawab bahawa dua batang sungai yang batin itu mengalir di dalam syurga dan dua batang sungai yang zahir itu adalah Sungai Nīl serta Sungai Furāt.<sup>471</sup>

Al-Nawāwī juga dalam riwayatnya menyebut bahawa sungai Nīl, sungai Furāt, sungai Saihūn dan sungai Jaihūn ialah sungai-sungai syurga.<sup>472</sup> Sungai Nīl mengalir dari selatan ke utara, hal ini bertentangan dengan semua sungai yang lain. Antara keanehan sungai Nīl ialah airnya mula bertambah pada musim panas terik sedangkan air sungai-sungai yang lain surut dan kering. Takat air sungai Nīl akan surut ketika takat air sungai-sungai yang lain meningkat dan melimpah. Dalam hal ini, sungai Nīl menyerupai sungai Indus (*sīnd*) yang akan disebut kemudian.<sup>473</sup>

Oleh itu, analisis mengenai kejadian sungai yang diceritakan al-Rānīrī menunjukkan sumber rujukan yang digunakan beliau bertepatan dengan riwayat daripada ulama hadith seperti Bukhari dan Muslim. Walau bagaimanapun, nama sungai yang disebut al-Rānīrī sebanyak tiga sahaja namun kewujudan sungai-sungai itu telah diperakui dalam kitab sahih. Penjelasan tentang kejadian sungai seperti yang ditulis oleh

<sup>471</sup> Al-Asqalānī. *Fatḥ al-Bārī Syārḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2003, 7:27.

<sup>472</sup> Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yahya b. Syaraf (m. 676/1277 M) *Ṣaḥīḥ Muslim Syarḥ al-Nawawī* (Misr, 1347-1929), 17:177, no. 2839. Lihat juga Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bab al-Musnad al-Ṣaḥīḥ bī Naqli al-‘Adlī*, (T.T.P) VIII, no.147.

<sup>473</sup> *Ibid.*

al-Bukhārī dan Muslim telah dibincangkan dalam kitab syarah dan hal ini bukannya rekaan al-Rānīrī di dalam karangannya.

#### 4.7 Penutup

Alam *sughrā* merupakan konsep kosmologi yang berkait rapat dengan fenomena sains. Beberapa penjelasan al-Rānīrī mengenai fasal kejadian alam *sughrā* amat bertepatan dan selari dengan pembuktian al-Qur'ān dan hadith. Ringkasnya, al-Rānīrī menyebut kewujudan alam ini bermula daripada Nūr Muḥammad sebagai makhluk pertama dijadikan Allah S.W.T dengan menyebut beberapa istilah lain seperti *rūh Idāfi*, *rūh makhlūk*, *nūr zahūri*, *hakikat Mūhāmmad*, *al-Qalam*, dan *al-Wilayah*. Namun begitu, pandangan ulama kontemporari seperti Yūṣuf al-Qarāḍāwī tidak memberi ulasan yang mendalam mengenai kejadian Nūr Muḥammad kerana perkara yang tidak boleh perbincangkan kepada awam tanpa ilmu yang tinggi dan hanya menjadi bahan perbincangan di kalangan ahli tasawuf.<sup>474</sup>

---

<sup>474</sup> Yūṣuf al-Qarāḍawī (Dr.), *Thaqafah al-Da'iyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1978, h.77.

## **BAB V**

### **KESIMPULAN**

Kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* merupakan sebuah karya yang terpenting dalam bidang penulisan kosmologi Islam di Nusantara. Kitab kosmologi yang pertama sekali dikarang dalam bahasa Melayu ini merupakan hasil buah tangan Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Beliau merupakan seorang tokoh ulama bermazhab al-Shāfi'i yang berasal dari Gujarat, India. Namun secara umum beliau dikenali sebagai seorang ulama Melayu-Indonesia yang terkenal di seluruh Nusantara ini terutamanya di Aceh.

Kewujudan naskhah jawi al-Rānīrī bertulisan tangan dalam jumlah yang banyak membuktikan bahawa naskhah kitab jawi ini terus disalin dari semasa ke semasa atas keperluan masyarakat Melayu untuk mendalami bab ilmu Allah S.W.T tentang penciptaan alam atau sekadar memiliki sebuah risalah dalam mengetahui asal usul alam. Kajian berpendapat, fenomena penyalinan naskhah kitab secara berulang-ulang kali ini telah menimbulkan perbezaan, perubahan bahkan penyimpangan dari naskhah asli, sama ada perubahan tersebut berlaku secara sengaja ataupun tidak.

Oleh demikian, untuk mengenali Allah S.W.T dengan lebih dekat alangkah baiknya menuntut ilmu kosmologi melalui makalah ini. Kosmologi fizikal ialah kajian ilmiah dan saintifik berteraskan evolusi, struktur, dinamik dan takdir sebagai muktamad alam semesta, serta undang-undang semesta yang menentukan peraturan. Belum ada percanggahan yang jelas di antara bukti-bukti sains dalam bidang kosmologi dengan kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*. Pengelasan al-Rānīrī terhadap perihal

penciptaan-penciptaan Allah S.W.T memberi gambaran betapa indahnya alam dari sekecil zarah sehingga terbentang luas penciptaan-Nya. Kajian dipermudahkan dengan fasal-fasal yang dimuatkan oleh al-Rānīrī terhadap unsur penciptaan alam.

Setiap perihal kejadian penciptaan di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arḍ* mempunyai *rūh* yang suci. Hal ini adalah misteri bagi kajian bersifat saintifik sama ada hal ini boleh diukur dengan mata kasar atau sebaliknya. Bermula penciptaan dalam fasal pertama dibincangkan tentang Nūr Muḥammad. Al-Rānīrī menulis kitab ini dengan memaparkan setiap penciptaan Allah S.W.T itu bermula dengan Nūr Muḥammad. Dalam sejarah penulisan kitab-kitab di Nusantara, al-Rānīrī dikenali sebagai seorang ulama yang prolifik. Beliau mengarang dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam seperti fekah, hadith, akidah, tasawuf, falsafah, perbandingan agama, ketatanegaraan dan lain-lain lagi. Kedudukan beliau sebagai seorang tokoh ulama yang besar dan dikenali dalam masyarakat Melayu di Nusantara menuntut beliau melaksanakan tanggungjawab menjelaskan syariat Allah S.W.T kepada mereka. Tanggungjawab ini terlaksana antaranya dalam bentuk karangan yang ditulis oleh al-Rānīrī.

Namun begitu, 29 fasal yang terkandung di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Arḍ* ini memberi langkah awal kepada masyarakat yang ingin mengenal alam melalui kekuasaan Tuhan. Ajaran ilmu tasawuf menitik beratkan ilmu menghubungkan manusia dengan Tuhan agar *rūh* manusia sebatи dengan ajaran kesufian dan dimeterai dalam diri. Daripada ilmu tasawuf ini, manusia bukan sahaja mengenali kekuasaan Allah S.W.T malah dapat menahan diri daripada dugaan melalui sifat-sifat terpuji seperti sabar, qanaah, zuhud, bersyukur dan sentiasa berusaha dalam amal ibadat.

Sumbangan al-Rānīrī dalam bidang manuskrip Melayu nusantara amatlah besar kesannya kepada masyarakat amnya. Bagaimana manuskrip jawi lama yang tulis al-Rānīrī disimpan dan di ambil oleh pihak Eropah seperti di Belanda dan United Kingdom. Apabila difikirkan kembali khazanah seperti manuskrip ini amatlah berharga bagi sesebuah tamadun. Hasil karangan al-Rānīrī yang terkandung dalam karya-karya beliau ini tentu sekali termasuk dalam kategori ilmu-ilmu yang bermanfaat yang akan diganjari kepada pengkaji secara berterusan walaupun selepas beliau meninggal dunia. Perkara yang dinyatakan ini juga merupakan salah satu faktor penyebab al-Rānīrī mengarang kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.

Menyebut tentang kitab yang dikarang ulama Nusantara, kajian mendapati bahawa terdapat ulama-ulama silam yang memulakan penulisan sesuatu kitab dalam bentuk manuskrip. Kemudian mereka sentiasa melakukan proses rombakan terhadap penulisan tersebut dengan menambah atau mengurangkan sesuatu maklumat sehingga kitab tersebut akhirnya sampai kepada tahap yang sempurna. Antara contoh kitab-kitab yang mengalami keadaan tersebut ialah *al-Yāqūt fi al-Lughah* karya Abū 'Umar al-Zāhid yang dikarang sebanyak enam kali. Setiap kali kitab tersebut dibaca di hadapannya, maka setiap kalilah beliau menambah sesuatu maklumat dalam kitabnya itu. *Tarīkh al-Dimasyq* karya Ibn 'Asākir mempunyai dua versi ; versi baru sebanyak 80 jilid manakala versi lama 75 jilid. *Wafāyat al-A'yān* juga mempunyai dua versi. Begitu juga dengan *al-Rawdatayn* karya Abū Syamah yang mempunyai dua versi ; versi lama, dan versi baru yang lebih muktamad. Namun begitu, kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* turut mengalami kesan yang sama apabila dicetak berulang kali. Manuskrip *Bad' Khalq al-*

*Samāwāt wa al-'Ard* yang ada di Pusat Manuskip Perpustakaan Negara tidak lengkap dan disalin ke dalam bentuk monograf dan amat sukar untuk dibaca oleh kerana kerosakan yang ketara terhadap manuskrip.

Hasil perbandingan teks yang dilakukan pengkaji terhadap helaian kitab ini terhadap beberapa fasal telah membuktikan perkara tersebut. Boleh dikatakan bahawa setiap halaman daripada edisi kritikal teks yang dihasilkan oleh pengkaji mempunyai perbezaan antara fasal-fasal tersebut. Perbezaan-perbezaan yang ditemui ini sama ada yang melibatkan pemilihan kata seperti kalimah “segala” dengan “sekelian”, perbezaan yang melibatkan penambahan atau pengurangan kata seperti “Allah Ta'ala” dengan “Allah”, perbezaan yang melibatkan penafsiran makna seperti “nyawa Muhammad ḥ. 'a.w daripada dhat Nya” dengan “nyawa Muhammad ḥ. 'a.w”, perbezaan penggunaan bahasa Arab dan bahasa Melayu seperti “hawā” dengan “asap”, perbezaan yang melibatkan penambahan atau pengurangan imbuhan seperti “anbia” dengan “anbiyak”, perbezaan yang melibatkan bahasa Melayu lama dan baru seperti “hayam” dengan “ayam” dan “delapan” dengan “lapan”, perbezaan yang melibatkan pengulangan perkataan seperti “jinak” dengan “berjinak-jinak”, dan perbezaan yang melibatkan struktur ayat seperti “daripada itu kira-kiranya sepuluh ribu tahun antaranya” dengan “daripada itu kira-kira sepuluh ribu tahun selang-selangan”.

Walaupun kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* karangan al-Rānīrī ini hanya tertumpu dalam bidang kosmologi sahaja namun peranan dan sumbangannya cukup besar sekali dalam bidang penulisan tasawuf di Nusantara. Ini kerana ia dianggap sebagai perintis kepada penulisan-penulisan tasawuf di Nusantara. Selepas itu telah

muncul dari semasa ke semasa karya-karya tasawuf yang dikarang oleh para ulama dalam bahasa Melayu.

Selain itu, 29 fasal kejadian ini dibahagikan kepada dua bentuk alam iaitu alam *kubrā* (alam besar) dan alam *sughrā* (alam kecil) kemudian kajian hanya tertumpu kepada beberapa fasal untuk dianalisis. Pengenalan alam *kubrā* yang merungkai rahsia Allah S.W.T melalui bukti yang disandarkan al-Rānīrī melalui periwayatan hadith dan tafsiran ayat al-Qur’ān telah memberi impak kepada hasil penulisan beliau. Alam *kubrā* yang dimulai dengan kejadian tentang tujuh petala langit dan bumi, *Lūh Māhfūz, Qalam, ‘Arasy, Kursi, sidrah al-Mūntaha*, syurga dan neraka menjadi sebahagian penelitian kajian terhadap citra yang dikupas al-Rānīrī di dalam karyanya. Rumusannya, al-Rānīrī menafikan alam ini tidak dimulai dengan penciptaan Nūr Muḥammad seperti doktrin yang dibawa oleh ulama sezaman dengan beliau iaitu Hamzah Fansuri.

Metode penulisan al-Rānīrī secara lengkap adalah merangkumi empat bahagian utama iaitu ilmu tauhid, ilmu hayat, ilmu tasawuf dan ilmu kalam. Penelitian teks kajian terdapat beberapa justifikasi kenapa al-Rānīrī hanya membataskan penulisan kitab ini kepada persoalan kejadian alam sahaja. Di antaranya ialah untuk memenuhi keperluan orang ramai mempelajari dan mendalami bahagian tersebut. Ini kerana pengenalan manusia terhadap Allah S.W.T merupakan satu bahagian yang mengandungi persoalan-persoalan asas yang paling penting untuk diimani dan difahami dalam kehidupan seorang individu muslim. Kedua, berkemungkinan al-Rānīrī mengikuti salah satu metodologi penulisan ilmu tauhid ulama Shāfi‘īyyah yang hanya menumpukan penulisan bahagian kepada alam *kubrā* dan alam *sughrā* sahaja. Hasil penulisan kitab ini

adalah bertujuan untuk menentang pandangan golongan *wujūdiyyah* dan memberi kefahaman yang pasti kepada masyarakat awam ketika ia menjadi penasihat agama.

Oleh itu, sebab yang pertama dilihat lebih menonjol kerana masyarakat di Nusantara baru menerima Islam dan mereka amat memerlukan satu pengenalan secara bertulis untuk memahami asas penciptaan alam. Dalam erti kata lain kitab ini mengandungi dasar-dasar kejadian dari langit hingga ke dasar bumi termasuk makhluk ghaib iaitu malaikat, jin dan syaitan. Penulisan kitab ini juga sesuai difahami berdasarkan akal fikiran manusia oleh kerana al-Rānīrī memberi gambaran bagi setiap fasal penciptaan.

Al-Rānīrī meneruskan tradisi corak pemikirannya berdasarkan pemahaman beliau terhadap perihal penciptaan alam. Al-Rānīrī juga telah mengembangkan pengajian Usuluddin melalui bidang ilmu tasawuf, ilmu tauhid dan ilmu mantik serta membuka ruang pengembangan ilmu agama di alam Nusantara khususnya. Namun begitu, setiap petikan yang dicatatkan di dalam karya al-Rānīrī perlu kepada kajian yang lebih terperinci melaluiuraian setiap fasal penciptaan di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*.

Latar belakang al-Rānīrī yang dilahirkan di sebuah pelabuhan di India yang sibuk dengan aktiviti perdagangan dan penyebaran dakwah Islam begitu mengujakan beliau. Al-Rānīrī telah mengambil kesempatan atas berkat nasihat ayah saudaranya iaitu Muḥammad al-Jilani untuk keluar berdakwah di Nusantara. Ilmu agama yang di bawa oleh pedagang Arab, Parsi, Turki dan Melayu ketika di pantai Gujerat itu menarik minat

al-Rānīrī untuk mendalami dan mentadabur dengan guru-guru daam bidang tasawuf, aqidah, fiqah dan akhlak. Walaupun pengajian ilmu agama al-Rānīrī di bimbing secara formal oleh bapa saudaranya, beliau tekad untuk mempelajari mengenai ilmu kalam dari ulama yang hadir ke kota Ranir.

Kesudahannya kota Ranir telah binasa setelah kedatangan Portugis yang mengganggu urusan perniagaan tempatan. Pelabuhan yang asalnya maju dan telah berpindah ke kota pelabuhan baru di Gujerat. Rentetan daripada peristiwa itu, al-Rānīrī telah menghabiskan masanya berada di Aceh dalam menyebarkan dakwah dan giat menentang kerajaan yang berfahaman *wujūdiyyah* sewaktu kesultanan Aceh pertama.

Ketika al-Rānīrī berada di Nusantara, beliau mendapat tempat di pandangan Sultan Iskandar Thani. Hasil usaha beliau dalam penyebaran dakwah ketika itu, Sultan telah melantik al-Rānīrī sebagai penasihat dalam bidang agama, ekonomi dan politik. Pengaruh al-Rānīrī dalam pentadbiran negeri sekutu itu, telah memberi ruang kepada pedagang dari Gujerat untuk masuk berurus niaga di pelabuhan Aceh. Riwayat hidup, banyak dihabiskan di Nusantara sehingga digelar sebagai ulama Aceh dalam kerangka penulisan manuksrip jawi lama. Di akhir hayat, al-Rānīrī pulang semula ke tempat kelahirannya iaitu India dan meghabiskan sisa hidupnya sehingga beliau meninggal.

Secara tradisi, ulama-ulama pada zaman silam akan menyebut tahun mereka memulakan penulisan pada mukadimah kitab dan menyebut tahun menyelesaikan penulisan tersebut pada kolofon kitab. Oleh itu, para penyelidik dapat mengjangkakan sejarah penulisan sesuatu kitab. Bagi kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, Syeikh

Nūr al-Dīn al-Rānīrī tidak menyatakan pada mukadimah kitab ini namun melalui kitab *Bustān al-Salāṭīn fī Dhikr al-Awwālīn wa al-Ākhīrīn* bahawa beliau memulakan penulisan kitab ini pada tahun 1047H. Kajian mendapati terdapat 10 fasal kejadian yang terkandung di dalam kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* telah disebut dalam bab pertama di dalam kitab *Bustān al-Salāṭīn*. Situasi ini bermakna penulisan kitab penciptaan alam lebih awal dikarang iaitu sebelum tahun 1047H.

Penulisan al-Rānīrī melalui kitab *Bad' Khalq al-Samāwāt wa al-'Ard* boleh diklasifikasikan sebagai buku sains tradisional. Walau pun perbezaan teori sains masa kini persis dengan kemunculan 29 fasal kejadian alam yang diperkatakan al-Rānīrī, namun tiada kajian terperinci oleh ahli akademik mengenai kekuasaan Allah S.W.T. Apa yang boleh perkatakan disini, manuskrip melayu Nusantara yang telah di simpan di benua Eropah merupakan kerugian yang amat besar dalam dunia akademik khususnya ilmu pengajian Islam.

Sesetengah penyelidik mempertikaikan tempoh yang terlalu panjang diambil oleh beliau untuk menyelesaikan penulisan kitab ini. Sebagai perbandingan, kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Muḥammad 'Arṣyād al-Banjari yang mempunyai metode penulisan yang sama dengan *al-Širāṭ al-Mustaqqīm* tetapi perbahasannya lebih mendalam dan terperinci hanya mengambil masa dua tahun sahaja (1193H-1195H) untuk disiapkan.

Untuk merungkaikan kekeliruan ini, penelitian perlu dilihat kepada tradisi kepengarangan ulama-ulama silam. Pengkaji mendapati bahawa terdapat ulama-ulama silam yang memulakan penulisan sesuatu kitab dalam bentuk draf kasar. Kemudian hasil

penulisan awal mereka sentiasa berlaku proses rombakan terhadap draf dengan menambah atau mengurangkan sesuatu maklumat sehingga kitab tersebut akhirnya sampai kepada tahap yang sempurna. Antara contoh kitab-kitab yang mengalami keadaan tersebut ialah *al-Yāqūt fī al-Lughah* karya Abū ‘Ūmar al-Zahid yang dikarang sebanyak enam kali.

Setiap kali kitab tersebut dibaca di hadapannya, maka setiap kali beliau menambah sesuatu maklumat dalam kitabnya itu. *Tārīkh Dimashq* karya Ibn ‘Asakir mempunyai dua versi ; versi baru sebanyak 80 jilid manakala versi lama 75 jilid. *Wafāyāt al-A‘yān* juga mempunyai dua versi. Begitu juga dengan *al-Rawdatāyn* karya Abū Syamah yang mempunyai dua versi ; versi lama, dan versi baru yang lebih muktamad.

Walaupun contoh-contoh kitab yang dikemukakan ini adalah kitab berbahasa Arab dan dikarang oleh ulama-ulama pengarang berbangsa Arab, namun fenomena ini tidak mustahil turut berlaku kepada kitab *Bustān al-Salāṭīn* iaitu sebuah kitab ensiklopedia dalam bahasa Melayu dan dikarang oleh tokoh ulama Melayu dalam suasana budaya kepengarangan Melayu di raja.

Tokoh ulama Islam Nusantara seperti al-Rānīrī umpamanya telah mengarang pelbagai kitab jawi lama yang mempunyai penerangan, bukti dan gambaran yang jelas mengenai Islam. Pelbagai andaian yang dibuat oleh penulis-penulis barat untuk merendahkan martabat Islam dan menjatuhkan maruah ulama Islam di mata di dunia. Ilmu kosmologi, falak, hisab, dan sosio-budaya Melayu Nusantara yang ditulis dalam kitab jawi memaparkan Islam telah mendidik masyarakat dengan ilmu pengetahuan.

Ulama Nusantara juga menekankan eleman ketuhanan dalam diri supaya menitik-beratkan hubungan manusia dengan Tuhan dan tidak boleh dipisah sama sekali.

Kaedah penulisan al-Rānīrī dalam memahamkan fasal kejadian alam *kubrā* kepada masyarakat ketika itu dengan membawa pembuktian menerusi al-Qur'ān dan al-Hadith telah menarik masyarakat awam untuk percaya dan beriman dengan-Nya. Al-Rānīrī menulis dengan fasal yang paling awal dalam babnya iaitu fasal kejadian tujuh petala langit dan bumi sehingga kejadian neraka berdasarkan beberapa perkara yang perlu ditelusuri. Antaranya, beliau memaparkan kepada masyarakat dari mana asal usul manusia sebagai ciptaan paling mulia, kemudian ciptaan langit dan bumi yang perlu dijaga dan ditadbir, ciptaan jin dan syaitan sebagai penggoda kepada manusia, alam akhirat tanda keadilan pencipta, dan berakhir dengan alam akhirat dengan menawarkan ganjaran syurga dan neraka.

Al-Rānīrī mengupas kejadian tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dengan begitu panjang dan merumuskan bahawa penciptaan awal alam bermula dengan beberapa pandangan. Menurutnya, antara yang pertama dijadikan Allah S.W.T adalah Nūr Muḥammad, *'Arasy, Qalam, Kursi* dan Lūh Maḥfūz. Al-Rānīrī tidak menegaskan mana satu yang paling utama yang diciptakan oleh Allah S.W.T malah sekadar mendatangkan beberapa pandangan mufassirin tentang doktrin Nūr Muḥammad. Sepertimana pemahaman beliau yang kuat menentang fahaman *wujūdiyyah* yakni doktrin Nūr Muḥammad daripada Hamzah Fansuri.

Namun begitu, bab alam *kubrā* yang dikupas dalam kajian ini memaparkan bagaimana al-Rānīrī menarik minat masyarakat Aceh ketika itu kenal dengan sifat Allah S.W.T sebagai maha pencipta. Alam *kubrā* merupakan hubungan Allah S.W.T dengan manusia seperti yang disebut di dalam al-Qur’ān, peranan manusia itu sebagai khalifah yang dipertanggungjawab atas urusan di muka bumi. Corak penyampaian al-Rānīrī ketika membawa bukti dalam setiap fasal kejadian, beliau begitu gemar memberi gambaran yang boleh dibayangkan dengan akal manusia. Sebagai contoh suasana di dalam syurga, bentuk pohon di *sidrah*, warna sungai, rupa tempat bersemanyam Tuhan dan pelbagai lagi.

Alam *kubrā* juga dikenali sebagai alam yang besar keagungan-Nya. Hal ini berdasarkan kepada bukti-bukti dalil yang dikemukakan oleh al-Rānīrī. Al-Rānīrī menyimpulkan mengenai ciptaan alam *kubrā* di dalam demensi yang amat berbeza. Beliau menyebut setiap benda ada penciptanya, dan setiap sesuatu tempat ada penghuninya, dan setiap amalan akan diberi ganjaran. Kelebihan manusia dengan mempunyai akal fikiran merupakan anugerah Allah S.W.T untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Namun begitu, setiap penciptaan seorang insan ke dunia ini mempunyai susur galur yang berbeza martabatnya di sisi Tuhan, kerana nilai manusia di dunia ini bergantung terhadap tahap imannya. Perbahasan tentang kejadian tujuh petala langit dan tujuh petala bumi merangkumi kesemua fasal iaitu *Lūh Mahfūz*, *Qalam*, ‘Arasy, *Kursi*, *sidrah al-Muntahā*, syurga dan neraka. Al-Rānīrī menyentuh secara dasar bagi setiap kejadian tersebut. Kemudiannya beliau menghuraikan dalam bab yang lebih besar bagi setiap satu.

Al-Rānīrī acap kali menyentuh hal yang menjadi rahsia-rahsia Allah S.W.T. Sepertimana yang dijelaskan beliau tentang kejadian *rūh*, penjaga *Lūh Mahfūz*, ketinggian ‘Arasy dan bentuk *Qalam* Tuhan. Penjelasan beliau, tidak terlalu terperinci dan tidak fokus kepada dalil al-Qu’rān. Tetapi hanya sekadar membawa gambaran suasana tempat tersebut bersandar kepada kata-kata tabi‘in. Dalam keadaan yang sama, hal ini tidak mendapat tempat dalam kalangan ulama kalam untuk membincangkannya malah tidak wujud huraihan secara fizikal tentang tempat-tempat yang diperkatakan al-Rānīrī.

Penciptaan alam *kubrā* merupakan kejadian yang paling hebat ciptaan-Nya. Hal ini menjadi kewajipan manusia untuk berfikir menerusi rasional akal agar terus beriman dengan kekuasaan Allah S.W.T. Demikianlah kejadian alam *kubrā* memperingatkan manusia agar memenuhi kehidupan di dunia dengan penuh amalan ketakwaan dan kebajikan.

Manakala, perbahasan tentang alam *sughrā* tertumpu kepada kuasa pencipta yang boleh dilihat dengan mata kasar, disentuh dan dengar dengan pancaindera manusia. Sepertimana yang dijelaskan al-Rānīrī melalui fasal-fasal kejadian seperti matahari, bulan dan bintang, awan, sejuk dan air beku, kilat, halilintar dan guruh, kerak bumi dan air laut dan sungai. Rumusan daripada penulisan al-Rānīrī ini, jelas membuktikan bahawa setiap benda yang dilihat dan dirasa mempunyai pencipta dan pemiliknya. Manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk menjaga alam ini dan

seharusnya memiliki sifat amanah dan sentiasa peka dengan keadaan dunia agar kehidupan manusia sejagat lebih sejahtera.

Alam *sughrā* merupakan konsep kosmologi yang berkait rapat dengan fenomena sains. Beberapa penjelasan al-Rānīrī mengenai fasal kejadian alam *sughrā* amat bertepatan dan selari dengan pembuktian al-Qur’ān dan hadith. Ringkasnya, al-Rānīrī menyebut kewujudan alam ini bermula daripada Nūr Muḥammad sebagai makhluk pertama dijadikan Allah S.W.T dengan menyebut beberapa istilah lain seperti *rūh Idāfi*, *rūh makhluk*, *nūr zahuri*, *hakikat Muḥammad*, *al-Qalam*, dan *al-Wilayah*. Seperti mana pandangan ulama kontemporari iaitu Yūṣūf al-Qarāḍāwī tidak memberi ulasan yang mendalam mengenai kejadian Nūr Muḥammad kerana ianya perkara yang tidak boleh perbincangkan kepada awam tanpa ilmu yang tinggi dan hanya menjadi bahan perbincangan di kalangan ahli tasawuf.<sup>475</sup>

Al-Rānīrī menerangkan dalam penulisannya tentang alam *sughrā* seperti sebuah ensiklopedia sains Islam. Hal ini kerana setiap kejadian alam melalui kaca mata sains diselitkan dengan kuasa pencipta dan selari dengan logik akal fikiran manusia. Apabila dilihat dan dirungkai setiap proses yang disebutkan dalam ilmu sains, keadaan ini sama seperti yang disebut di dalam al-Qur’ān. Sebagai contoh, lapisan kerak bumi mempunyai tiga lapisan utama dengan keadaan kepanasan suhu yang berbeza, proses kejadian hujan melalui proses kondensasi, kejadian matahari, bulan dan bintang mempunyai hubungan dengan siang dan malam dan seumpamanya.

---

<sup>475</sup> Yūṣūf al-Qarāḍāwī (Dr.), *op.cit.*, h.78.

Kesimpulannya, kejadian alam *kubrā* dan alam *sughrā* mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Kedua-dua perkara ini merupakan sunnah Allah dalam memastikan alam ini sentiasa dijaga dan difikirkan oleh manusia tentang kekuasaan Allah S.W.T. Kelebihan Allah S.W.T kepada manusia merupakan satu kurniaan yang amat besar kerana ulama nusantara berpesan ilmu dapat membersihkan hati dan memberi pengajaran dalam kehidupan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān al-Karīm

### **BAHASA ARAB:**

Al-‘Abbās ibn ‘Abd al-Mutālib (m. 566/653H.), *Tānwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn ‘Abbās*, t.t.

‘Abd. al-‘Azīm bin Badawi al-Khālāfi, *Al-Wājiz fī fīqh al-Sunnah wa al-Kitāb Al-‘Azīz*, cet. ke-III.Cairo: Dār Ibn Rajab, 1421M, 2001.

‘Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu’ād, *Al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, al-Qāhirah, 1346 H.

‘Abd. al-Rāḥmān Qāsim, *Hasiyah Ibn Qāsim ‘alā Raudil Murbi*. Al-Qāherah: Ḥuquq al-Tiba’ Mahfūzāh, 1397 H.

Abū Bakr Jabir al-Ja’īzi, (m. 1986), *Aqidah al-Mu’mīn*. Jeddah: Dār al-Syūrūq li al-Nashr wa al-Tauzī wa al-Tibā’ah, t.t.

Ahmad bin al-Mubārak, *al-Ibrīz min Kalām ‘Abd al-‘Azīz al-Dibbāgh*. T.T.P Maktabah al-Sya’biyah, t.t.

Arnold, Thomas Walker (ed.) *al-Da'wah ilā al-Islām Bathu fī Tarīkh Naṣr al-Aqīdah al-Islāmiyyah* Qaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Misriyah li Asyhabi Ḥasan Muḥammad wa awlādih, 1970.

Al-Bayḍawī, Naṣr al-Dīn Abī Sa‘īd ‘Abd Allah b. ‘Umar (m. 685 H/1286 M) *Anwār al-Tanqīl wa Asrār al-Ta’wīl*. Beirut: Mu’assasah Sya’ban, t.t.

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl (m. 256 H/870 M), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, cet. ke III. Chicago, U.S.A: Kazi Publication, 1979.

Al-Dailāmy, Fanākh Ḥusyru al-Dailamī al-Ḥamdānī (445M/509M), *Firdaūs al-Akhbār bi-Mā’thūr al-Khiṭāb al-Mukharraj ‘āla Kitab al-Shīhāb*. Mesr: Dar al-Kitab al-Arabi, 1987M/1407H.

Al-Farābī, Abū Naṣr, *Ihsa al-’Ulum, tahqīq*, oleh Uthman Amin, cet. ke-III. Misr: Matba’ah al-Anjlu, 1323 H/ 1903 M.

Al-Farābī, (m. 870/950 H) “Kitab Ihṣā al-‘Ūlūm” dlm. *Catálogo de las Ciencias (Textedition, lateinische und spanische Übersetzung)*, ed. González Palencia. Madrid: Imprenta y Editorial Maestre 2. A, 1953.

Fu‘ād Khārza’ al-‘Aqlī, *Dirāsāh fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, T.T.P. Ḥuquq al-Tabā‘ wa al-Nashr Maḥfuzah li al-Muallif, t.t. 205.

Al-Ḥakim, *Al-Mustadrāk ‘Ala al-Ṣaḥīḥāyñ fī al-Hadīth*. Beirut: Dar al-Fikr, 1390H/1983M.

Al-Hamdānī, Abū Nasir Muḥammad Ibn Abd al-Rahmān, *As-Sab’āṭū fī Mawā’idhi al-Bariyyāt*. Bulaq: T.P., 1292H.

Hassan Ayūb (1994), *Tabsit al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*, cet.6. T.T.P.: Dār al-Tauzi’ wa al-Nashr wa al-Islamiyyah.

Husain bin Mas‘ūd al-Baghawi (1122M), *Tafsīr al-Bāghāwi*, *Ma ‘alīm al-Tanzil*. Lebanon: Dār al-Ma‘refah.

Al-Isbahānī, Al-Ḥāfiẓ Abū Nu’aim Ahmad b. ‘Abd Allāh (m.430H/1038M), *Hīlyat al-Awaliyā wa Tabaqāt al-Asyfīyā*, cet. ke II, Beirut, 1387H / 1967M.

Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Abū ‘Abd Allāh b. Muḥammad b. ‘Umar (m. 502H/ 1109 M) *Māfāṭīh al-Ghāyb @ Tafsīr al-Kābir*. Miṣr: al-Maktabah al-Bāhiyyah, al-Miṣriyyah, 1345 H/ 1935 M.

Al-Riḍā, al-Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, *Tafsīr al-Mānar*. Beirūt: Dār al-Ma’rifah, t.t.

Ibn ‘Arabi *Insyā’ al-Dawā’īr*, dlm. H.S.Nybers, *Kleinere Schriften Des Ibn al ‘Arabi*. Leiden: E.J. Brill, 1919.

Ibn Abī al-‘Izz al-Hanafī, ‘Alī ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān ibn Abī al-‘Izz (731H/1390M), *Syārḥ al-Aqīdāh al-Thāhāwiyāh*. Riyad: Dār ‘Alīm al-Kūtūb Li Ṭiba‘ah Wan Naṣr wa Tauzi.

Ibn Aṭa’illāh al-Šakandari, (1309 M), kitab *Iqādzūl Ḥimām fī Syārkhil Ḥikām* diterjemah oleh Syeikh Ahmad Bin 'Ajibah Al-Husaini. Beirut: Dar el-Kutub.

Ibn Ḥajr, *Fatḥ al-Bārī Bi Syārḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, cet.I (Miṣr: Maṭba‘ah al -Khairiyah, t.t.

Ibn Ḥayyan, *al-Azūmah*, cet. I. Al-Qahīrah: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, 1328H.

Ibn Kathīr, al-Ḥafīẓ Abū al-Fida Isma‘il b. ‘Umar b. Umar b. Kathīr al-Damsyīq (m. 774 H/1373 M), *al-Bīdayāh wa al-Nihāyāh* , al-Qahīrah: Maṭba‘ah al-Sa‘ādāh, 1932.

\_\_\_\_\_, *Tafsir al-Qur’ān al-Āzīm*@Tafsir Ibn Kathīr. Al-Qahīrah: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.

Ibn Manzūr, Abū al-Fādl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukhram (m. 711 H/1311M), *Liṣān āl-‘Arāb*. Beirut: Dār Ṣādr, 1375 H/ 1956 M.

Ibn Sīnā, *Danishnama’i ‘Ala’i* (*The Book of Scientific Knowledge*), ed. and trans. P. More wedge, *The Metaphysics of Avicenna*. London: Routledge and Kegan Paul, 1973.

Ibrahīm al-Laqānī, *Jawharah al-Tawhīd ma ‘a Hasyiatuhā Tuhfa al-Murīd*. Qāherah:  
Maṭba’ah al Istiqamah, t.t.

Al-Khawārizmī (m. 780/850 H) “Surah al-Ārd” dalam *The image of the Earth translated as Geography*, ed. Hubert Daunicht's. Madrid: Biblioteca Nacional de España, 833 M.

Al-Majlisi, Muḥammad Bāqir (m. 1111H/1691 M), *Bihār al-Anwār al-Jamiah li Durar Akhbar al-A’immah al-Athar*, cet. ke-2, Beirūt: Mu’assasah al-Wafā, 1403 H/ 1983 M.

Al-Mas’ūdī, *Al-Barūjārdi fī Tarā’if al-Maqāl*. Beirūt: Dār al-Andalūs, t.t.

Al-Maudūdī, *Al-Muṣṭalah al-Arba‘āh fī al-Qur’ān: Ilah al-Rab al-‘Ibadat*, Kuwait, t.t.  
Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mū’jam Alfāz al-Qur’ān al-Kārim*, cet. ke-III. Al-Qāhirah, 1390 H/ 1970 M.

Muhammad bin ‘Isā bin Surāh al-Tirmidhī (t.t), *Sunan āl-Tirmidhī*, Muhamad Nāṣir āl-Din al-Bānī (lā-tīq ālāyh), Kitab *Tafsir al-Qur’ān al- Rasūlullāh s.aw.*, Bab 12 wa Min Sūrah Hūd

Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah bin al-Mughirah bin Salih bin Bakr Al-Naysaburi  
(b. 223, d. 311), *al-Tauhid wa Ithbat shifat al-Rab*. Mesir: Darul Athar Publication.

Muhammad Nawawi Al-Bantani, *Qatrul Ghaits*. Jakarta: Yudha Mandala Eka Putra,  
2010.

Muslim, Abū al-Hasayn Muslim b. Al-Hajjāj (m. 261H/ 875), *Sahih*, cet.-I. Dār Ihyā al-  
Misr: Kutub al-‘Arabiyyah, 1374 H/ 1955 M.

Mustafa Ahmad ‘Aqbawi, *Hasyiyah ‘ala Syarh ‘Aqidah al-Dardir*. Qaherah: Maṭba‘ah  
Mustafa al-Babī al-Ḥalabi wa Auladīh bi Misr, 1949.

Al-Nawawi, Muhy al-Dīn Abī Zakariyya Yaḥya b. Syāraf (m. 676/1277 M) *Sahih*  
*Muslim bi Syarh Al-Nawawi*. Misr, 1347-1929.

Ni'mat Allāh al-Muṣawi Jazā’iri, *Anwār Nu'māniyah*. Maṭba‘ah, Shirkat-i Chāp, 1959.

Al-Qastalani, Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn Muḥammad ibn Abū Bākr al-Khāṭib, *al-*  
*Mawahib al-Laduniyā bi al-Minā al-Muhammadiya*. Mesir: ‘Adyān ‘Ulum al-Dīn,  
1281H.

Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Ahmad bin Abu Bākr Al-Anṣhārī (m. 671 H/ 1273 M), *Al-Jamī’ li Ahkam al-Qur’ān wa al-Mubayyin Li ma Tadammanahu Min al-Sunnah wā Ayi al-Furqān*, cet. ke-II, Dar al-Kitab al-‘Arabiyyah, al-Qahirah, 1378/ 1967 M.

---

\_\_\_\_\_ , *Al-Tazkirāh fī Ahwāli al-Mauta wa ‘Umur al-Akhirāh*. al-Qāherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah, 1378/ 1967 M.

Al-Ṣadūq, Abu Ja’far Muḥammad b. ‘Alī Ḥussayn b. Musa b. Babawayh al-Qummi (m. 381 H/991 M) *Ma‘āni al-Akhbār*, *Intisyarāt Islāmi*. Najaf: Dār al-Kūtūb al-Islamiyyah, 1378 H.

Al-Samarqandī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Ashraf al-Husaynī al-Samarqandī (d. 373H) *Tanbih al-Ghāfilin bi Aḥādith Sayyid al-Anbiyā’ wa al-Mursālin tahqīq* oleh al-Sayyid al-‘Arābi, Cet. I. Mesir: Maktabah al-Iman di Manṣūrah, 1415H/1994M.

Al-Suyūṭī, *Al-Dūrr Al-Mānthūr fī Tafsir Bil-Ma ’thūr*. T.T.P, 849 H-911 H.

Al-Suyūṭī, *Al-Jamī’ al-Sāghīr fī Aḥādith al-Basyīr al-Nadhīr* cet. ke- IV. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Al-’Asqālānī. *Fath al-Bārī Syārḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kūtūb al-‘Ilmiyah, 2003.

Sayyid Sabiq, *al-Aqā'id al-Islāmiyyah*. Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Ṭabarānī, Abū al-Qassīm al-Ṭabarānī al-Ḥafiz (m. 360H), *Al-Mū'jam al-Kabīr*.

Baghdād, t.t, entri “‘ālam”.

Al-Ṭabarsī, Abū ‘Alī al-Fāḍil b. al-Ḥassan (m. 548 H/ 1128) *Majmā' al-Bayān fi Tafsīr al-Qur'ān*. Beirūt: Dār Ihyā al-Yhurah al-‘Arabi, 1479 H/ 1959 M.

Al-Tābāṭabā'i, al-Sayyid Muḥammad Husayn (m. 1321 H/ 1903 M) *Al-Mīzān fi Tafsīr al-Qur'ān*, cet. ke-1. Tehran: Dār al-Kutub al -Islāmiyyah, 1324 H.

Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isa b. Sarwāḥ (m. 297/892 M), *Al-Jāmi' al-Ṣahīh @ Sunan al-Tirmidhī*, cet. II, Misr: Maṭba’ah Muṣṭafa, al-Babī al-Ḥalabī, 1395 H/ 1975 M.

Yūṣūf al-Qarāḍawi (Dr.), *Thaqāfah al-Da'iyyah*. Beirūt: Mu'assasah al-Risalah, 1978.

Al-Zamakhsyārī, Jār Allāh Abū al-Qāsim Maḥmud b. ‘Umar (m. 538 H/ 1143 M) *Al-Kasīṣyāf, 'an ḥaqāiq Ghawāmid al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Cet.I, Misr: Matba’ah Muṣṭafa Muḥammad, 1345 H.

## **BAHASA INGGERIS:**

Ahmad Yousef Al-Hassan (Dr) *Science and Technology in Islam: The exact and natural sciences*. Part I, Lebanon, Beirut: United Nation Educational Scientific and Culture Organization, 2011.

Ahmed T. Karamustafa, *Knowledge Of God In Classical Sufism: Foundations Of Islamic Mystical Theology*. New Jersy, Paulist Press,1944.

Alex F. Roche, Steven B Heymsfield & Timothy G. Lohman (1996), *Human Body Composition*, United States: Human Kinetics, h. 25

Anderson, Malcolm G.; McDonnell, Jeffrey J., eds. *Encyclopedia of hydrological sciences*. Hoboken, NJ: Wiley, 2005.

Brockelmann, Carl, *Geschichte der Arabischen Litteratur*. Leiden:E.J. Brill, 1937.

Chris Anne Grinter, “Book IV of the Bustan us Salatin: A Study from the Manuscript of a 17th Century Work Written in North Sumatera”. Tesis kedoktoran SOAS, University of London, London, 1979.

Christoffel Anthonie Olivier Van Nieuwenhuijze, *Van Nur al-Din al-Raniri als Bestrijder der Wudjudiya (Nur al-Din al-Raniri as a opponent of the Wudjudiya)*, no. 76. Leiden : Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, 1960.

Cyril Glassee, *Ensiklopedia Islam (ringkas)* Cyrill Glassee. cet. ke-2., Jakarta:Fajar Interpratama Offset, 1999.

Dean Pesnell; Kevin Addison, "SDO: Solar Dynamics Observatory: SDO Specifications". National Aeronautics and Space Administration (NASA), 5 Februari 2010.

Drews, G.W.J, "New Light on The Coming os Islam ti Indonesia", dlm. Ahmad Ibrahim et. al (penyelenggara), *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985.

*English Dictionary for Students*. U.K:England, Petter Collin Publishing, July 2001.

Gerardus Willebrordus Joannes Drewes, *De Herkomst va Nuruddin ar-Raniri (The Origin Of Nuruddin ar-Raniri)*, no. 111. Leiden : Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, 1955.

Harun Yahya, *Wonders Of Allah's Creation*, terj. Rohidzir Rais. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn. Bhd., 2000.

Holy Bible, *The Gideons International, New King James Version*. National Publishing Company, 1979.

Michael Cooperson, *Classical Arabic Biography: The Heirs of the Prophets in the Age of Al-Ma'mun*. UK: Cambridge University Press, 2000.

Murtađa Mutṭahari, *Man and Universe*. Qom, Iran: Ansariyan Publication, 1997.

Raden Hoesin Djajadiningrat, *Critisch overzicht van de in Maleische werken vervatte gegevens van het Sultanaat van Aceh*. BKI, 1911.

Raffles T. Stamford. *The History of Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965.

Ruhani Khazain, *Chasma Marifat, Qadian*. Anwar Ahmadiyyah Press, 1908, vol. 23, 97-99. London, 1984.

Rusell Jones, *Nur'd-din ar-Raniri Bustanu's-Salatin Bab IV Fasal I (a critical edition and translation of the first part of Fasal I which deals with Ibrahim ibn Adham)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Scotsman James Hutton , *Theory of The Earth; or an Investigation of The Laws Observable in The Composition, Dissolution, and Restoration of Land Upon The Globe*. Transactions of the Royal Society of Edinburgh. Edinburgh & London, 1788.

Syed Hossein Nasr (1964), *An Introduction to Islamic Cosmology Doctrines*, Baharuddin Ahmad & Osman Bakar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1992.

Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddq of Nūr al-Dīn al-Rānirī*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture, 1986.

\_\_\_\_\_, *Comments on the Re-Examination of al-Rānirī's Hujjatu'l Sidiq : A Refutation*. Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1975.

\_\_\_\_\_, *Raniri And The Wujūdiyyah of 17TH Century Aceh*. Singapore: Malaysia Printers Ltd., 1966.

\_\_\_\_\_, *Preliminiray Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur, 1969.

The Exact Sciences, E.S.Kennedy, The Cambridge History of Creator's: *The period from the Big-bang Theory*, Ed. Richard Nelson Frye. Cambridge University Press, 1999.

Petrus Voorhoeve, "Lijst Der Geschriften Van Nuruddin Ar-Ranirie En Apparatus Criticus Biji De Tekst Van Twee Verhandelingen" Bki. Dell III. Ze afleneing, 1955.

Wehr, Hans, *A Dictionary of Modern Written Arabic: Arabic-English*. Edited by J. Milton Cowan. London: Macdonald & Evans Ltd & Beirut: Librairie Du Liban, 1980.

**BAHASA MELAYU:**

Al-Qur'an dan terjemahannya. Cet. ke III, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1985.

Abdullah Alwi Hassan, *Penyelidikan Asas Kemantapan Pengajian Syariah*, dalam Dinamisme Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1997.

Abdulfatah Haron Ibrahim (1996), "Martabat Tujuh: Tajalli (Penjelmaan) Allah melalui Tujuh Martabat (lapisan), satu perbincangan mengenai teori kejadian alam laluan menuju ke arah mā'rifat dan insan kamil ". Seminar Pengajian Usuluddin Peringkat Kebangsaan (4-6 Oktober 1996: Kuala Lumpur)

Abdul Hadi Harman Shah & Julaihi Wahid, (2010), "Konsepsualisasi Ruang dan Habitat Tradisional Melayu" *Sari- International Journal of the Malay World and Civilisation* j.28 Bil.1, 2010.

Abdul Malik Karim Amrullah (Dr), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1980.

Abdul Rahman, *Falsafah Alam Semesta di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication&Distributors Sdn Bhd, 1995.

Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur, 1990.

Abdul Rahman al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*. Kelantan: Penerbit PAP, 1966.

Abdul Razak Muthalib, *40 Hadis Palsu Popular*, PTS Islamika Sdn Bhd, Selangor, 2011.

Abdul Samad Ahmad (peny.) *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

\_\_\_\_\_, *Sejarah Kesusaasteraan Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Abdul Wahab Ali “*Dari Alam Kudus Ke Alam Cereka, Kosmologi Dalam Sastera Melayu*” (1992) dalam Yaacob Harun *et.al.*, (eds.) *Kosmologi Melayu*., Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2001.

Aboebakar Atjeh, *Tarekat dalam Tasawwuf*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman, 1979.

Abu Bazli Abdul Kadir B. Che Kob, *Aqidah Dan Keimanan*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.

Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. Penerbit Jakarta: C.V Rajawali, 1983.

\_\_\_\_\_, M.A., *Syeikh Nuruddin ar-Raniry : Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujūdiyyah di Aceh*. Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, 1978.

\_\_\_\_\_, *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta:CV. Rajawali, 1983.

\_\_\_\_\_, *Syeikh Nuruddin Al-Rānīrī*. Jakarta: Bulan Bintang, 1978.

Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam, Edisi ke-4*, Selangor : Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2005.

Ahmad Zuhdi Ismail, “ ‘Alī Ibn Mūsā al-Ridā dan Pemikirannya Dalam ‘Ilm al-Kalām dari Perspektif Syi‘ah”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2005.

\_\_\_\_\_, *Imam Ja‘far al-Sadiq dan Pemikiran Tentang Konsep Ketuhanan*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

Al-Rānīrī, *Buṣṭān al-Salāṭīn: (Bab Pertama dan Kedua)* Jelani Harun, ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Amin Che Ahmat, “*Pemikiran Syeikh ‘Abdullah ‘Arif tentang doktrin Nūr Muḥammad dalam kitab Bahr al-Lahut*”. Tesis sarjana, Universiti Malaya, 2012.

Aminaturrahilah Jamal Rashid, *Kejadian Manusia: Suatu Analisis Dari Perspektif Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Asmah Omar, *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Azhar Ibrahim, *Perbomohan dan Kebertahanannya Suatu Tinjauan Kritis*. Kertas kerja ini dibentangkan untuk sidang bacaan The Reading Group, pada 17 Feb 2006. Darul Arqam, Singapura, 2006.

Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, cetakan ke-4. Bandung: Penerbit Mizan, 1998.

Baharrudin bin Zainal, “*Konsep Alam Geopusatan Dalam Naskhah Buṣṭān al-Salāṭīn*” makalah, Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu. Universiti Darul Iman Malaysia, Julai 2009.

Fachruddin M. Mangunjaya, ed., *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi, Dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2007.

Abdul Malik Karim Amrullah (Dr), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1980.

Haron Daud, *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Harun Yahya, *Wonders Of Allah's Creation*, Terj. Rohidzir Rais Saba Islamic Media Sdn. Bhd., Percetakan Advanco Sdn. Bhd, 2000.

Hashim bin Musa, *A Brief Survey On The Study Of The Malay Sastera kitab On Malay Islamic Thought*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1999.

Jamalluddin Hashim, “Kitab Sirāt al-Mustaqīm karangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (Kitab āl -Tāhārāh dan āl-Ṣalāh): Teks Dan Analisis”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2011.

*Kamus Bahasa Melayu Nusantara* Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003.

*Kamus Dewan, Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.

Karel A. Steenbrink, *Mencari Tuhan Dengan Kacamata Barat*. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijaga Press, 1988.

Khader Ahmad *et. al*, Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, edisi ke 3. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Latifah Faizah Mohd Diah. "Air dan Hubungannya Dengan Kejadian Manusia Menurut Perspektif Islam dan Sains". Tesis sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

Mahayudin Yahya, *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

\_\_\_\_\_, *Naskah Jawi dan Sejarah dan Teks*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

\_\_\_\_\_, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Kuala Lumpur : Kementerian, Kebudayaan, Beliau, dan Sukan, 1991.

\_\_\_\_\_, *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Mohd Azhar Abd. Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kristis dan Kreatif*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Mohd Koharuddin, *Ketamadunan Melayu Dan Sains: Satu Analisis Awal Ke Atas Pencapaian Masyarakat Melayu Dalam Bidang Sains*, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2003.

Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998.

Mohd Solahuddin Bin Shahruddin, *et.al.*, “Konsep Kejadian Syurga Menurut Al-Rānīrī: Analisis kitab Bad’ al-Khalq al-Samāwāt wa al-’Arđ” dlm. makalah, *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*, Institut Agama Islam Negeri Al-Rānīrī Banda Aceh Darussalam, 25 Februari 2013.

\_\_\_\_\_, *et.al.*, “Pengaruh Isra’iliyyāt dalam kitab Bad’ al-Khalq al-Samāwāt wa al-’Arđ” dlm. makalah, *Seminar Jawi Serantau 2012*, Masjid Tuanku Mizan UiTM Shah Alam, 19-20 Jun 2012.

Mohd Syukri Yeoh Abdullah, *Kosmologi Dalam Welstanschauung Ulama Sufi Melayu Jurnal Akademika 67*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Januari, 2006.

Mohd Taib Osman, Bunga Rampai: *Aspect of Malay Culture*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Mohd Zaidi Ismail, “*Perihal Alam Semesta Sebagai Kitab Kejadian dan Kesan Ilmiahnya Pada Hala Tuju Sains Tabii: Satu Liputan Ringkas Menurut Rencana Pemikiran Al-Attas*” dlm. Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, Bil. 8, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2007.

Muhammad 'Uthman El- Muhammady, “*Kosmologi Pada Para Fuqaha & Ulama Sufiah Dalam Pemikiran Melayu*” (1992) , dalam Yaacob Harun *et.al.*, (eds.) *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2001.

Osman Bakar, “*Perspektif Kosmologi Tasawuf Dalam Pemikiran Kosmologi Melayu*” (1992), dalam *Kosmologi Melayu*, Yaacob Harun *et.al.*, (eds.) Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2001.

Richard James Wilkinson, *Kitab Bustān al-Salāṭīn: Bab yang ke dua* (dalam tulisan jawi). Singapore American Mission Press, 1900.

Seyyed Hossein Nasr (1964), *An Introduction to Islamic Cosmology Doctrines*, Baharuddin Ahmad & Osman Bakar (terj.) Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1992.

Shaharir M.Z, *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Publication, 2000.

Siti Hawa Saleh (penyelenggara), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.

Syamsul Bahri, *Sejarah Ulama Aceh Di Mesir*, ed. ke-51. Modus Aceh Press, April 14, 2010.

Syeikh Nūr al-Dīn Muḥammad Jilani al-Rānīrī, *Bad' al-khalq al-Samāwāt wa al-'Ard*, Dicetak di tepi, Haji Ismail Aceh, *Tāj al-Mūlk*, Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muḥammad al-Nahdi wā Āwlādīh, .t.t.

Teuku Iskandar (ed.), *Nuru'd-din ar-Raniri: Bustān al-Salāṭīn Bab II, Fasal 13*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Tudjimah, *Asrar al-Insan fi Ma'rifa al-Rūh wa'l-Rahman*. Djakarta: P.T Penerbitan Universitas, 1960.

Ugi Suharto (Dr), *Pemikiran Islam Liberal Pembahasan Isu-isu Sentral*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2007.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Ma'rifah: Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, j.1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2004.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j.2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991.

\_\_\_\_\_, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Persatuan Pengkaji Khazanah Nusantara, 1999.

\_\_\_\_\_, *Syiekh ‘Abbās Kutakarang Ahli Astrologi Dunia Melayu*, Akhbar Utusan pada 24 September 2007.

Wan Zailan Kamaruddin “Pemikiran ‘Alī bin Abī Ṭālib r.‘a , Konsep Syurga (*al-Jannah*) dan Neraka (*al-Nār*)” *Jurnal Usuluddin*, bil. 16, 2002.

Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

Zainal Kling, “Asas Ketuhanan Dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu”, dalam Tamadun Melayui, j. 2. Kuala Lumpur, 1993.

Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad, *Kesusteraan Melayu Tradisional*. (bab genre kepubstakaan ilmu tradisional). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Rujuk berkenaan, 1993.

Zulkefli bin Aini, “*Doktrin Nūr Muhammad di alam Melayu : kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nūr al-Dīn al-Rānirī dan 'Abd al-Rauf al-Fansuri*”.

Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2008.

**MANUSKRIP:**

Al-Rānirī, *'Akhbār al-Akhīrah fī Ahwal al-Qiyamah* Ms Jak. Mal No. 804, PNRI, fol, 2.

Al-Rānirī, *Hall al-Zill*, MS 2466, PNM, fol, 239.

Al-Rānirī, *Jawāḥīr āl-Ṣiddīq Li Dāf al-Zindīq*, MSS 23319, PNM, fol, 61

Al-Rānirī, *Latā'if al-Āsrār Li Ahl Allāh al-Atyār*, MSS 2652, PNM, fol, 147.

Manuskrip Perpustakaan Negara, MSS 1517(A) (Melayu-Jawi) *Khalq al-Samāwāt wa al-'Arq*, fol, 4.

## **ENSIKLOPEDIA:**

The Encyclopedia of Islam, edisi lama [ E.1(2)], 4 Vol. & 1 Suplement, Leiden 1913-1979.

i. Carra De Vaux,

- “Jannah”, Vol, I, 1913-1979

ii. Duncan Black Macdonald

- “Qūrṣī”, Vol, II, 1913-1979

iii. Goldziher

- “Alam”, Vol. II, 1913-1979

iv. Nyberg, S.

- “Nār”, Vol. II, 1913-1979

v. Winseck, A.J.

- “Qāmar”, Vol. III, 1913-1979

The Encyclopedia of Islam, edisi baru [E.1(2)], 9 Vol. Leiden 1979-1997.

i. Abd salem,

- “Arasy”, Vol. IV, 1991

ii. Arnaldez, R.

- “*Nājm*”, Vol. V, 1986

iii. Calverley, E.E.

- “*Sidrah*”, Vol. III, 1993

iv. Ess, J.V

- “*Syāms*”, Vol. V, 1979

v. Fahd, T.

- “*Qalam*”, Vol. III, 1995

vi. Gardet, L.

- “*Šughrā*”, Vol. V, 1986

- “*Kubrā*”, Vol. III, 1979

vii. Lewis, B.

- “*Hawā*”, Vol. II, 1983

viii. D.J. Boilet,

- “Al-Birūni””, Vol. I 1986.

Abdsalem, *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, ed. John L. Esposito.  
Oxford: Oxford University Press, 1995.

Ensiklopedia Islam. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994.